

Bab Enam

Konfrontasi Di Antara Mahathir Dan Anwar (Mei 1995 - September 1998)

Selepas pilihan raya 1995, konflik di antara Mahathir dan Anwar telah menjadi lebih terbuka. Walaupun Mahathir berjaya menegah Anwar untuk mencabarnya melalui usul tiada pertandingan terhadap dua jawatan tertinggi di Perhimpunan Agung UMNO 1996, tetapi Anwar telah menunjukkan kekuatannya dalam parti apabila orang-orang yang ditajanya menewaskan ramai penyokong Mahathir di pemilihan bahagian UMNO dan kemudian dalam pemilihan Pemuda dan Wanita. Selepas itu, walaupun perhubungan di antara kedua-dua mereka menjadi mesra dengan melantik Anwar sebagai pemangkunya kerajaan dan di parti, tetapi perhubungan mereka menjadi lebih tegang selepas Mahathir pulang daripada cuti kerja yang selama 2 bulan di luar negeri pada Julai 1997. Lepas itu, kedua-dua mereka bertelingkah atas isu ‘bail out’ syarikat-syarikat kroni Mahathir dan juga beberapa dasar ekonomi, sehingga akhirnya Anwar dipecat daripada parti dan kerajaan pada September 1998.

6.1 Cabaran Anwar Disekat

Orang Anwar Disekat Menganggotai Kabinet

Rombakan kabinet dan perlantikan Menteri Besar selepas Pilihan raya umum 1995 membayangkan strategi Mahathir yang ingin menyekat cabaran daripada puak Anwar.

Dari segi tahap negeri, kebanyakan jawatan Menteri Besar dipegang oleh orang yang kelihatan samada pro-Mahathir ataupun kurang rapat dengan Anwar. Misalnya, Abdul

Ghani Othman mengambil alih jawatan Menteri Besar Johor daripada pengikut Anwar, Muhyiddin Yassin. Walaupun jawatan Menteri Besar Kedah masih dipegang oleh Osman Aroff, tetapi Sanusi Junid merupakan orang yang dijangka akan menggantikan beliau. Di Negeri Terengganu pula, bekas Menteri Perusahaan Awam, Yusof Noor dijangka akan mengambil alih jawatan Menteri Besar daripada Wan Mokhtar. Bekas setiausaha politik Anwar, Salamon Selamat yang diura-ura akan memegang jawatan Menteri Besar Selangor sebelum pilihan raya umum diberi kerusi Parlimen Shah Alam dan menjadi ‘back-bencher’ di Parlimen; manakala rakan Anwar daripada ABIM, Sidek Baba yang diramalkan sebagai calon Ketua Menteri Melaka tidak dijadikan calon dalam pilihan raya umum dan Zin Ghani dikenalkan sebagai Ketua Menteri Melaka. Selain itu, Isa Samad yang tidak menyertai *Team Wawasan* pada tahun 1993 kekal sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan manakala bekas Menteri Perpaduan Negara selaku Naib Ketua Wanita UMNO yang merupakan penyokong Anwar yang kuat, Napsiah Omar dijadikan sebagai ahli Exco Negeri Sembilan sahaja.³⁴⁰ Di Pulau Pinang, Shariff Omar, penyokong Abdullah Badawi dijadikan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang untuk menggantikan jawatan penyokong Anwar, Ibrahim Saad. Di Perlis, Shahidan Kassim yang tidak begitu rapat dengan Anwar, masing-masing memegang jawatan Menteri Besar di kedua-dua negeri tersebut.³⁴¹

Dari segi rombakan kabinet, selain daripada perlantikan orang Anwar Najib Tun Razak sebagai Menteri Pendidikan, Mahathir mempromosi pesaing dan tokoh yang tidak sehaluan dengan Anwar ke jawatan yang berpengaruh. Syed Hamid Albar yang

³⁴⁰ Salah satu sebab penurunan pangkat Napsiah Omar adalah kerana kononnya beliau melakukan kesilapan dalam isu pengeluaran permit teksi semasa beliau memegang jawatan Menteri Perusahaan Awam di kabinet.

³⁴¹ *Utusan Malaysia*, 29 April 1995, m/s 1, *New Straits Times*, 28 April 1995, m/s 1.

tidak sebaris dengan Anwar dan kalah dalam pertandingan jawatan Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1993 memegang jawatan Menteri Pertahanan (Kementerian Undang-undang yang pernah dijawat oleh beliau telah dimansuhkan) manakala pengikut setia Daim, Mustapa Mohamed dilantik memegang jawatan menteri dalam suatu kementerian yang baru, Kementerian Pembangunan Usahawan. Abdullah Badawi kekal sebagai Menteri Luar Negeri dan Rafidah Aziz yang pernah disiasat oleh BPR masih memegang jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Rombakan kabinet ini jelas menunjukkan beberapa penyokong kuat Anwar telah diketepikan. Bekas Menteri Besar Johor Muhyiddin Yassin dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan, ini merupakan suatu kementerian yang kurang penting dan tidak berpeluang untuk memberi naungan kepada penyokongnya. Pada masa itu, beliau didakwa oleh dua tuan tanah, Stamford Holdings dan Protestant Holy Light Church ke Mahkamah atas ketidaktetapan dalam suatu urusniaga tanah di Johor. Selain itu, penyokong Anwar seperti Pemangku Ketua Pemuda, Nazri Aziz dan bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan bekas setiausaha politik Anwar, Ibrahim Saad hanya dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sahaja. Walaupun terdapat khabar angin yang menyatakan bahawa Anwar mungkin dialih ke kementerian yang kurang penting, tetapi beliau tetap dikenalkan sebagai Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri dalam rombakan kabinet pada 3 Mei 1995.³⁴²

Pemerhati politik melihat pengaturan anggota kabinet ini sebagai usaha Mahathir untuk mengenepikan cabaran terhadapnya. Mengikut Terence Gomez, rombakan

³⁴² *Asiaweek*, 19 Mei 1995, m/s 33.

jawatan kerajaan tersebut menunjukkan Mahathir secara bijaknya telah meletakkan masa depan setiap pemimpin UMNO dalam keadaan yang tidak terjamin, supaya mereka akan terus setia kepada beliau. Perlantikan tokoh yang setia kepada Mahathir ke jawatan kabinet yang penting dan jawatan Menteri Besar di setiap negeri kelihatan bertujuan untuk menyekat Anwar daripada mendapat sokongan pada tahap bahagian UMNO.³⁴³

'Revolusi' Di UMNO Kedah

Cabaran yang dihadapi oleh penyokong setia Mahathir selepas pilihan raya umum adalah pemilihan Bahagian UMNO di negeri asalnya, Kedah.

Masalah di UMNO Kedah kelihatan muncul sejak Julai 1994, di mana terdapat khabar angin yang mengatakan Mahathir ingin menghantar Sanusi Junid untuk menggantikan jawatan Menteri Besar yang dipegang oleh Osman Aroff. Kononnya cadangan tersebut dibuat oleh Daim yang berpendapat bahawa pembangunan di Kedah tidak sebaik berbanding dengan negeri lain di Malaysia, selain itu, kerajaan Negeri Kedah juga terlibat dalam projek yang mendatangkan kemarahan rakyat, seperti Jerai International Park yang menelan perbelanjaan sebanyak RM17 bilion dan projek Udang Harimau di Kerpan yang memakan perbelanjaan sebanyak RM60 juta dan sebagainya. Osman Aroff enggan meletakkan jawatan dan beliau dikatakan mendapat sokongan daripada Anwar yang tidak mahu Sanusi Junid memegang jawatan Menteri Besar Kedah. Keadaan ini pun menyebabkan penyokong Osman di Bahagian Merbok bercadang untuk membangkitkan usul undi tidak percaya terhadap Daim sebagai

³⁴³ Edmund Terence Gomez, *ibid*, m/s 55-56; *Far Eastern Economic Review*, 18 Mei 1995, m/s 20; *Asiaweek*, 19 Mei 1995, m/s 33.

Ketua Bahagian. Cadangan ini menyebabkan Daim berkata bahawa beliau sedia berundur sekira adanya tindakan tersebut di bahagiannya.³⁴⁴ Timbalan Ketua Bahagian, Hashim Othman kemudian menafikan khabar angin tersebut dan berkata 123 buah cawangan dalam Bahagian Merbok memberi sokongan padu kepada Daim.³⁴⁵

Dalam pilihan raya umum dalam April 1995, Sanusi Junid bertanding sebagai calon DUN di Kedah, iaitu langkah yang menuju ke arah jawatan Menteri Besar Kedah. Dalam satu lawatan Mahathir dalam kempen pilihan raya umum, kumpulan yang membantah pemilihan sesetengah calon dalam pilihan raya umum telah menunjukkan protes dengan mempamerkan poster semasa menyambut kedatangan Mahathir. Mahathir menyalahkan Osman Aroff atas peristiwa yang amat memalukan dan memeranjatkan ini.

Dalam tempoh pemilihan bahagian pada bulan Ogos dan September 1995, ramai penyokong setia Mahathir dicabar oleh penyokong Anwar. Cabaran yang dihadapi oleh Daim Zainuddin dalam pemilihan Bahagian Merbok UMNO merupakan peristiwa yang membuka tirai pencabaran terhadap tokoh veteran dalam parti. Pencabarnya Zainol Abidin Johari dicalonkan oleh 28 cawangan manakala 89 cawangan mencalonkan Daim untuk mempertahankan kerusi Ketua UMNO Bahagian Merbok.³⁴⁶ Cabaran Zainol memarahkan Daim dan menyebabkan beliau meletakkan jawatan sebagai Ketua Bahagian Merbok yang diterajui beliau selama 10 tahun. Beliau juga mengugut tidak akan mempertahankan jawatan Ketua Bahagian Merbok

³⁴⁴ *Utusan Malaysia*, 30 Julai 1994, m/s 1.

³⁴⁵ *Utusan Malaysia*, 31 Julai 1994, m/s 6.

³⁴⁶ *Utusan Malaysia*, 17 Ogos 1995, m/s 2.

UMNO sekiranya terdapat cabaran terhadapnya.³⁴⁷ Beberapa pemimpin tempatan dan pemimpin tahap kebangsaan pun memujuk Daim supaya mempertimbangkan semula keputusan beliau selepas pengumumannya.³⁴⁸

Kenyataan Anwar terhadap perkara ini kelihatan tidak konsisten. Sehari selepas Daim mengumumkan perletakkan jawatan, Anwar berkata bahawa tindakan Daim melepaskan jawatan itu adalah tepat bagi beliau untuk bergiat aktif di peringkat kebangsaan,³⁴⁹ tetapi selepas Mahathir menyatakan pendiriannya bahawa adalah tidak ‘manis’ bagi Daim dicabar oleh seorang ahli yang baru kembali ke pangkuhan parti itu, dan Daim sebagai seorang yang berjasa kepada parti harus dipilih secara sebulat suara untuk terus menerajui Bahagian Merbok,³⁵⁰ Anwar pun menukar pendirian dan menyeru Daim mempertimbangkan keputusan perletakan jawatan beliau.³⁵¹ Ketegasan Daim atas ketiadaan cabaran terhadapnya menyebabkan tarikh tutup pengesahan bertanding dilanjutkan sebanyak tiga kali.³⁵² Akhirnya, kemunculan pencabar yang ketiga terhadap jawatan tersebut pun lebih memarahkan Daim dan menyebabkan beliau tidak bertanding bagi jawatan tersebut.³⁵³

Cabaran terbuka terhadap Daim menyebabkan ramai orang menduga bahawa ia adalah tindakan yang disokong oleh Anwar. Mengikut laporan *Asiaweek*, kononnya

³⁴⁷ *Utusan Malaysia*, 16 Ogos 1995, m/s 1.

³⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 28 Ogos 1995, m/s 3.

³⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 17 Ogos 1995, m/s 2.

³⁵⁰ *Utusan Malaysia*, 18 Ogos 1995, m/s 1.

³⁵¹ *Utusan Malaysia*, 28 Ogos 1995, m/s 3

³⁵² Tarikh tutup pengesahan bertanding yang awal adalah pada 15 Ogos, kemudian ia dilanjutkan kepada 30 Ogos dan akhirnya 10 September 1995. Rujuk *Utusan Malaysia*, 2 September 1995, m/s 2.

³⁵³ Tiga orang pencabar terhadap jawatan Ketua Bahagian Merbok adalah Zainol Abidin Johari, Presiden Persatuan Bekas Parajurit Malaysia (PBPM), ADUN Tanjung Dawai, Badri dan ahli UMNO cabangan Jamaluddin Che Tam. Rujuk *Utusan Malaysia*, 13 September 1995, m/s 1.

Mahathir menanya suatu kumpulan ketua bahagian samada Anwar adalah orang di belakang cabaran di Merbok.³⁵⁴

Semasa pergolakan politik di UMNO Bahagian Merbok berlaku, terdapat ura-ura bahawa Osman Aroff digesa untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah. Beliau sengaja bercuti di luar negeri pada awal bulan Ogos 1995 demi mengelakkan mesyuarat Majlis Tertinggi dan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kedah sempena lawatan dua hari Mahathir ke Kedah pada 9-10 Ogos 1995. Mesyuarat tersebut dikatakan adalah untuk membincangkan kedudukan Osman sebagai Menteri Besar.³⁵⁵

Pada 6 September 1995, Mahathir menjemput ADUN dan Ahli Parlimen dan Ahli Senator UMNO Kedah di Jabatan Perdana Menteri untuk berbincang tentang kedudukan Osman. Mesyuarat itu dihadiri oleh para pemimpin UMNO yang penting, termasuk Daim Zainuddin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr. Abdul Hamid Othman, Sanusi Junid, Timbalan Menteri Kewangan Affifuddin Omar dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Kadir Sheikh Fadzir. Laporan *Utusan Malaysia* menyarkan berita tersebut dalam halaman pertama dengan tajuk *Saya akan akur kehendak Dr. Mahathir – Osman: Sanusi MB baru Kedah*,³⁵⁶ tetapi berita ini dinafikan oleh Osman Aroff keesokan hari, beliau berkata beliau tidak akan meletakkan jawatan.³⁵⁷

Osman Aroff bertemu dengan Mahathir seminggu kemudian. Sehari selepas itu, Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu, iaitu kawasan Parlimen Mahathir,

³⁵⁴ *Asiaweek*, 29 September 1995, m/s 40.

³⁵⁵ *Utusan Malaysia*, 10 Ogos 1995, m/s 5.

³⁵⁶ *Utusan Malaysia*, 7 September 1995, m/s 1.

³⁵⁷ *Utusan Malaysia*, 8 September 1995, m/s 1.

berikrar menyokong kepemimpinan Osman dan berjanji akan berdiri teguh bersama beliau untuk menghadapi segala cabaran.³⁵⁸ Tindakan mereka menunjukkan Mahathir memang telah kehilangan kawalan terhadap UMNO Negeri Kedah.

Penewasan Penyokong Kuat Mahathir dalam Pemilihan Bahagian

Pemilihan bahagian UMNO Kedah merupakan suatu ‘revolusi kecil’ dalam UMNO sahaja, banyak kekecohan berlaku dalam pemilihan bahagian kemudian sehingga Jawatankuasa Pengurusan UMNO menggantung persidangan perwakilan di tujuh Bahagian.³⁵⁹ Pada 27 September 1995, Jawatankuasa Pengurusan UMNO memutuskan bahawa mesyuarat harus diadakan semula di 543 cawangan di bawah 7 bahagian yang bermasalah di tiga negeri.³⁶⁰ Setiausaha Agung UMNO, Mohamed Rahmat mendedahkan terdapat pemimpin peringkat cawangan meletakkan jawatan secara beramai-ramai bagi menimbulkan huru-hara dengan harapan persidangan Bahagian digantung.³⁶¹

Pada awal September 1995, Mahathir berkata wujudnya aliran untuk menyingkirkan tokoh-tokoh veteran yang berpengaruh di dalam UMNO. Beliau berkata usaha mengenepikan Daim di Bahagian Merbok merupakan salah satu daripada kes yang berlaku. Pada 16 September, Anwar berkata beliau dan lain-lain pemimpin tertinggi UMNO tidak pernah campur tangan dalam pemilihan jawatan peringkat cawangan dan bahagian parti itu. Beliau menafikan bahawa beliau dan Mahathir pernah merestui mana-mana pihak untuk bertanding merebut sebarang jawatan dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian. Pada 10 September, Anwar berkata di Kuala Kubu

³⁵⁸ *Utusan Malaysia*, 13 September 1995, m/s 14.

³⁵⁹ *Utusan Malaysia*, 2 September 1995, m/s 2.

³⁶⁰ *Utusan Malaysia*, 28 September 1995, m/s 1.

Bharu bahawa golongan muda tidak seharusnya diketepikan sebagai ‘generasi asing’ dalam perjuangan UMNO kerana mereka sebenarnya mampu membentuk barisan pelapis yang berwibawa. Pada hari yang sama, Mahathir berkata di Kuching bahawa wujudnya segelintir pemimpin parti di peringkat bahagian yang sengaja mereka-reka cerita buruk mengenai seseorang pemimpin untuk menjatuh dan mengambil-alih jawatan yang dipegang pemimpin berkenaan. Dua hari selepas itu, Mahathir seolah-olah membalas kata-kata Anwar dengan membidas generasi baru ahli-ahli UMNO kerana kurang menghayati semangat perjuangan parti, tetapi sebaliknya mereka masuk UMNO demi memperolehi jawatan dalam parti dan kerajaan.

Kenyataan Mahathir dan Anwar yang kelihatan saling bertindakbalas secara terbuka menunjukkan konflik di antara kedua-dua mereka, ia juga menunjukkan bahawa pemilihan peringkat Bahagian UMNO merupakan pertarungan kuasa di antara Puak Orang Tua dan Puak Orang Muda. Penyokong Anwar yang agresif kelihatan telah menggoncang asas sokongan terhadap Mahathir kerana beberapa pemimpin kebangsaan UMNO yang rapat dengan Mahathir telah gagal dalam pemilihan peringkat bahagian. Ghafar Baba merupakan tokoh pertama yang ditewaskan dalam pemilihan bahagian di Bahagian Jasin.³⁶²

Pengumuman Tiada Pertandingan Terhadap Dua Jawatan Tertinggi UMNO

Dua hari selepas ketewasan Ghafar dalam pemilihan Bahagian Jasin, dalam suatu persidangan akhbar yang dihadiri oleh Anwar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi, Mahathir mengumumkan secara rasmi bahawa tidak ada pertandingan bagi jawatan

³⁶¹ *Utusan Malaysia*, 14 September 1995, m/s 1.

Presiden dan Timbalan Presiden dalam pemilihan parti dalam tahun berikutnya, tetapi pertandingan hanya diadakan bagi jawatan Naib Presiden sahaja. Beliau berkata sepanjang tempoh pemilihan di peringkat bahagian UMNO, kononnya ada calon-calon menjadi wakil kepada Presiden atau Timbalan Presiden, tetapi sebenarnya tiada arahan daripada beliau dan Anwar.³⁶³ Pengumuman Mahathir mendapat sokongan daripada para pemimpin peringkat tertinggi, Anwar juga menyatakan kekesalan beliau terhadap golongan yang melaga-lagakan beliau dengan Mahathir.³⁶⁴ Osman Aroff pula meminta ahli-ahli dan pemimpin UMNO berhenti membuat spekulasi mengenai Anwar akan menentang Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun berikutan.³⁶⁵ Pengumuman ini jelas menunjukkan Mahathir menggunakan kuasanya untuk menyekat sokongan Anwar yang semakin meningkat dan menegah Anwar mencabar jawatan Presiden.

Walau bagaimanapun, pengumuman ini masih tidak dapat menegah pencabaran terhadap pemimpin tinggi UMNO yang lain di peringkat pemilihan bahagian. Pemimpin UMNO yang pro- Mahathir yang ditewaskan dalam pemilihan bahagian termasuk: Ketua Penerangan UMNO Hussein Ahmad dan Ahli Majlis Tertinggi selaku Timbalan Menteri Pendidikan Khalid Yunus yang ditewaskan dalam pemilihan Bahagian Rantau Panjang dan Jempol masing-masing. Di antaranya, Hussein Ahmad merupakan penyandang jawatan Ketua Bahagian yang paling lama, iaitu selama 27 tahun.³⁶⁶ Seminggu selepas itu, dalam pemilihan Bahagian Langkawi, bekas Menteri Pertanian Sanusi Junid yang kerap berkata bahawa terdapat komplot untuk

³⁶² Ghafar memperolehi 121 undi sementara ADUN Kawasan Merlimau Abu Zahar Isnin mendapat 127 undi, satu undi rosak. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 18 September 1995, m/s 1.

³⁶³ *Utusan Malaysia*, 20 September 1995, m/s 1.

³⁶⁴ *Mingguan Malaysia*, 24 September 1995, m/s 1.

³⁶⁵ *Utusan Malaysia*, 29 September 1995, m/s 14.

³⁶⁶ *Mingguan Malaysia*, 24 September 1995, m/s 6.

melenyapkan kerjaya politiknya ditewaskan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Abu Bakar Taib. Sanusi telah menyandang jawatan Ketua Bahagian tersebut selama 16 tahun.³⁶⁷ Selain itu, Rahim Tamby Chik juga gagal dalam pertandingan atas jawatan Timbalan Ketua Bahagian Alor Gajah, beliau ditewaskan dengan perbezaan 107 undi oleh bekas setiausaha politiknya selaku Exco Negeri Melaka, Noordin Yaani.³⁶⁸

Selepas kekalahan Sanusi dalam pemilihan bahagian, Mahathir yang memberi ucapan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkata beliau merasa sedih kerana ahli-ahli UMNO di Langkawi dan Merbok tidak menghiraukan pendirian beliau terhadap jawatan Sanusi dan Daim. Sebaliknya, Anwar pula berkata beliau menghormati keputusan perwakilan bahagian-bahagian tersebut berhubung dengan penewasan Sanusi Junid.³⁶⁹ Kenyataan Mahathir kelihatan telah menyebabkan Indeks Komposit jatuh sebanyak 16.48 mata, indeks Emas jatuh 4.81 mata sementara Indeks Perusahaan susut 16.25 mata pada hari Isnin berikutannya, 2 Oktober 1995.³⁷⁰ Kekalahan Sanusi dan perkembangan politik UMNO di Kedah pun menyebabkan Mahathir terpaksa menunda perlantikan Sanusi sebagai Menteri Besar Kedah.³⁷¹

Sikap agresif puak Anwar terhadap penyokong Mahathir menyebabkan beliau terpaksa bertindak balas untuk mempertahankan kedudukan beliau. Langkahnya

³⁶⁷ Sanusi Junid mendapat 73 undi manakala pencabarinya mendapat 85 undi. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 30 September 1995, m/s 1-2; *Mingguan Malaysia*, 1 Oktober 1995, m/s 2.

³⁶⁸ Rahim mendapat 98 undi manakala Noordin Yaani mendapat 207 undi. Adalah dikatakan bahawa satu kompromi dicapai di antara Ketua Bahagian selaku Ketua Menteri Melaka dan Ketua Perhubungan UMNO negeri, Zin, adalah demi mengelakkan keadaan sengit di dalam bahagian tersebut. Rujuk: Mahadzir Mohd. Khir, *Pemuda UMNO atau Rahim? – Siapa sebenarnya berada di ambang senja*, disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 24 Disember 1995, m/s 10.

³⁶⁹ *Mingguan Malaysia*, 1 Oktober 1995, m/s 1-2.

³⁷⁰ *Utusan Malaysia*, 3 Oktober 1995, m/s 12.

³⁷¹ *Utusan Malaysia*, 3 Oktober 1995, m/s 13.

termasuk mengkaji dan meminda Perlembagaan UMNO dan menggunakan saluran Perhimpunan Agung untuk menegahkan cabaran Anwar terhadap jawatan beliau.

Penubuhan Jawatankuasa Kajian dan Pindaan Perlembagaan UMNO

Seminggu selepas penewasan Sanusi, pada 6 Oktober, Mahathir mengumumkan bahawa Majlis Tertinggi ingin menubuhkan suatu jawatankuasa sementara untuk mencari mekanisme yang terbaik untuk menjamin masa depan UMNO ekoran berlakunya banyak kepincangan dalam pemilihan peringkat bahagian dan cawangan. Jawatankuasa akan mengkaji semua aspek, termasuk perlumbagaan parti UMNO dan kemungkinan mengkaji semula sistem undi bonus terhadap pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Keputusan tersebut dibuat semasa Anwar dan penyokong kuatnya Nazri Aziz berada di luar negeri.³⁷²

Cadangan kemungkinan menghapuskan sistem bonus ini mendapat sokongan kuat daripada penyokong Mahathir, termasuk Rafidah Aziz, Syed Hamid Albar dan Sanusi Junid, manakala Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Nazri Aziz membantah dengan kuatnya.³⁷³ Pemimpin parti yang lain seperti Muhyiddin Yassin dan Najib Tun Razak pula mengambil pendirian yang neutral dengan berkata sistem bonus tersebut mempunyai kebaikan dan keburukannya.

Jawatankuasa Sementara Kajian dan Pindaan Perlembagaan UMNO tersebut diketuai oleh Mahathir, manakala Anwar dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha. Kesemua anggota yang dilantik dalam jawatankuasa

³⁷² *Utusan Malaysia*, 7 Oktober 1995, m/s 1.

³⁷³ *Mingguan Malaysia*, 22 Oktober 1995, m/s 10.

tersebut adalah penyokong Mahathir.³⁷⁴ Selepas itu, Mahathir berkata bahawa jawatankuasa tersebut perlu enam bulan untuk ‘menyediakan’ laporannya kepada Majlis Tertinggi UMNO. Beliau juga menegaskan bahawa jawatankuasa itu hanya buat cadangan, dan terpulang kepada Majlis Tertinggi untuk mengambil tindakan.³⁷⁵

Usul Tiada Pertandingan Terhadap Dua Jawatan Tertinggi

Teguran Mahathir terhadap orang muda dalam parti kelihatan menyebabkan Pemuda UMNO terpaksa menyatakan pendiriannya terhadap isu jawatan Presiden dalam parti sebelum Perhimpunan Agung UMNO. Mesyuarat Exco Pemuda UMNO pada 7 November meluluskan suatu resolusi mengekalkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Pada hari pertama Perhimpunan Agung UMNO 1995 pada 23 November, Anwar menolak sebarang kemungkinan beliau akan mencabar Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.³⁷⁶

Keesokan harinya, dalam ucapan pembukaan Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO, beliau menyatakan hasrat yang menghendaki proses peralihan pucuk pimpinan UMNO kepada Timbalan Presiden berjalan dengan lancar, tertib dan terselamat demi kekuatan parti. Beliau berkata,

“Sekarang saya sudah memimpin parti selama lebih 14 tahun dan saya sekarang berusia 70 tahun. Tentulah

³⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1995, m/s 1. Anggota ini termasuk empat tokoh veteran UMNO, dua Ketua kerajaan negeri, seorang menteri pusat dan seorang bekas menteri. Mereka adalah: Kamarul Ariffin, Abdul Samad Idris, Aishah Ghani, Azhari Taib, Daim Zainuddin, Abdul Ghani Othman, Ketua Menteri Sabah Salleh Tun Said dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr. Abdul Hamid Othman.

³⁷⁵ *Utusan Malaysia*, 25 Oktober 1995, m/s 1-2.

³⁷⁶ *Utusan Malaysia*, 24 November 1995, m/s 1.

akan tiba masanya, tidak lama lagi untuk pemimpin baru menerajui parti.”

“Niat saya ialah untuk menyerahkan kepada pengganti saya sebuah parti yang kukuh, bersatu padu dan berwibawa. Dan dalam tradisi UMNO, pengganti kepada Presiden ialah Timbalan Presiden.”³⁷⁷

Lepas itu, usul yang tiada duluan dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO, iaitu usul menyokong dan memberi mandat supaya Presiden dan Timbalan Presiden UMNO kekal memegang jawatan mereka sehingga tahun 1999. Kesemua perwakilan UMNO meluluskan usul ini sebulat suara secara angkat tangan.³⁷⁸

Dalam ucapan penutupan Perhimpunan Agung, Mahathir mempertahankan usul tersebut dengan menyatakan usul tersebut adalah satu tindakan demokratik dan cara yang terbaik untuk menyelamatkan parti. Beliau berkata:

“Bagi saya, setelah 14 tahun, kalau kalah tak apalah, tetapi kalau lauh Anwar kalah, habislah riwayatnya dan parti terpaksa mencari orang lain dan parti akan bergolak lagi.”

Kenyataan tersebut bukan sahaja menunjukkan Mahathir khuatir terhadap cabaran Anwar, ia juga menunjukkan Mahathir tidak bersedia untuk berundur daripada politik. Sebenarnya dalam bulan Ogos 1995, beliau berkata beliau ingin ‘masih berada’

³⁷⁷ *Utusan Malaysia*, 25 November 1995, m/s 1 & 8.

³⁷⁸ *Mingguan Malaysia*, 26 November 1995, m/s 1.

semasa Sukan Komanwel dan juga sidang kemuncak Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) yang diadakan di Kuala Lumpur dalam September 1998.³⁷⁹ Beberapa projek infrastruktur yang megah, seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, bangunan yang tertinggi di dunia, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan lain-lain yang melambangkan kemajuan ekonomi negara dijangka akan siap pada tahun 1998. Tanda-tanda Mahathir yang tidak ingin bersara mengecewakan penyokong-penyokong Anwar. Kononnya mereka kurang sabar dan telah mengenakan tekanan terhadap Anwar.³⁸⁰

Rahim Tamby Chik Pulang ke UMNO

Mahathir kelihatan lebih menguatkan autoritinya selepas usul yang menjamin pengekalan jawatannya diluluskan oleh perwakilan UMNO. Dua hari selepas Perhimpunan Agung UMNO, Peguam Negara mengumumkan bahawa Pendakwaraya menggugurkan dua tuduhan rasuah terhadap Rahim Tamby Chik. Sebelum ‘pengampunan’ ini, Kerajaan Negeri Melaka telahpun mengumumkan bahawa Rahim telah membayar balik perbelanjaan yang melebihi had RM100,000 yang dibelanjakan oleh beliau untuk tujuan politik.

Dua minggu selepas itu, Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Nazri Aziz berkata bahawa beliau ingin menyerah balik jawatan Ketua Pemuda kepada Rahim berdasarkan resolusi yang telah diputuskan oleh Pemuda pada September tahun 1994.³⁸¹

³⁷⁹ *Far Eastern Economic Review*, 2 November 1995, m/s 21.

³⁸⁰ *Far Eastern Economic Review*, 2 November 1995, m/s 21.

³⁸¹ *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1995, m/s 1.

Kenyataan Nazri bukan sahaja menyebabkan ramai pemimpin Pemuda UMNO merasa terkilan, ia juga meletakkan pemimpin parti UMNO dalam keadaan yang serba-salah. Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Zahid Hamidi merupakan orang pertama yang membantah cadangan tersebut.³⁸² Anwar mengambil pendirian yang berhati-hati dengan berkata cadangan Nazri harus diteliti dari segi perlembagaan parti dan perkara tersebut harus dirujuk kepada Mahathir sebelum ia dibentangkan di Majlis Tertinggi. Mohamed Rahmat pula berkata tindakan Nazri melanggar perlembagaan parti kerana mengikut perlembagaan UMNO, Rahim perlu bertanding jika ingin memegang kembali jawatan tersebut.³⁸³ Walau bagaimanapun, Mahathir berkata beliau sedia menerima segala keputusan Pemuda UMNO berhubung dengan tawaran penyerahan semula jawatan oleh Nazri. Beliau juga menyifatkan komen Mohamed Rahmat sebagai pandangan peribadinya.³⁸⁴

Walaupun bantahan dikemukakan oleh tujuh Jawatankuasa Negeri Pemuda UMNO, iaitu: Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Kedah dan Melaka, mesyuarat Majlis Tertinggi pada 16 Januari 1996 tetap mengikut keinginan Mahathir dan meluluskan keputusan untuk membenarkan Rahim memegang semula jawatan Ketua Pemuda UMNO dan Naib Presiden UMNO, berdasarkan alasan Rahim hanya melepaskan jawatan secara sementara untuk menghadapi tuduhan terhadap beliau. Beliau berkelayakan untuk memegang jawatannya semula setelah semua tuduhan terhadapnya digugurkan. Keputusan Majlis Tertinggi pun menyebabkan Exco Pemuda UMNO terpaksa menerima semula Rahim sebagai Ketua mereka.

³⁸² *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1995, m/s 1; *Utusan Malaysia*, 13 Disember 1995, m/s 2.

³⁸³ *Utusan Malaysia*, 13 Disember 1995, m/s 1-2.

³⁸⁴ *Utusan Malaysia*, 14 Disember 1995, m/s 1.

Walaupun Mahathir menggunakan perkara ini demi menunjukkan autoritinya, tetapi Rahim tetap tidak popular dalam parti UMNO. Kepulangan Rahim ke UMNO hanya mendalamkan ketidakpuasan pelbagai pihak terhadap Mahathir yang mana merupakan kemenangan bagi pihak Anwar.

Isu Giliran Ketua Menteri Sabah

Dalam pilihan raya Negeri Sabah yang diadakan dalam tahun 1994, Mahathir berjanji bahawa sekiranya BN mendapatkan kuasa kerajaan Sabah, jawatan Ketua Menteri Sabah akan digilirkan di antara tiga kaum yang utama, iaitu kaum Muslim, Kadazan dan Cina. Selepas PBS kehilangan kuasa berikutan perlombongan ramai ADUN parti itu ke BN, jawatan Ketua Menteri Sabah pun dijawat oleh Salleh Tun Said Keruak daripada UMNO.

Salleh sepatutnya menyerahkan jawatan tersebut kepada Presiden kaum Cina daripada Parti Maju Sabah (SAPP), Yong Teck Lee pada 17 Mac 1996 mengikut janji yang dibuat oleh Mahathir, tetapi Salleh dan UMNO Sabah tidak ingin menunaikan perjanjian mereka. Dengan itu, ia pun menjadi suatu isu yang kontroversial dalam bulan Januari dan Februari 1996.

UMNO Sabah yang mempunyai 20 Bahagian memainkan peranan yang penting dalam pemilihan UMNO pada Oktober 1996. Dengan itu, ramai pemimpin yang ingin bertanding dalam pemilihan UMNO pun cuba mendapat sokongan UMNO Sabah dengan menyokong pendirian mereka. Di antaranya, Naib Presiden UMNO,

Muhammad Taib merupakan pemimpin yang pertama memberi sokongan ‘peribadi’ kepada UMNO Sabah.³⁸⁵

Isu ini menyaksikan pergelutan kuasa di antara Anwar dengan Mahathir, kerana Anwar mempunyai cengkaman yang kukuh dalam UMNO Sabah dan beliau tidak setuju terhadap sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Setelah BN Sabah gagal mencapai persetujuan mengenai perkara ini dalam mesyuarat pada 8 Januari 1996, perkara ini pun diserahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad.³⁸⁶ Pada 24 Februari, Mahathir mengumumkan bahawa tempoh perkhidmatan Salleh dilanjutkan sedikit lagi bagi membolehkan beberapa pindaan dilakukan terhadap Enakmen Perlembagaan Sabah, Enakmen Perundangan Negeri serta beberapa perundangan yang lain.³⁸⁷ Selepas itu, pindaan 5 perundangan negeri yang bertujuan untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah yang sepatutnya dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 April itu pun ditunda kepada 17 dan 18 Jun. Pada 1 Mei Mahathir berkata beliau akan menunaikan janji atas penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah tanpa perlu menunggu pindaan perundangan negeri itu diluluskan.³⁸⁸ Dua hari kemudian, beliau mengumumkan bahawa Salleh telah menghantar surat perletakan jawatan yang tidak bertarikh kepada beliau dan Timbalan Ketua Menteri Yong Teck Lee daripada SAPP akan dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah dengan secepat mungkin. Anwar yang berjumpa dengan para anggota DUN dan Parlimen Sabah pada hari itu pun berkata bahawa kesemua anggota UMNO di Sabah sedia memberi sokongan kepada Ketua

³⁸⁵ *Utusan Malaysia*, 29 Januari 1996, m/s 2.

³⁸⁶ *Utusan Malaysia*, 27 Januari 1996, m/s 2

³⁸⁷ *Utusan Malaysia*, 25 Februari 1996, m/s 1, *Utusan Malaysia*, 26 Februari 1996, m/s 6.

³⁸⁸ *Utusan Malaysia*, 2 Mei 1996, m/s 2.

Menteri yang baru.³⁸⁹ Yong Teck Lee kemudian berjaya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah pada 28 Mei.³⁹⁰ Mahathir sekali lagi menang dalam pergelutan kuasa dengan Anwar dalam isu ini.

Osman Aroff Meletakkan Jawatan

Selepas Mahathir berjaya dalam isu giliran Ketua Menteri Sabah, beliau pun meneruskan rancangan awalnya untuk menggantikan Menteri Besar Kedah Osman Aroff dengan rakan setianya, Sanusi Junid.

Dalam bulan Mac 1996, Osman Aroff diarah untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar, 22 daripada 26 ADUN UMNO di Kedah pun mengemukakan memorandum kepada Mahathir untuk merayu beliau supaya mengekalkan Osman Aroff sebagai Menteri Besar.³⁹¹ Tindakan terbuka mereka ini membangkitkan kemarahan Mahathir,³⁹² tetapi mendapat sokongan daripada Najib³⁹³ dan Anwar. Anwar berkata bahawa memorandum mereka tidak boleh dipandang ringan dan diketepikan begitu sahaja, kerana ahli-ahli DUN Kedah itu telah melahirkan rasa dan pandangan mereka yang cukup kuat melalui memorandum itu.³⁹⁴ Selepas kenyataan Anwar, 8 daripada 11 Ahli Parlimen UMNO Kedah yang juga Ketua Bahagian mengeluarkan kenyataan yang berlawanan dengan Anwar dan mengumumkan sokongan mereka kepada Mahathir atas isu ini.³⁹⁵ Pada 30 Mac, selepas Mahathir berjumpa dengan semua ADUN, Ketua Bahagian UMNO yang juga Ahli Parlimen

³⁸⁹ *Utusan Malaysia*, 4 Mei 1996, m/s 1-2.

³⁹⁰ *Utusan Malaysia*, 29 Mei 1996, m/s 2.

³⁹¹ *Utusan Malaysia*, 25 Mac 1996, m/s 1-2.

³⁹² *Utusan Malaysia*, 26 Mac 1996, m/s 1-2.

³⁹³ *Utusan Malaysia*, 25 Mac 1996, m/s 5.

³⁹⁴ *Utusan Malaysia*, 27 Mac 1996, m/s 1-2.

Kedah, beliau pun mengumumkan bahawa kesemua mereka memberi mandat kepada beliau untuk membuat sebarang keputusan berhubung dengan kedudukan Menteri Besar Kedah. Pada hari yang sama, Mahathir juga menerima sokongan daripada Pemuda dan Wanita UMNO Kedah terhadap isu tersebut.³⁹⁶

Pergolakan politik di Kedah hampir ditutupi oleh isu kepulangan S46 ke UMNO dan perlantikan Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri baru di Sabah. Selepas S46 dibubarkan dan Yong menjawat Ketua Menteri Sabah, Mahathir pun mengumumkan bahawa Osman Aroff telah mengemukakan surat perletakan jawatannya pada 6 Mei secara tiba-tiba.³⁹⁷ Akhirnya, Sanusi Junid dilantik secara rasmi sebagai Menteri Besar Kedah pada 10 Jun 1996.³⁹⁸

Kajian terhadap perlembagaan UMNO untuk menghapuskan undi bonus, usul tiada pertandingan terhadap dua jawatan tertinggi dalam UMNO, kepulangan Rahim ke pangkuhan UMNO, Osman Aroff dipaksa meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah dan penerusan sistem giliran Ketua Menteri Sabah merupakan ‘tinju bayangan’ di antara Mahathir dan Anwar. Kesemua langkah yang diambil oleh Mahathir tersebut memang bercanggah dengan norma dan prosedur yang biasa. Ini menunjukkan bahawa Mahathir ingin menyekat cabaran Anwar dan ingin menunjukkan kuasanya kepada puak Anwar bahawa dia merupakan pemimpin sebenar dan ‘boss’ dalam UMNO. Selain itu, demi menguatkan sokongannya di dalam parti, Mahathir juga

³⁹⁵ *Utusan Malaysia*, 28 Mac 1996, m/s 1-2.

³⁹⁶ *Utusan Malaysia*, 31 Mac 1996, m/s 1-2

³⁹⁷ *Utusan Malaysia*, 7 Mei 1996, m/s 1-2.

³⁹⁸ *Utusan Malaysia*, 11 Jun 1996, m/s 1. Sanusi merombakkan semula portfolio Exco Kerajaan Kedah di samping menambah 2 anggota baru bagi memantapkan jentera pentadbiran pada hari beliau mengangkat sumpah. Pada 19 Jun, Sanusi secara rasminya membatalkan 2 keputusan yang dibuat oleh mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang lalu yang berkaitan dengan pengambilan tanah di Kedah di samping membatalkan pertukaran 27 orang pegawai tadbir negeri yang sepatutnya berkuat kuasa pada

mula menghubungi Parti Melayu Semangat 46 dan menjemput mereka pulang ke pangkuan UMNO.

6.2 Perjuangan Team B/ Semangat 46 Berakhir

Kegagalan Semangat 46 untuk menumbangkan kerajaan Mahathir dalam Pilihan raya umum 1990 amat mengecewakan para pemimpin dan ahli-ahli dalam parti itu. Kekecewaan mereka meningkat lagi apabila penyokong kuat parti itu selaku veteran parti UMNO dan Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman, meninggal dunia dalam Disember 1990. Selepas itu, Timbalan Presidennya Rais Yatim pun mengambil cuti satu tahun untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang undang-undang di London, manakala Naib Presiden yang lain, Marina Yusof meletakkan jawatan kerana masalah kewangan syarikatnya.

Walau bagaimanapun, Razaleigh masih cuba mengorganisasikan semula partinya dan juga Gagasan Rakyat, termasuk menjadikan Gagasan Rakyat sebagai satu perikatan yang rasmi. Perlombagaannya adalah hampir sama dengan perlombagaan BN supaya ia boleh diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan dengan senangnya. PAS tidak dimasukkan dalam Gagasan Rakyat kerana ideologi yang bercanggah dengan DAP. Selepas Pilihan raya umum 1990, Semangat 46 selalu bertumpu pada isu yang berkisar pada sentimen Melayu dan Islam, manakala UMNO menukar imejnya dan menonjolkannya sebagai parti yang progresif.

keesokan hari bagi membolehkan Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan terhadap beberapa syarikat dan agensi kerajaan. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 20 Jun 1996, m/s 1-2.

Pertentangan Di Antara Bekas Team B Dan Team A Dalam Politik Kebangsaan

Semangat 46/Team B mengadakan beberapa pertikaian dengan kerajaan Mahathir/Team A dalam beberapa isu di pentas politik kebangsaan. Salah satu isu yang dieksplorasi penuh oleh Semangat 46 adalah isu kekebalan Raja-raja, iaitu Mahathir sekali lagi ingin melucutkan kekebalan Raja-raja yang melakukan kesalahan jenayah melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan selepas pelatih hoki Negeri Johor Douglas Gomez dipukul oleh Sultan Johor, Sultan Mahmood Iskandar Ismail pada 30 November 1992.³⁹⁹ Mahathir dan kesemua pemimpin UMNO membidas Sultan Johor dan mendedahkan banyak kesalahan sultan dan keluarga Raja-raja di Parlimen dan di media selepas itu.⁴⁰⁰ Cadangan ini mendatangkan bantahan kuat daripada Semangat 46 dan Persidangan Majlis Raja-raja Melayu walaupun ia diluluskan di Dewan Rakyat dengan undi 133-0 dan di Dewan Negara dengan undi 57-0.⁴⁰¹

Lepas itu, sama seperti pindaan Perlembagaan dalam 1980an, Mahathir melancarkan kempen yang berkonfrontasi dengan Raja-raja sekali lagi. Beliau mengugut akan meluputkan semua manfaat dan keistimewaan sultan selain daripada apa yang ditetapkan dalam undang-undang.⁴⁰² Media pula mendedahkan kehidupan mewah dan

³⁹⁹ Beliau adalah bekas YDP Agong pada tahun 1984 ke 1989.

⁴⁰⁰ *Asiaweek*, 8 Januari 1993, m/s 22.

⁴⁰¹ Rang undang-undang pindaan Perlembagaan yang mempunyai 5 peruntukan baru demi melucutkan imuniti undang-undang Raja-raja diumumkan pada 13 Januari 1993. Dalam perjumpaan tidak rasmi di antara Mahathir dengan Raja-raja pada 17 Januari 1993, iaitu sehari sebelum persidangan Dewan Rakyat Parlimen, Mahathir keluar daripada mesyuarat itu dengan penuh keyakinan dan berkata bahawa Raja-raja telah bersetuju terhadap pindaan tersebut, tetapi apabila Raja-raja ini bermesyuarat pada hari keesokannya, mereka menolak pindaan Perlembagaan tersebut secara sebulat suara pada pagi sebelum persidangan Parlimen pada waktu petang.

⁴⁰² Ini bermaksud bahawa sembilan sultan di Malaysia akan terus menerima 'gaji' dan 'elaun' sebanyak RM117,200 sehingga RM 184,600 pada tahun 1993, bergantung kepada belanjawan yang diluluskan di negeri masing-masing. Kerajaan masih akan mengubahsuai istana rasmi dan membina istana yang baru, membayai perayaan Hari Keputeraan dan hari perayaan yang lain. Tetapi Raja-raja akan kehilangan keistimewaan yang tidak ditulis dalam undang-undang, seperti peruntukan membeli saham dalam

di antara Persidangan Majlis Raja-raja dengan kerajaan Mahathir. Pindaan Perlembagaan pun diluluskan di Parlimen sebulan kemudian.⁴⁰³

Sekali lagi Mahathir berjaya menangani krisis Perlembagaan yang kedua ini dan Razaleigh gagal mendapat sokongan penuh daripada masyarakat Melayu. Pada masa yang sama, masyarakat bukan Melayu menyalahi Semangat 46 kerana menyokong sistem feudal yang konservatif dan regresif.

Pilihan Raya Umum 1995: Kemenangan Mahathir

Pengaruh Semangat 46 menjadi semakin lemah sebelum pilihan raya umum 1995, selain daripada Rais Yatim yang melanjutkan pengajian kedoktorannya di Britain, Harun Idris dan Marina Yusof yang meninggalkan parti kerana masalah kewangan syarikat dan sebagainya, sesetengah pemimpin dan ahli parti seperti Ibrahim Ali juga telah balik ke pangkuhan UMNO.

Walaupun parti itu bertukar nama kepada Parti Melayu Semangat 46 kemudian, di samping mengamalkan dasar yang lebih bercorak ‘kemelayuan’ demi bersaing dengan UMNO untuk menarik sokongan kaum Melayu, tetapi ia masih kurang berjaya dan menyebabkan parti itu diasingkan daripada sokongan kaum bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina. Pertukaran polisi Semangat 46 juga merupakan faktor penting yang menyebabkan DAP meninggalkan Gagasan Rakyat dalam Julai 1994 sebelum Pilihan

syarikat kepunyaan kerajaan negeri apabila ia disenaraikan dalam pasaran saham, had import kereta mewah yang tanpa cukai, faedah yang diperolehi dari perniagaan dan sebagainya.

⁴⁰³ 20 Ahli Parlimen DAP membuang undi menyokong pindaan ini, manakala 7 orang Ahli Parlimen PAS berkecuali dan 6 Ahli Parlimen Semangat 46 tidak hadir dalam persidangan tersebut. Sebab PAS berkecuali dalam pengundian adalah kerana parti itu berpendapat bahawa kesaksamaan hanya boleh tercapai dengan perlaksanaan undang-undang Islam. Baca *Asiaweek*, 7 April, 1993, m/s 26.

raya umum.⁴⁰⁴ Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada keretakan perhubungan di antara DAP dan Semangat 46 juga disebabkan PAS ingin melaksanakan Hukum Hudud di Kelantan. Akhirnya, Gagasan Rakyat pun terbubar sebelum Pilihan raya umum 1995.

Dari segi APU, Semangat 46 dan PAS menghadapi masalah kerjasama di Kelantan selama beberapa tahun. Hubungan di antara Menteri Besar Kelantan daripada PAS, Nik Aziz Nik Mat dan Timbalan Menteri Besar daripada Semangat 46, Halim Abdul Rahman kian menjadi tegang walaupun kedua-dua parti ini masih bekerjasama dalam Pilihan raya umum 1995.⁴⁰⁵

Kegagalan S46 untuk menumbangkan BN dalam pilihan raya umum 1995 sekali lagi menewaskan semangat perjuangan parti tersebut. Ini dibayangkan dalam wawancara Tengku Razaleigh yang disiarkan dalam *Asiaweek* pada bulan Julai 1995, apabila beliau ditanya samada S46 akan pulang ke pangkuhan UMNO, dengan hairannya beliau berkata bahawa beliau tiada masalah dengan Mahathir, tetapi masalahnya mungkinlah pewaris Mahathir, Anwar Ibrahim.⁴⁰⁶ Ini mungkin kerana kepulangan Razaleigh dan kumpulan S46 dianggap akan mengugut kedudukan Anwar dan juga rancangannya untuk mewarisi jawatan Mahathir.

⁴⁰⁴ *New Straits Times*, 13 Julai 1994, m/s 2.

⁴⁰⁵ Sokongan utama yang diperolehi oleh Parti Semangat 46 di Kelantan adalah daripada perhubungan darah di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Sultan Kelantan sahaja. Keretakan di antara kedua-dua parti ini boleh dibayangkan dalam wawancara seorang pemimpin PAS dalam *Mingguan Malaysia* yang berkata bahawa ‘Semangat 46 akan menjadi beban dan liabiliti pada PAS kali ini’. Rujuk: *Mingguan Malaysia*, 16 Oktober 1994, m/s 13.

Semangat 46 Pulang Ke UMNO

Pergeseran di antara S46 dengan PAS dalam kerajaan Negeri Kelantan menjadi semakin sengit dan ketara selepas pilihan raya umum 1995. Isu yang mencetuskan konflik mereka bermula dengan enam Ahli Majlis Bandar Kota Baru S46 memulaukan upacara angkat sumpah sebagai ahli Majlis Bandar Kota Bharu pada 30 Januari 1996 kerana mereka tidak puas hati terhadap pengurangan kerusi mereka.⁴⁰⁷ Selepas itu, Ketua Penerangan S46 Terengganu, Syed Abdul Rahman Syed Akil mendesak pucuk pimpinan S46 mengkaji semula kerjasama dalam APU. Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz membalaas tindakan S46 dengan berkata bahawa hubungan mereka selama ini adalah kerana permintaan daripada S46 untuk bekerjasama dengan PAS.⁴⁰⁸

Tiga hari selepas perjumpaan rombongan S46 dengan Nik Aziz,⁴⁰⁹ Razaleigh mengumumkan bahawa partinya sedia bekerjasama dengan UMNO demi perpaduan orang-orang Melayu, dan partinya bersedia untuk menyambut perayaan UMNO ke-50 pada 11 Mei itu. Serentak dengan itu, parti tersebut juga menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji semula hubungan S46 dengan komponen parti yang menganggotai APU.⁴¹⁰ Sehari selepas itu, Razaleigh berkata bahawa beliau ‘sedia mendengar sebarang cadangan daripada Mahathir.’⁴¹¹

⁴⁰⁶ *Asiaweek*, 21 Julai 1995, m/s 33.

⁴⁰⁷ *Utusan Malaysia*, 31 Januari 1996, m/s 1.

⁴⁰⁸ *Utusan Malaysia*, 3 Februari 1996, m/s 4.

⁴⁰⁹ *Utusan Malaysia*, 7 Februari 1996, m/s 1-2.

⁴¹⁰ *Utusan Malaysia*, 9 Februari 1996, m/s 1-2.

⁴¹¹ *Utusan Malaysia*, 10 Februari 1996, m/s 2.

Perkara ini kemudian lenyap lebih daripada sebulan sementara isu Ketua Menteri Sabah dan Menteri Besar Kedah diheboh-hebohkan. Lepas itu, dalam suatu wawancara Razaleigh yang disiarkan *Asiaweek* pada 12 April 1996, beliau berkata,

*"I'm still UMNO – because I never left it. UMNO was deregistered by Mahathir and his friends in order to form the new UMNO, which shut the door on all of us."*⁴¹²

Kenyataan Razaleigh tersebut dan campur tangan istana ke dalam pentadbiran Negeri Kelantan pun menegangkan hubungan di antara PAS dan S46. Mahathir kemudian berkata bahawa UMNO sedia menerima Razaleigh kembali ke partinya pada bila-bila masa dan tanpa syarat.⁴¹³ Mahathir dan Razaleigh kemudian mengadakan pertemuan. Kepulangan S46 ke pangkuhan UMNO kemudian berkembang dengan pantasnya. Ia dilaporkan dalam media aliran utama hampir setiap hari pada akhir bulan April sehingga Hari Ulangtahun ke-50 UMNO. Pada 8 Mei, Mahathir mengumumkan bahawa Razaleigh akan menyertai semula UMNO.⁴¹⁴

Pada malam 10 Mei 1996, Razaleigh dan pemimpin utama S46 menghadiri perayaan Ulangtahun ke-50 UMNO di Kuala Lumpur. Keesokan harinya, Mahathir pertama kali mengubah pendiriannya terhadap golongan S46 dan berkata bahawa ahli S46 sebenarnya tidak pernah keluar daripada UMNO. Sebaliknya, mereka hanya tidak menyertai UMNO Baru tetapi menu buhukan parti S46.⁴¹⁵

⁴¹² *Asiaweek*, 12 April 1996, m/s 26-27.

⁴¹³ Mahathir berkata, "Tidak ada sebarang syarat, dia hendak masuk UMNO boleh, asalkan pegang kepada prinsip perjuangan parti UMNO." Rujuk: *Utusan Malaysia*, 14 Februari 1996, m/s 2.

⁴¹⁴ *Utusan Malaysia*, 9 Mei 1996, m/s 1.

Anwar kelihatan mengambil pendirian yang berhati-hati dalam perkara ini. Selepas perkara ini menjadi tetap dalam bulan April 1996, Anwar baru menyatakan pendiriannya dengan berkata UMNO sentiasa membuka pintunya kepada sesiapa sahaja termasuk Razaleigh, selagi tidak mengenakan sebarang syarat.⁴¹⁶

Pada hari sebelum ulangtahun ke-50, Anwar menyatakan sokongannya terhadap kepulangan Razaleigh ke UMNO, tetapi kenyataannya bertambah dengan kata-kata bahawa beliau berharap kepulangannya tidak akan menyebabkan UMNO berpuak-puak.⁴¹⁷ Kenyataan ini menunjukkan beliau tidak begitu mengalu-alukan kepulangan Razaleigh ke UMNO. Puak Anwar berpendapat Mahathir ingin menggunakan puak Razaleigh untuk menyemak pengaruhnya yang berkembang pesat di dalam parti dan golongan S46 mungkin akan mengancam kedudukannya dalam UMNO pada masa kelak.

Semangat 46 Dibubarkan Secara Rasmi

PAS dan S46 kemudian mengadakan pergelutan kuasa yang serius selepas S46 pulang ke UMNO. Pada 7 Julai, Kerajaan Negeri Kelantan memotong gaji Timbalan Menteri Besar Rozali Isohak sebanyak RM500 daripada gaji bulanan RM5,000.⁴¹⁸ Seminggu selepas itu, Kerajaan Negeri Kelantan memecat 4 Exco S46 dan mengakibatkan Jawatankuasa Exco Kerajaan Negeri Kelantan tertinggal 5 Exco PAS sahaja.⁴¹⁹ Memandangkan Perlembagaan Persekutuan hanya memberikan kerajaan negeri memecat ahli Exco dengan perkenan Sultan, dengan itu keempat-empat exco S46 pun

⁴¹⁵ *Utusan Malaysia*, 12 Mei 1996, m/s 2.

⁴¹⁶ *Utusan Malaysia*, 19 April 1996, m/s 2.

⁴¹⁷ *Utusan Malaysia*, 10 Mei 1996, m/s 2.

⁴¹⁸ *Utusan Malaysia*, 8 Julai 1996, m/s 1-2.

enggan meletakkan jawatan masing-masing.⁴²⁰ Dalam tempoh ketegangan kedua-dua parti ini, Nordin Yaakob, ADUN S46 di Kawasan Kelaboran, Tumpat, berpaling tada dan menyertai PAS pada 19 Julai.⁴²¹

Pada 3 Oktober, UMNO dan S46 yang bermusuhan dalam politik kebangsaan selama 8 tahun itu bersatu kembali dalam Perhimpunan Penyatuan Melayu yang dihadiri oleh kira-kira 100,000 orang di Kota Bahru.⁴²² Parti itu kemudian dibubarkan secara rasmi pada 6 Oktober 1996 dalam Perhimpunan Agung Khasnya. Dengan itu, akhirnya perjuangan Team B dalam penentangannya terhadap Mahathir.⁴²³ Sejarah membuktikan Mahathir akhirnya menang dalam pergelutan kuasa di antara beliau dengan puak yang diketuai oleh Tengku Razaleigh.

6.3 Pemilihan UMNO Oktober 1996

Cara Mahathir membala cabaran Anwar membangkitkan ketidakpuasan dalam parti. Walaupun tiada pemilihan terhadap dua jawatan tertinggi dalam Perhimpunan Agung 1996, tetapi pertarungan kuasa di antara kedua-dua puak ini dibayangkan dalam pemilihan Pemuda dan Wanita UMNO, Naib Presiden dan UMNO Johor.

Terdapat 7 calon bertanding bagi jawatan Naib Presiden, termasuk 3 penyandang jawatan daripada *Team Wawasan* yang tidak wujud lagi. Di antara ketiga-tiga mereka, Najib dan Muhammad Taib sudah menyertai puak anti-Anwar. Selain itu, di antara 4 pencabar terhadap jawatan Naib Presiden, 3 daripadanya adalah tokoh yang anti-

⁴¹⁹ *Utusan Malaysia*, 16 Julai 1996, m/s 1-2.

⁴²⁰ *Utusan Malaysia*, 18 Julai 1996, m/s 1.

⁴²¹ *Utusan Malaysia*, 20 Julai 1996, m/s 1-2.

⁴²² *Utusan Malaysia*, 4 Oktober 1996, m/s 1.

Anwar, iaitu Menteri Luar Negeri, Abdullah Badawi; Menteri Pertahanan, Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Perak, Ramli Ngah Talib.⁴²⁴

Dari segi jawatan Ketua Pemuda UMNO, penyandang jawatan Rahim Tamby Chik menghadapi 3 pencabar, iaitu Ketua Penerangan Pemuda, Zahid Hamidi; Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohd. Isa Samad dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Annuar Musa. Selain daripada Zahid, calon lain adalah tokoh yang menentang Anwar.

Bagi jawatan Naib Ketua Pemuda pula, 4 calon menawarkan diri bertanding terhadap jawatan tersebut, mereka adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Pemuda UMNO Pahang, Shahiruddin Abd. Moin; bekas Ketua Pemuda Taiping, Said Abu Hassan Said Abu Fazal dan Ahli Majlis Exco Kerajaan Negeri Selangor Abdul Fatah Iskandar.

Bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO pula, Timbalan Menteri Kesihatan dan juga anggota Exco Wanita UMNO, Siti Zaharah Sulaiman mencabar Rafidah Aziz yang telah memegang jawatan Ketua Wanita UMNO sejak Mei 1984.

Walaupun Siti Zaharah menegaskan faktor utama beliau mencabar Rafidah adalah kerana menghendaki perubahan dalam pucuk pimpinan Pergerakan Wanita serta membangunkan kebijakan ahli-ahlinya di peringkat bawahan, tetapi adalah luas dijangka bahawa beliau tidak puas hati tentang Rafidah mengagihkan saham kepada

⁴²³ *Utusan Malaysia*, 7 Oktober 1996, m/s 1-3.

⁴²⁴ Seorang pencabar Naib Presiden adalah ahli biasa di Lembah Pantai, Tajuddin K. Ismail.

anak menantunya dan cara Rafidah untuk melantik para ketua wanita negeri dan juga telah menyebabkan beliau dikalahkan oleh ADUN Pahang, Maznah Mazlan.⁴²⁵

Selain daripada pertandingan terhadap jawatan Ketua Wanita UMNO, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Zaleha Ismail juga bertanding merebut jawatan Naib Ketua Wanita dengan mencabar penyandang jawatan, ahli Exco Negeri Sembilan yang merupakan penyokong Anwar, Napsiah Omar.⁴²⁶

Dari segi latar-belakang calon terhadap jawatan-jawatan tertinggi UMNO, adalah jelas bahawa puak anti-Anwar ingin mengadakan rebutan kuasa dengan tokoh puak Anwar. Jadi walaupun Anwar tidak menyertai pertandingan terhadap jawatan Presiden, pertarungan kuasa di antara puaknya dan puak Mahathir tetap diadakan dan dijadikan tumpuan orang ramai.

Pergolakan Politik Di UMNO Johor

Pergolakan politik juga berlaku di UMNO Johor. Setelah Abdul Ghani dilantik menjadi Menteri Besar Johor dan Muhyiddin Yassin menjadi Menteri Belia dan Sukan, perselisihan pun wujud di antara kedua-dua mereka. Dalam persidangan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Johor Baru pada 24 September 1995, satu usul diluluskan secara sebulat suara menghendaki Abdul Ghani mengambil alih jawatan Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor daripada Muhyiddin Yassin yang telah memegang jawatan tersebut selama 9 tahun.⁴²⁷ Abdul Ghani kelihatan tidak menerima cadangan tersebut dengan gigihnya, beliau berkali-kali menjelaskan

⁴²⁵ *Utusan Malaysia*, 4 Mei 1996, m/s 1.

⁴²⁶ *Utusan Malaysia*, 8 Mei 1996, m/s 1-2.

bahawa Muhyiddin masih wajar memegang jawatan itu kerana jasanya dari segi pembangunan Negeri Johor dan menyatupadukan ahli UMNO. Permintaan daripada akar-umbi UMNO Johor menunjukkan bahawa Muhyiddin semakin kehilangan sokongannya di Negeri Johor dan dua puak telahpun wujud di UMNO Johor, iaitu *Team Muhyiddin* dan *Team Abdul Ghani*.⁴²⁸ Sebagai langkah menyahut saranan tersebut, Muhyiddin meminta Abdul Ghani untuk menyampaikan ucapan dasarnya dalam Konvensyen UMNO Johor pada 18 dan 19 November 1995.⁴²⁹

Selepas itu, terdapat ura-ura menyatakan bahawa Abdul Ghani akan bertanding jawatan Naib Presiden yang mana akan mengancam kedudukan Muhyiddin sebagai Naib Presiden. Pada 24 Mac 1996, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor Mohamed Rahmat mengumumkan bahawa badan tersebut sebulat suara memberi sokongan penuh kepada Muhyiddin untuk mempertahankan kerusi Naib Presiden dalam pemilihan parti di samping tidak menghalang Syed Hamid Albar daripada bertanding jawatan Naib Presiden.⁴³⁰ Pada 8 Mei, Muhyiddin akhirnya berkata bahawa beliau akan menyerahkan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor kepada Abdul Ghani Othman selepas pemilihan pucuk pimpinan UMNO dalam Oktober.⁴³¹ Dengan itu, perselisihan UMNO Johor pun berhenti sementara waktu.

⁴²⁷ *Utusan Malaysia*, 3 Oktober 1995, m/s 13.

⁴²⁸ *Utusan Malaysia*, 14 November 1995, m/s 6.

⁴²⁹ *Utusan Malaysia*, 14 November 1995, m/s 6.

⁴³⁰ *Utusan Malaysia*, 25 Mac 1996, m/s 5.

Peraturan Baru Untuk Pemilihan UMNO

Pemilihan UMNO dalam tahun 1996 merupakan pemilihan yang mempunyai paling banyak peraturan. Peraturan tersebut semakin bertambah dan diketatkan apabila berhampiran tarikh pemilihan demi memelihara jawatan Mahathir di dalam parti dan menegah politik wang yang bermaharajela dalam UMNO.

Ahli-ahli UMNO yang ingin menandingi jawatan Majlis Tertinggi termasuk Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden dikehendaki mendaftar diri di ibu pejabat parti terlebih dahulu, barulah layak menerima pencalonan daripada mana-mana bahagian. Adalah jelas peraturan ini adalah demi menegah Anwar daripada menggunakan taktik bilangan pencalonan untuk mencabar Mahathir seperti cara beliau memaksa Ghafar berundur daripada pertandingan.

Pada 4 Mei, Mahathir mengumumkan bahawa usul yang diluluskan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1995 akan dikuatkuasakan. Beliau mengumumkan bahawa semua bahagian UMNO hanya boleh mencalonkan beliau dan Anwar sebagai Presiden dan Timbalan Presiden. Selain itu, kedua-dua mereka dikecualikan mendaftarkan diri bagi mempertahankan jawatan masing-masing. Pengumuman ini pun menegah bahagian UMNO di Negeri Sabah, Kedah dan Melaka yang tidak puas hati terhadap Mahathir untuk mencalonkan Anwar sebagai Presiden parti ataupun tidak mencalonkan Mahathir sebagai Presiden parti. Ia juga menghadkan

⁴³¹ *Utusan Malaysia*, 9 Mei 1996, m/s 3.

ahli biasa yang ingin membantah kepemimpinan beliau daripada mendaftar diri untuk mencabar jawatan Presiden.⁴³²

Calon Dilarang Menjalankan Kempen

Pada mulanya, Majlis tertinggi menetapkan bahawa calon bagi jawatan Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi hanya dibenarkan menjalankan kempen mulai 1 Julai sehingga pemilihan dalam Oktober. Ini bererti calon dilarang mengadakan apa-apa perjumpaan di luar bahagian mereka. Menteri yang terbabit tidak boleh berjumpa dengan bahagian UMNO dalam lawatan (samada rasmi ataupun tidak rasmi) mereka di tempat berkenaan. Mahathir berkata golongan yang melanggar peraturan dan mereka yang menyebarkan segala surat layang yang memburuk-burukkan mana-mana pihak akan diambil tindakan oleh Jawatankuasa Disiplin.⁴³³

Tiga hari selepas pengumuman peraturan pemilihan, Mohamed Rahmat berkata calon-calon yang mendaftar perlu mendapat kebenaran ibu pejabat terlebih dahulu sebelum berkempen supaya jabatan, kementerian dan agensi kerajaan tidak digunakan untuk tujuan politik.⁴³⁴

Selepas itu, tarikh berkempen yang sepatutnya bermula pada 1 Julai ditunda kepada 1 Ogos 1996, dengan alasan mesyuarat perwakilan bahagian UMNO sedang berlangsung dalam bulan Julai dan Majlis Tertinggi UMNO tidak mahu mesyuarat

⁴³² Terdapat ura-ura bahawa terdapat bahagian UMNO yang ingin mencalonkan orang lain untuk jawatan Presiden pada pemilihan parti dalam Oktober 1996, tetapi ia dinafikan oleh Mahathir sendiri semasa beliau membuat pengumuman tersebut pada 4 Mei dan kemudian dinafikan oleh Abdullah Badawi pada 5 Mei 1996. Rujuk laporan berkenaan dalam: *Utusan Malaysia*, 5 Mei 1996, m/s 1-2 dan *Utusan Malaysia*, 6 Mei 1996, m/s 3.

⁴³³ *Utusan Malaysia*, 7 April 1996, m/s 1-2.

peringkat Bahagian dijadikan medan untuk berkempen. Selain daripada itu, Majlis Tertinggi juga menetapkan bahawa mesyuarat perwakilan bahagian hanya boleh dirasmikan oleh Ketua Bahagian masing-masing. Calon yang memegang jawatan dalam kerajaan dilarang membuat kenyataan berkaitan dengan UMNO sebelum tempoh kempen bermula dan ditegah menggunakan jawatan kerajaan untuk menjalankan kempen.⁴³⁵

Peraturan mengenai pemilihan parti kelihatan telah diabaikan oleh ramai calon. Pada 17 Jun, Mahathir sekali lagi memberi amaran kepada semua anggota UMNO yang memegang jawatan kerajaan supaya jangan menggunakan jentera kerajaan dalam kempen pemilihan parti. Arahan tersebut juga diedarkan dalam bentuk surat kepada Menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.⁴³⁶

Perintah Mengharamkan Semua Bentuk Kempen

Setelah perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi sekali lagi tidak diikut-ikut oleh pemimpin dan ahli-ahli parti, pada 6 Julai, Majlis Tertinggi pun mengharamkan semua bentuk kempen oleh calon-calon pemilihan, termasuk kempen yang telah dijadualkan oleh Ibu Pejabat UMNO. Selain itu, semua bahagian UMNO yang mengadakan persidangan perwakilan yang bermula dalam Julai harus mengesahkan secara *en bloc* senarai calon-calon yang mendaftarkan diri untuk bertanding bagi semua jawatan. Mereka tidak dibenarkan mencalonkan hanya orang-orang tertentu sahaja daripada senarai pencalonan tersebut. Ini bermaksud bahawa mereka yang telah

⁴³⁴ *Utusan Malaysia*, 10 April 1996, m/s 1.

⁴³⁵ *Utusan Malaysia*, 5 Mei 1996, m/s 1-2.

diiktiraf sebagai calon yang sah untuk bertanding mana-mana jawatan harus diterima oleh semua Bahagian sebagai calon. Mahathir berkata tujuan pengharaman kempen adalah untuk membanteras politik wang, fitnah-memfitnah, ugut-mengugut dan kempen keterlaluan yang boleh menghancurkan parti.⁴³⁷ Selepas itu, Mohamed Rahmat malah berkata UMNO sedang mengkaji kemungkinan meminda perlombagaan parti bagi membolehkan pengharaman aktiviti-aktiviti berkempen dikuatkuasakan selama-lamanya.⁴³⁸

Selepas itu, larangan berkempen malah meliputi penyiaran dan penerbitan berita serta iklan tahniah yang menonjolkan calon-calon pemilihan parti. Arahan ini bukan sahaja meliputi berita atau halaman khusus calon, ia malah membabitkan iklan penghargaan daripada organisasi untuk calon-calon yang bertanding. Selaras dengan keputusan tersebut, beberapa majlis yang sepatutnya dirasmikan oleh beberapa calon yang memegang jawatan dalam kerajaan dan bertanding terhadap jawatan Majlis Tertinggi pun ditangguhkan.⁴³⁹

Politik wang dalam kempen pemilihan UMNO memangnya serius, keadaannya boleh dibayangkan dalam lidah pengarang *Utusan Malaysia* pada 8 Julai 1996:

‘Calon-calon yang berkemampuan dilaporkan menjanjikan habuan-habuan menarik sekiranya mereka terpilih. Ada juga yang mula memberikan habuan dengan janji meneruskannya secara “ansuran” sehingga pemilihan selesai dan mereka berjaya.’

⁴³⁶ *Utusan Malaysia*, 18 Jun 1996, m/s 1.

⁴³⁷ *Mingguan Malaysia*, 7 Julai 1996, m/s 1.

⁴³⁸ *Utusan Malaysia*, 8 Julai 1996, m/s 2.

⁴³⁹ *Mingguan Malaysia*, 8 September 1996, m/s 1.

‘Ertinya, undi dalam UMNO sekarang menjadi perkara yang boleh dijual beli. Kebaikan atau keburukan calon tidak lagi menjadi kayu ukuran atau pertimbangan dalam memilih pemimpin. Yang dikira ialah wang ringgit. Inilah yang membimbangkan.’

Dalam rencana ‘Cambuk Wak Cantuk’ yang disiarkan di *Mingguan Malaysia* pada 14 Julai yang bertajuk *Bila berkempen diharamkan: supaya elak dendam dan perpecahan*, penulis itu berkata,

“Duit diberi pada bahagian atas macam-macam alasan. Projek itu dan projek ini. Ada pemimpin kecil pada peringkat bawahan yang dilantik jadi pengurus, ahli lembaga syarikat dan macam-macam lagi.”⁴⁴⁰

Disiplin Diperketatkan Menjelang Pemilihan UMNO

Demi menangani masalah pencabulan disiplin pemilihan parti, Anwar dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO pada 30 Mei 1996 sebagai satu amalan tradisi bagi Timbalan Presiden dalam UMNO.⁴⁴¹ Anwar kelihatan serius terhadap tugas tersebut. Selepas Majlis Tertinggi mengumumkan bahawa hanya Mahathir dan Anwar boleh dicalonkan untuk bertanding dua jawatan tertinggi ini, beliau pun mengumumkan bahawa jawatankuasanya akan meneliti samada perlu

⁴⁴⁰ *Mingguan Malaysia*, 14 Julai 1996, m/s 19.

⁴⁴¹ Anggota Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin termasuk: Muhyiddin Yassin, Najib Tun Razak, Muhammad Muhd. Taib, Rafidah Aziz, Rahim Tamby Chik, Hussein Ahmad dan Mohamed Rahmat. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 30 Mei 1996, m/s 2.

mengenakan tindakan disiplin terhadap mana-mana bahagian yang mencalonkan tokoh lain untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti selepas tarikh tutup pendaftaran calon.⁴⁴² Selain itu, beliau malah berkata bahawa ketua-ketua bahagian boleh dikenakan tindakan disiplin sekiranya merestui calon-calon mengunjungi bahagian mereka dan berkempen tetapi tidak membuat laporan.⁴⁴³

Calon Melanggar Arahan Tiada Kempen

Walau bagaimanapun, larangan dan amaran tersebut tetap tidak dipatuhi oleh calon-calon dan ahli-ahli UMNO. Pada 23 dan 24 Ogos, Mohamed Rahmat mendedahkan terdapat beratus-ratus perwakilan yang dipilih menghadiri Perhimpunan Agung Oktober berada di ibu negara untuk menjual undi mereka, dan hotel-hotel di Kuala Lumpur penuh dengan calon-calon yang memberi wang dan wakil-wakil yang menjual undi.⁴⁴⁴ Pada hari yang sama, Najib juga mendedahkan taktik terbaru amalan rasuah iaitu perancangan sulit para perwakilan mengirimkan nombor akaun bank kepada calon yang bertanding pada pemilihan UMNO, untuk meminta ‘balasan’ daripada calon-calon yang mengharapkan undi daripada mereka.⁴⁴⁵

Sebenarnya, ramai calon, termasuk pemimpin UMNO dalam Majlis Tertinggi melanggar peraturan larangan berkempen, mereka termasuk:

- i) Najib Tun Razak didakwa oleh Mohamed Rahmat bahawa beliau menggunakan satu jamuan penubuhan tabung dalam Ogos sebagai forum memancing undi. Beliau dikata mewakili pihak penganjur untuk memberi

⁴⁴² *Utusan Malaysia*, 8 Mei 1996, m/s 4.

⁴⁴³ *Utusan Malaysia*, 30 Mei 1996, m/s 2.

⁴⁴⁴ *Utusan Malaysia*, 23 Ogos 1996, m/s 1-2.

⁴⁴⁵ *Utusan Malaysia*, 24 Ogos 1996, m/s 1-2.

RM150,000 biasiswa kepada pegawai pendidikan di Pasir Mas, supaya diberi kepada 150 pelajar. Penjelasan Najib adalah jamuan tersebut telah dirancang selama 6 bulan dan ia tidak sempat dibatalkan. Anwar dikatakan berpuashati terhadap penjelasan Najib.

- ii) Rafidah Aziz dituduh oleh pencabarnya Siti Zaharah bahawa beliau menggunakan nama Hari Maulidur Rasul untuk mengadakan perhimpunan sekurang-kurangnya 10 kali di rumah kediaman Ketua Wanita di beberapa negeri dan hotel yang terkenal untuk memancing undi daripada ahli wanita. Di samping itu, Siti Zaharah juga berkata Rafidah pernah menerima surat amaran daripada Anwar tetapi beliau tidak peduli surat amaran tersebut dan terus mengadakan kempen pemilihannya.

Pada 6 Ogos, Mohamed Rahmat berkata Ibu pejabat UMNO menerima aduan salah laku dan amalan politik wang terhadap kesemua calon Naib Presiden, ahli Majlis Tertinggi, Ketua Pemuda dan Wanita serta Exco kedua-dua pergerakan itu. Selain daripada itu, tujuh calon dan perwakilan telah diberikan surat tunjuk sebab kerana didapati terlibat dalam salah guna kuasa, politik wang dan rasuah.⁴⁴⁶

Pada 6 September, Majlis Tertinggi menggantungkan keahlian 5 ahli Pemuda UMNO Bahagian Jempol termasuk seorang ADUN kerana didapati terlibat dalam politik wang menjelang pemilihan parti.⁴⁴⁷ Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi tersebut, kesemua anggota Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan diminta berundur daripada mesyuarat berkenaan kecuali Pengerusinya Anwar Ibrahim, satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Mahathir dan dianggotai oleh Anwar, Mohamed Rahmat

⁴⁴⁶ *Utusan Malaysia*, 27 Ogos 1996, m/s 1-2.

dan beberapa anggota veteran UMNO ditubuhkan, untuk mengkaji serta mempertimbang sebarang aduan mengenai salah laku dan amalan politik wang yang melibatkan calon-calon Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita. Manakala Jawatankuasa Disiplin terus menilai dan membuat keputusan atas aduan yang membabitkan calon-calon lain selain daripada jawatan berkenaan.⁴⁴⁸

Walau bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap calon-calon Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Wanita yang didakwa melanggar larangan berkempen.⁴⁴⁹ Sebaliknya, Jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Mahathir kemudian menggugurkan pencalonan 6 calon Majlis Tertinggi kerana mengamalkan politik wang, menyalah guna kuasa dan berkempen. Empat di antara mereka datang daripada puak Anwar, iaitu Salamon Salamat (Ahli Parlimen Shah Alam dan bekas setiausaha politik Timbalan Perdana Menteri), Mohd. Aini Taib (Exco Selangor), Abdul Latiff Mirasa (Exco Pulau Pinang) dan Adam Abdul Hamid (Exco Johor); dua tokoh puak anti-Anwar yang terlibat adalah Sharif Omar (Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan penyokong Badawi) dan Abdul Malek Hanafiah (bekas setiausaha politik Mahathir dan Exco Perak). Kelayakan Adam sebagai perwakilan juga digugurkan. Selain itu, Anwar juga mengumumkan bahawa jawatankuasa khas itu juga menggugurkan seorang calon Exco Pemuda UMNO, iaitu Ayub Mat Aris (Selangor) di samping menghalang 16 perwakilan mengundi serta menghadiri pemilihan UMNO.⁴⁵⁰

⁴⁴⁷ Mereka adalah ADUN Palong di Negeri Sembilan, Kamaruddin Mohd. Din, Hairuddin Thamby, Mahmud Roslan, Salim Sarif dan Sapie Jasman.

⁴⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 7 September 1996, m/s 1-2.

⁴⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 13 September 1996, m/s 1-2.

⁴⁵⁰ *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 1996, m/s 1-2.

Mereka yang dikenakan tindakan disiplin hanyalah pemimpin di peringkat negeri sahaja dan bukannya yang memegang jawatan di pusat. Jawatankuasa khas UMNO tidak mengambil tindakan terhadap calon yang bertanding atas jawatan tinggi dalam parti yang mencabuli peraturan pemilihan, khususnya mereka yang memegang jawatan menteri, mungkin demi memelihara air-muka parti dan kerajaan, kerana tindakan disiplin terhadap mereka juga bermaksud kewibawaan mereka dalam jawatan kerajaan juga akan terjejas, dan ini akan mempengaruhi kelancaran operasi kerajaan. Selain itu, kebanyakan salah-laku adalah dilakukan oleh kuncu-kuncu dan proksi mereka dan bukan mereka sendiri, jadi adalah agak sukar untuk mendakwa dan menghukum mereka.

Perhimpunan Agung UMNO 1996

Pada 23 September, satu senarai sebanyak 185 calon bagi berbagai jawatan pun diumumkan. Jumlah calon Majlis Tertinggi adalah 73 orang, iaitu 2 orang bagi jawatan Pengurus Tetap, 3 bagi Timbalan Pengurus Tetap, 7 bagi Naib Presiden dan 61 calon bertanding bagi jawatan Majlis Tertinggi.

Bagi jawatan Ketua Pemuda, hanya seorang ditolak pencalonannya. Terdapat 38 calon bertanding bagi Pergerakan Wanita, iaitu 3 orang bagi jawatan Timbalan Pengurus Tetap, 2 calon Ketua Wanita, 3 calon untuk jawatan Naib Ketua Wanita dan 30 merebut jawatan Exco Pergerakan Wanita.⁴⁵¹

⁴⁵¹ *Utusan Malaysia*, 24 September 1996, m/s 1-2.

Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Dimenangi oleh Pencabar

Keputusan pemilihan dalam Pemuda dan Wanita UMNO membayangkan angin perubahan di dalam UMNO di mana kedua-dua Ketua Pemuda dan Wanita UMNO dimenangi oleh penyokong Anwar masing-masing. Bagi Pemuda UMNO, Ahli Parlimen Bagan Datoh selaku Pengurus Bank Simpanan Nasional, Zahid Hamidi menewaskan Rahim Tamby Chik dan dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO. Zahid memperolehi 199 undi, diikuti oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Annuar Musa (135), Rahim (103), Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohamed Isa Abdul Samad (72) dan Abdul Rahman Salleh hanya satu undi. Selain daripada itu, Hishamuddin Hussein Onn memenangi jawatan Naib Ketua.⁴⁵² Bagi Pergerakan Wanita, Siti Zaharah menumbangkan penyandang jawatan, Rafidah Aziz yang telah memimpin pergerakan itu selama 12 tahun dengan kelebihan 27 undi. Siti Zaharah memperolehi 271 undi manakala Rafidah Aziz mendapat 244 undi. Selain daripada itu, Napsiah Omar juga dipilih sebagai Naib Ketua Wanita.

Oleh kerana Mahathir telah berjaya menegah pertandingan terhadap dua jawatan tertinggi dalam parti pada tahun sebelumnya, jadi pertandingan terhadap Exco Pergerakan Pemuda dan Wanita, khususnya jawatan Ketua Pemuda dan Ketua Wanita pun dilihat sebagai pertarungan kuasa secara tidak langsung di antara puak Anwar dan puak Mahathir. Lebih-lebih lagi, kedua-dua penyandang jawatan asal bagi jawatan Ketua Pemuda dan Ketua Wanita, iaitu Rahim Tamby Chik dan Rafidah Aziz

⁴⁵² 15 ahli yang terpilih sebagai Exco Pergerakan Pemuda adalah: Abdul Aziz Sheikh Fadzir (281), Soohaimi Abdul Rahman (261), Mohamad Suparadi Md Noor (255), Ruslan Kasim (252), Abdul Fatah Abdullah (292), Mohamed Khaled Nordin (227), Abdul Wahab Din (227), Azizan Yaakob (223), Abdul Azim Mohd Zabidi (221), Zein Isma Ismail (221), Jema Khan Majid (213), Zulkifli Mohd Alwi (213), Zaiyadi Awang Noh (209), Nur Jazlan Mohamed (208), Mohd Samlih Juaisin (201). Rujuk kepada: *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 1996, m/s 13.

merupakan penyokong setia kepada Mahathir. Jadi, kemenangan Zahid Hamidi, Siti Zaharah dan Napsiah Omar untuk jawatan tertinggi dalam Pemuda dan Wanita UMNO menunjukkan sokongan dan pengaruh Anwar dalam kedua-dua sayap parti dan juga dalam UMNO secara keseluruhan.

Pemilihan Majlis Tertinggi 1996

Kegagalan penyokong Mahathir mempertahankan jawatan Ketua Pemuda dan Wanita UMNO melambangkan kegagalan puak Mahathir dalam pertandingan kuasanya dengan puak Anwar. Pada keesokan harinya, Mahathir menangis semasa memberi ucapan dasar dalam Perhimpunan Agung. Beliau meminta seluruh ahli UMNO menyingkirkan pemimpin yang rasuah demi menegakkan perjuangan murni parti itu. Ucapan dan tangisan Mahathir menyebabkan hampir 2,000 perwakilan dan pemerhati terharu dan bangun memberi tepukan gemuruh, ia disulami dengan pekikan ‘hidup Mahathir, hidup Mahatir, hidup Mahathir.’ Titisan air mata beliau nampaknya telah menyelamatkan beberapa penyokong beliau dalam pemilihan anggota Majlis Tertinggi kemudian.

Dari segi jawatan Naib Presiden, keputusan pengundian adalah agak mengejutkan, kerana penyokong kuat Anwar, Muhyiddin Yassin yang memperolehi undi terbanyak dalam pemilihan 1993 gagal mempertahankan jawatannya. Najib Tun Razak mendapat undi yang paling banyak, iaitu 1,483, ini diikuti oleh Abdullah Badawi (1,053) dan Muhammad Muhd Taib (1,045), Ramli Ngah Talib (696), Syed Hamid Albar (653), Muhyiddin Yassin (545) dan Tajuddin Kulub Ismail (111).

Memandangkan Najib dan Muhammad Taib kelihatan telah mengasingkan diri daripada Anwar, kegagalan Muhyiddin pun bermaksud semua Naib Presiden yang menang itu adalah tokoh yang tidak pro-Anwar.

Penyokong kuat Anwar yang berjaya dipilih dalam pemilihan Majlis Tertinggi termasuk: Affifuddin Omar (1,222), Ibrahim Saad (1,148) dan Nazri Tan Sri Aziz (1,018). Sekurang-kurangnya 9 calon tokoh korporat ditolak oleh perwakilan UMNO, termasuk penyokong Sanusi Junid, Tengku Adnan Tengku Mansor (886) dan penyokong Anwar, Kamal Mat Salih (713). Yang lain adalah Mohd Radzi Manan (650), Khalid Ibrahim (541), Hanifah Noordin (513), Ishak Ismail (450), Azrat Gull Amirzat Gull (242), Mohd Idris Tulis (212), Mohamed Kamal Hussein (159). Kegagalan mereka menunjukkan saranan Mahathir dalam ucapan dasarnya telah menghasilkan kesan dan telah mendorong perwakilan UMNO menolak pemimpin yang dianggap menggunakan politik wang.

Ramai pemimpin yang terpilih menyokong larangan berkempen dikekalkan untuk memastikan mereka yang rasuah tidak mendapat tempat lagi dalam parti. Mahathir pula berkata beliau dan Anwar sedia bertanding dalam pemilihan UMNO yang akan datang sekiranya pertandingan itu dapat dijalankan secara bersih, dan keputusan parti terhadap tiada pertandingan terhadap kedua-dua jawatan tertinggi parti itu tidak akan dijadikan sesuatu yang kekal dan rasmi.⁴⁵³

⁴⁵³ 25 ahli Majlis Tertinggi yang berjaya dipilih adalah: Dr. Abdul Hamid Othman (1,517), Abdul Ghani Othman (1,486), Mustapa Mohamed (1,484), Mohd Ali Mohd Rustam (1,428), Mohd Zin Abdul Ghani (1,382), Dr. Mohamad Yusof Noor (1,354), Mohd Khalil Yaakob (1,266), Dr. Affifuddin Omar (1,222), Shahidan Kassim (1,178), Mohd Tajol Rosli Ghazali (1,172), Abdul Kadir Sheikh Fadzir (1,153), Wan Mokhtar Ahmad (1,152), Dr. Ibrahim Saad (1,148), Hasan Arifin (1,118), Osu Sukam (1,104), Raja Ariffin Raja Sulaiman (1,056), Suleiman Mohamed (1,021), Nazri Tan Sri Aziz (1,018), Shafie Apdal (1,005), Khalid Yunus (984), Megat Junid Megat Ayob (976), Zalcha Ismail (960), Salleh Tun Said Keruak (954), Abu Hassan Omar (954), Shahrizat Abdul Jalil (915). Rujuk: *Mingguan Malaysia*, 13 Oktober 1996, m/s 1.

Analisis Keputusan Pemilihan Naib Presiden

Muhyiddin berkata kegalannya untuk mempertahankan kerusi Naib Presidennya mungkin disebabkan oleh pengedaran surat layang yang memburukkan imej beliau di kalangan perwakilan dan beliau tidak dapat menjawab tohmahan kerana adanya larangan berkempen.⁴⁵⁴ Mengikut analisis *Nanyang Siang Pau*, kegalannya mungkin disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i) Keretakan dalam UMNO Johor. Jumlah undi yang diperolehi oleh Muhyiddin dan Syed Hamid adalah 1,198 undi, ini bermaksud kedua-dua calon dari Johor telah menyebabkan undi Johor dibahagikan dan mengurangkan peluang kemenangan Muhyiddin. Selain itu, khabar angin juga mengatakan penyokong Ghani Othman tidak menyokong kedua-dua calon tersebut;
- ii) Hasil pakatan daripada Muhammad Taib dan Najib yang membala kelakuan Muhyiddin dalam pemilihan 1993. Dalam pemilihan UMNO 1993, undi yang diperolehi oleh Najib adalah 200 undi kurang daripada Muhyiddin. Penganalisaan mereka menunjukkan perwakilan dari Pahang dan Selangor telah mengotai janji dengan memberi undi kepada ketiga-tiga calon daripada *Team Wawasan*, tetapi Muhyiddin tidak mengikut perjanjian dan tidak menyeru perwakilan Johor membuang undi kepada Najib, ini menghasilkan ketidaksamaan dari segi jumlah undi di antara tiga calon *Team Wawasan*. Dengan itu, UMNO Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pahang, dan juga dua negeri di Pinggir Timur Laut pun berpakuat untuk ‘membalas dendam’ terhadap Muhyiddin, sehingga beliau disingkir daripada jawatannya.

⁴⁵⁴ *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 1996, m/s 1-2.

Kemenangan Abdullah Badawi sebagai Naib Presiden dilihat sebagai kesan tangisan Mahathir pada hari pengundian tersebut. Di samping itu, Badawi juga mempunyai sokongannya sendiri di Pulau Pinang, Negeri Timur Laut, Sabah dan negeri-negeri lain. Selain itu, kemenangan beliau juga berkaitan dengan masalah dua calon dari Johor.⁴⁵⁵

Kumpulan S46 Dalam Perhimpunan Agung UMNO

Razaleigh mengetuai 12 bekas pemimpin S46 untuk menyerahkan 200,000 borang permohonan keahlian kepada Mahathir sebelum pemilihan UMNO diadakan, ini menandakan bekas ahli-ahli S46 diterima secara rasmi sebagai ahli UMNO.⁴⁵⁶ Walaupun S46 sengaja dibubarkan secara rasmi beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung UMNO, tetapi Razaleigh dan rakannya seolah-olah dipinggirkan dalam Perhimpunan Agung. Selain itu, terdapat wakil yang menyindir kepulangan mereka. Di antaranya, wakil UMNO Johor, Abu Bakar Dewa meminta Razaleigh supaya tidak menjadi seperti ‘gurkha batu aked’ yang sering berpindah-randah dan selalu menyusahkan orang lain.⁴⁵⁷

6.4 UMNO Selepas Pemilihan Parti

Rombakan Majlis Tertinggi Dan Wanita UMNO

Perlantikan baru diadakan lebih sebulan selepas pemilihan UMNO. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Sabbaruddin Chik dilantik sebagai

⁴⁵⁵ *Nanyang Siang Pau*, 12 Oktober 1996, m/s A2.

⁴⁵⁶ *Utusan Malaysia*, 9 Oktober 1996, m/s 2.

Setiausaha Agung UMNO baru bagi menggantikan Mohamed Rahmat yang telah menyandang jawatan tersebut sejak tahun 1988. Ketua Penerangan UMNO, Hussein Ahmad juga digantikan oleh Mohamad Yusof Noor, anggota Exco Negeri Terengganu, manakala jawatan Bendahari kekal dipegang oleh Daim Zainuddin. Selain daripada itu, Mahathir melantik lapan orang ke dalam Majlis Tertinggi, iaitu: Rafidah Aziz, Sanusi Junid, Isa Samad, Ramli Ngah, Syed Hamid Albar dan bekas Menteri Besar Perlis, Abdul Hamid Pawanteh.⁴⁵⁸ Kesemua tokoh tersebut merupakan penyokong Mahathir; manakala penyokong kuat Anwar, Muhyiddin Yassin diketepikan bersama-sama dengan seorang tokoh yang agak neutral, Annuar Musa. Pengenepian Muhyiddin kelihatan lebih menarik perhatian apabila pencabarnya, Syed Hamid Albar dipilih untuk mengisi kuota Johor dalam Majlis Tertinggi bersama-sama dengan Mohamed Rahmat yang tidak dilantik sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Selepas rombakan jawatan Majlis Tertinggi diadakan, senarai pimpinan Wanita UMNO pun diumumkan. Rafidah Aziz dan bekas Ketua Penerangan, Zaleha Ismail tidak dilantik sebagai Ketua Wanita Perak dan Ketua Wanita Selangor, menunjukkan Siti Zaharah ingin membalas dendam terhadap bekas ketuanya di samping mengukuhkan kuasanya.⁴⁵⁹

Perselisihan Di Antara Ketua & Timbalan Ketua Pemuda UMNO

Selepas penyokong Anwar, Zahid Hamidi berjaya dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO, beliau pun kelihatan tidak bersehaluan dengan timbalannya, Hishamuddin Tun Hussein Onn.

⁴⁵⁷ *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 1996, m/s 4.

⁴⁵⁸ *Utusan Malaysia*, 29 November 1996, m/s 1.

Dalam Persidangan Timor Timur yang dianjurkan oleh sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan dalam November 1996, Pemuda UMNO menggunakan kekerasan untuk menggagalkan persidangan tersebut dengan persetujuan Zahid, tetapi Hishamuddin tidak setuju perbuatan tersebut. Selain itu, Zahid melantik pelawan Hishamuddin, Fatah Iskandar untuk memegang jawatan Ketua Penerangan. Ini merupakan suatu isyarat tidak hormat terhadap Hishamuddin.

Hishamuddin dilantik menjadi ketua gantian bagi Musa Hitam dalam rombongan Malaysia ke mesyuarat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva. Semasa Hishamuddin menghadiri persidangan Suruhanjaya tersebut pada 1997, Zahid menubuhkan sekretariat antarabangsa Pemuda Melayu yang diketuai oleh Fatah Iskandar, yang kelihatan merampas kuasa Hishamuddin dalam biro antarabangsa. Kedua-dua mereka mengakui terdapat masalah di antara mereka dalam wawancara oleh *Asiaweek*, tetapi mereka masih boleh menghadapi perbezaan pendirian mereka.⁴⁶⁰

Razaleigh dan Bekas Ahli S46 di Dalam Parti

Selepas Razaleigh dan pengikutnya pulang ke pangkuhan UMNO, perhatian pun ditumpukan kepada samada beliau akan dilantik untuk memegang apa-apa jawatan di dalam kabinet. Dalam *Asiaweek* keluaran 15 November 1996,⁴⁶¹ ia menyiarkan khabar angin tentang Daim bersimpati dengan Razaleigh dan berusaha untuk membawa Razaleigh kembali memegang jawatan penting dalam kerajaan, tetapi ini

⁴⁵⁹ *Utusan Malaysia*, 15 Disember 1996, m/s 1.

⁴⁶⁰ *Asiaweek*, 2 Mei 1997, m/s 28.

dinafikan oleh Daim kemudian.⁴⁶² Razaleigh kemudian membuat kenyataan bahawa beliau tidak pernah mempunyai sebarang rancangan untuk mencabar Anwar setelah bersetuju untuk balik ke UMNO.⁴⁶³ Mahathir menyifatkan laporan *Asiaweek* itu sebagai spekulasi di samping memberi sokongan penuh kepada Anwar sebagai penggantinya, yang selaras dengan kehendak anggota UMNO yang telah memilih Anwar sebagai Timbalan Presiden parti.⁴⁶⁴

Bekas Ahli S46 Ditegah Menubuh Cawangan Baru

Walaupun kepulangan Kumpulan S46 kelihatan disambut baik oleh pucuk pimpinan UMNO, tetapi mereka tidak dialu-alukan oleh sesetengah akar-umbi UMNO. Dalam bulan Mei 1996, terdapat laporan yang menyatakan bahawa sesetengah cawangan enggan menerima bekas ahli S46 sehingga Mohamed Rahmat terpaksa mengumumkan Ibu pejabat UMNO akan mengadakan pendaftaran khas bagi semua anggota S46 untuk mengelakkan masalah pendaftaran mereka di peringkat cawangan.⁴⁶⁵ Walau bagaimanapun, Majlis Tertinggi kelihatan mengambil sikap yang berhati-hati terhadap bekas pemimpin dan ahli S46. Pada 29 November, Majlis Tertinggi menolak permintaan daripada lebih 120,000 bekas ahli S46 yang ingin menu buhkan cawangan baru yang khusus bagi mereka.⁴⁶⁶ Hanya kira-kira 10,000 bekas ahli S46 diterima sebagai ahli UMNO dan diletak di cawangan-cawangan parti yang sedia ada, manakala 60,000 permohonan ditolak atas alasan teknikal. Adalah jelas bahawa Majlis Tertinggi ingin mengelakkan kumpulan ini daripada menjadi

⁴⁶¹ *Asiaweek*, 15 November 1996, m/s 26.

⁴⁶² *Utusan Malaysia*, 20 November 1996, m/s 1.

⁴⁶³ *Utusan Malaysia*, 21 November 1996, m/s 2.

⁴⁶⁴ *Utusan Malaysia*, 23 November 1996, m/s 1-2.

⁴⁶⁵ *Utusan Malaysia*, 15 Mei 1996, m/s 2.

⁴⁶⁶ *Utusan Malaysia*, 30 November 1996, m/s 1.

suatu puak baru dalam UMNO. Selain itu, proses pendaftaran kemasukan semula yang dijalankan secara perlahan juga merupakan taktik untuk menghadkan bilangan penyertaan semula penyokong Razaleigh supaya pengaruhnya dalam UMNO dapat dikawal.

Pilihan Raya Kecil DUN Pulai Condong

Ketegangan di antara PAS dengan empat bekas Exco S46 dan Istana Kelantan yang berlanjutan selama enam bulan berakhir berikutan dengan kematian salah seorang daripada empat bekas ahli Exco S46, Kapten (B) Mohd. Nor Ahmad pada 4 Disember 1996.⁴⁶⁷ Sehari selepas kematian Kapten (B) Mohd. Nor, Sultan Kelantan pun memperkenankan tiga Exco bekas S46 meletakkan jawatan seperti yang diarahkan oleh UMNO.⁴⁶⁸

Dalam pilihan raya kecil DUN Pulai Condong selepas itu, UMNO memberi tumpuan dan tenaga penuh terhadap pertandingan kuasa ini. Selain daripada Razaleigh dan bekas pemimpin S46, ramai pemimpin UMNO juga melibatkan diri dalam kemenangan pilihan raya kecil tersebut. Walau bagaimanapun, calon UMNO, Yusoff Hamzah dikalahkan oleh calon PAS, Zulkifli Mamat dengan 118 undi.⁴⁶⁹ Kemenangan PAS menyebabkan bilangan kerusi UMNO di DUN dikurangkan daripada 18 ke 17.

Menurut lidah pengarang *Nanyang Siang Pau*, kekalahan UMNO adalah disebabkan oleh ketidakpuasan bekas ahli-ahli S46:

⁴⁶⁷ *Utusan Malaysia*, 5 Disember 1996, m/s 1-2.

⁴⁶⁸ *Utusan Malaysia*, 9 Disember 1996, m/s 1-2

⁴⁶⁹ Yusoff Hamzah mendapat 4660 undi manakala Zulkifli Mamat memperolehi 4778 undi, jumlah pengundi ialah 12,645, kadar pengundian adalah 75.43%. *Sin Chew Jit Poh*, 8 Januari 1997, m/s 4.

- i) Masalah kepulangan bekas ahli S46 di UMNO lama tidak diselesaikan;
- ii) Pemimpin atasan bekas S46 tidak diberi jawatan penting dalam UMNO selepas mereka pulang ke UMNO;
- iii) UMNO tidak memilih bekas ahli S46 untuk menjadi calon di kawasan tersebut.⁴⁷⁰

Selain itu, isu penangkapan Muhammad Taib di Australia yang berlaku pada masa yang sama juga memberikan impak yang besar dalam Pilihan raya kecil tersebut.

Penangkapan Muhammad Taib di Australia

Menteri Besar Negeri Selangor Muhammad Muhd Taib ditahan di Lapangan Terbang Brisbane, Australia kerana gagal mengisytiharkan wang tunai RM2.4 juta (A\$1.2 juta) sebelum meninggalkan negara itu pada 22 Disember 1996.⁴⁷¹

Kes beliau menimbulkan banyak persoalan, seperti dari manakah beliau mendapat wang yang begitu banyak dan kenapakah beliau membawa wang tunai yang begitu banyak. Isu ini dieksplorasi oleh PAS dalam pilihan raya Pulai Condong dengan sepenuhnya dan Pemuda PAS pula membuat aduan rasmi kepada BPR Selangor. Kenyataan daripada Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Abu Hassan Omar bahawa Muhammad Taib membawa wang itu untuk membeli-belah di Australia memburukkan lagi imej Muhammad Taib.

⁴⁷⁰ *Nanyang Siang Pau*, 9 Januari 1997, m/s A16; *Sin Chew Jit Poh*, 8 Januari 1997, m/s 25; *Utusan Malaysia*, 7 Januari 1997, m/s 1.

⁴⁷¹ Mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan di Australia, setiap pelawat asing hendaklah mengisytiharkan wang yang dibawanya jika melebihi A\$5,000 (RM10,000).

Selepas Muhammad Taib pulang ke Malaysia, beliau menjelaskan bahawa wang tunai RM2.4 juta itu adalah milik tiga adik-beradiknya untuk membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane.⁴⁷² Lepas itu, beliau juga dipanggil oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Shafee Yahaya bagi memberi penjelasan berhubung penahanannya tersebut.

Empat bulan kemudian, akhbar *Brisbane Courier Mail* menyiarkan suatu laporan tentang harta-benda yang dimilik oleh Muhammad Taib dan keluarganya di Australia. Menurut akhbar itu, Muhammad dan isteri beliau Puan Sri Asbi Rohani Asnan telah membina rumah bernilai RM1 juta di atas tanah yang bernilai RM1 juta di Pulau Sovereign. Akhbar itu juga mendakwa kedua-dua mereka telah membeli tanah pertanian seluas 4,500 hektar di Curajong Park di Western Queensland dengan harga RM5 juta pada tiga bulan yang lepas.⁴⁷³

Pendedahan tersebut sekali lagi meletakkan kerajaan BN dalam keadaan yang memalukan. Pada 7 April 1997, Anwar memberitahu Dewan Rakyat bahawa BPR akan menyiasat kes Muhammad meliputi laporan dalam *Brisbane Courier Mail*.

Muhammad Taib Meletakkan Jawatan

Pada 11 April 1997, kes Muhammad disebut di Majistret Brisbane dan beliau menghadapi tuduhan tambahan, iaitu memalsukan kenyataan berhubung dengan kes

⁴⁷² Pada 5 Januari 1997, Muhammad mengemukakan surat adiknya kepada Dr. Mahathir menjelaskan kedudukan wang tunai RM2.4 juta yang gagal diisytiharkan di Australia. Dua hari kemudian, adik Muhammad yang juga Pengurus Eksekutif Bridgecon Bhd, Radhuan Muhd. Taib mengakui wang yang dibawa oleh Muhammad Taib di Brisbane adalah miliknya. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 8 Januari 1997, m/s 4.

⁴⁷³ *Utusan Malaysia*, 15 April 1997, m/s 1-2.

dakwaan tersebut. Pada keesokan harinya, Mahathir pun mengumumkan perletakan jawatan Muhammad Taib sebagai Menteri Besar Selangor.⁴⁷⁴ Muhammad Taib kemudian meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor, Ketua Perhubungan UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pengerusi BN Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 14 April 1997. Walau bagaimanapun, beliau masih memegang jawatan Naib Presiden UMNO, Ketua Bahagian Hulu Selangor dan ADUN Kawasan Batang Kali dengan alasan jawatan-jawatan tersebut adalah dipilih dan bukannya dilantik. Di samping itu, beliau juga mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar *Brisbane Courier Mail*.⁴⁷⁵

Dalam bulan Mei, Majlis Tertinggi meluluskan permohonan cuti Muhammad Taib daripada menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan mesyuarat lain yang melibatkan jawatannya sehingga kesnya selesai.⁴⁷⁶

Abu Hassan Dilantik Sebagai Menteri Besar Selangor

Pengumuman Menteri Besar Selangor baru oleh Mahathir kemudian menghadapi bantahan daripada Sultan Selangor kerana baginda tidak memperkenankan senarai nama yang dipersembahkan oleh Mahathir.⁴⁷⁷ Akhirnya, pada 2 Mei 1997, persetujuan dicapai di antara Sultan Selangor dengan Anwar Ibrahim, iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abu Hassan Omar dilantik sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru. Abu Hassan kemudian meletakkan jawatan sebagai menteri dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, dan bertanding di

⁴⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 13 April 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁵ *Utusan Malaysia*, 15 April 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁶ *Utusan Malaysia*, 9 Mei 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁷ *Utusan Malaysia*, 22 April 1997, m/s 1-2

dakwaan tersebut. Pada keesokan harinya, Mahathir pun mengumumkan perletakan jawatan Muhammad Taib sebagai Menteri Besar Selangor.⁴⁷⁴ Muhammad Taib kemudian meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor, Ketua Perhubungan UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pengurus BN Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 14 April 1997. Walau bagaimanapun, beliau masih memegang jawatan Naib Presiden UMNO, Ketua Bahagian Hulu Selangor dan ADUN Kawasan Batang Kali dengan alasan jawatan-jawatan tersebut adalah dipilih dan bukannya dilantik. Di samping itu, beliau juga mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar *Brisbane Courier Mail*.⁴⁷⁵

Dalam bulan Mei, Majlis Tertinggi meluluskan permohonan cuti Muhammad Taib daripada menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan mesyuarat lain yang melibatkan jawatannya sehingga kesnya selesai.⁴⁷⁶

Abu Hassan Dilantik Sebagai Menteri Besar Selangor

Pengumuman Menteri Besar Selangor baru oleh Mahathir kemudian menghadapi bantahan daripada Sultan Selangor kerana baginda tidak memperkenankan senarai nama yang dipersembahkan oleh Mahathir.⁴⁷⁷ Akhirnya, pada 2 Mei 1997, persetujuan dicapai di antara Sultan Selangor dengan Anwar Ibrahim, iaitu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abu Hassan Omar dilantik sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru. Abu Hassan kemudian meletakkan jawatan sebagai menteri dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, dan bertanding di

⁴⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 13 April 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁵ *Utusan Malaysia*, 15 April 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁶ *Utusan Malaysia*, 9 Mei 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁷ *Utusan Malaysia*, 22 April 1997, m/s 1-2.

kawasan DUN Permatang, manakala ADUN Permatang yang dipegang oleh Jamaluddin Adnan meletakkan jawatan dan bertanding di kawasan Parlimen Kuala Selangor yang dipegang oleh Abu Hassan Omar.⁴⁷⁸ Abu Hassan kemudian menang dalam pilihan raya kecil tersebut dan dilantik sebagai Menteri Besar Selangor secara rasmi.

Tindakan pertukaran kawasan dan perletakan jawatan oleh kedua-dua calon BN tersebut adalah bercanggah dengan kritikan Mahathir terhadap wakil rakyat yang meletak jawatan dan bertanding semula pada akhir tahun 80an. Jelasnya, sebab Abu Hassan dipilih oleh Mahathir ialah beliau adalah lebih ‘bersih’ dari segi politik wang, dan lebih neutral dari segi perpuakan dalam UMNO di samping bukan penyokong Anwar.⁴⁷⁹

6.5 Anwar Dilantik Sebagai Pemangku Perdana Menteri & Presiden UMNO

Pada 8 Mei 1997, Mahathir mengumumkan bahawa beliau akan mengambil cuti selama dua bulan dan mengumumkan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri dengan kuasa penuh.⁴⁸⁰ Dua hari selepas itu, beliau juga mengumumkan bahawa Anwar akan memangku jawatan Presiden UMNO sepanjang percutian beliau.⁴⁸¹ Tindakan Mahathir yang mengejutkan ini menyebabkan ramai orang melihat ini

⁴⁷⁸ *Utusan Malaysia*, 3 Mei 1997, m/s 1-2.

⁴⁷⁹ Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk mencegah wakil rakyat daripada meletak jawatan dan bertanding pada akhir 1980an. Menurut Artikel 48(6) dalam Perlembagaan Persekutuan, wakil rakyat yang meletakkan jawatan daripada kerusinya ditegah daripada bertanding dalam kawasan Parlimen ataupun DUN (bergantung samada seseorang wakil rakyat itu adalah ahli Parlimen ataupun ADUN) selama 5 tahun. Pertukaran kerusi Abu Hassan dan Jamaluddin Adnan bermaksud Abu Hassan tidak boleh bertanding dalam kerusi Parlimen selama 5 tahun manakala Jamaluddin tidak boleh bertanding dalam kerusi DUN selama 5 tahun selepas itu.

⁴⁸⁰ *Utusan Malaysia*, 9 Mei 1997, m/s 1-2.

⁴⁸¹ *Utusan Malaysia*, 11 Mei 1997, m/s 2.

sebagai tanda pemulihan perhubungan mereka di samping ingin ‘menguji’ Anwar sebagai penggantinya dalam tempoh percutiannya.

Tindakan Memerangi Rasuah Yang Tegas

Dalam tempoh dua bulan tersebut, Anwar mengambil langkah yang serius untuk memerangi rasuah, ini termasuk:

I) Exco Kerajaan Negeri Disiasat Oleh BPR

Pada 31 Mei, bekas anggota Exco kerajaan Negeri Melaka, Sahar Arpan ditahan oleh BPR kerana disyaki melakukan rasuah yang membabitkan kelulusan permohonan tanah kerajaan negeri pada tahun 1994.⁴⁸² Selepas itu, tiga ADUN Selangor, termasuk seorang bekas Exco kerajaan negeri disiasat oleh BPR kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa. Dua daripada mereka yang merupakan ahli lembaga pengarah sebuah koperasi disyaki terlibat dalam pembangunan tanah milik koperasi itu tanpa mendapat restu ahli-ahlinya.⁴⁸³

II) Bekas Pemimpin Wanita UMNO Dipecat

Pada 12 April 1997, Majlis Tertinggi UMNO memutuskan untuk menjalankan siasatan ke atas akaun kewangan Wanita UMNO yang kehilangan RM1.8 juta dan siasatan tersebut diketuai oleh Bendahari UMNO, Daim Zainuddin.⁴⁸⁴

Selepas siasatan tersebut selesai, pada 4 Jun 1997, Anwar pun memecat bekas bendahari Wanita UMNO, Siti Zainab daripada jawatan Timbalan Menteri

⁴⁸² *Mingguan Malaysia*, 1 Jun 1997, m/s 1-2.

⁴⁸³ *Utusan Malaysia*, 17 Julai 1997, m/s 1-2.

⁴⁸⁴ *Utusan Malaysia*, 13 April 1997, m/s 1.

Perusahaan Utama kerana terlibat dalam penyelewengan akaun kewangan pergerakan wanita tersebut. Siti Zainab juga digantung keahliannya dalam UMNO dan dilucutkan semua jawatan dalam parti. Walau bagaimanapun, kedudukan beliau sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Tebrau tidak terjejas. Selain daripada itu, Majlis Tertinggi juga menggantung keahlian Senator Habshah Osman, bekas penolong setiausaha pergerakan itu di samping menggugur semua jawatan parti yang disandangnya.⁴⁸⁵

III) Rang Undang-Undang Pencegahan Rasuah 1997 Diluluskan

Dalam tempoh Anwar memerangi rasuah, selain daripada siri seminar anti-korupsi dilancarkan oleh pihak kerajaan dan pembangkang, kerajaan BN juga meminda undang-undang demi memberi lebih kuasa kepada BPR untuk menjalankan tugasnya. Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang menggantikan dua undang-undang lama kemudian diluluskan oleh Parlimen pada Julai 1997, sebelum kepulangan Mahathir daripada cutinya.⁴⁸⁶

Rombakan Kabinet

Rombakan kabinet diadakan selepas perletakan jawatan Abu Hassan. Jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kemudian dipegang oleh penyokong Mahathir, Megat Junid Megat Ayob. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tajol Rosli Ghazali pula mengambil alih jawatan Megat Junid sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Sementara itu, Setiausaha Parlimen di

⁴⁸⁵ Mengikut Anwar, walaupun mengikut prosedurnya, Rafidah adalah salah seorang penandatangan akaun itu, tetapi dalam kes ini “ia dilakukan tanpa arahan Rafidah.” Kedua-dua bekas pemegang jawatan itu bertanggungjawab menutup akaun dan memindahkan wang itu dengan cara yang salah dan tidak mengikuti peraturan. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 6 Jun 1997, m/s 1-2.

Jabatan Perdana Menteri, Azmi Khalid dinaikkan pangkat menggantikan jawatan Tajol. Walaupun rombakan kabinet itu diumumkan oleh Anwar dalam tempoh percutian Mahathir, tetapi adalah jelas rombakan ini adalah keputusan yang dibuat oleh Mahathir.⁴⁸⁷

Perhubungan Di Antara Mahathir Dan Anwar Menjadi Tegang

Perhubungan yang kelihatan mesra di antara Mahathir dan Anwar menjadi tegang selepas Mahathir menamatkan ‘cuti kerja’ di luar negeri pada 22 Julai 1997. Tiga minggu selepas Mahathir kembali daripada cuti panjangnya, beliau mengadakan rombakan kabinet kecil pada 17 Ogos 1997. Hishammuddin Hussein Onn dilantik sebagai Timbalan Menteri dalam Kementerian Industri Utama dan Fauzi Abdul Rahman dilantik untuk menjawat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, beliau juga melantik 3 Setiausaha Parlimen: Ahli Parlimen Pendang, Othman Abdul (di Jabatan Perdana Menteri), Ahli Parlimen Parit, Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas (Kementerian Tanah dan Pembangunan Kooperasi) dan Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Kamaruzaman Mohamed Baria (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian).⁴⁸⁸

Sekali lagi, Mahathir menunjukkan beliau masih mempunyai kawalan dalam parti dengan mengenepikan penyokong kuat Anwar, seperti Ibrahim Saad dan Zahid Hamidi. Ketua Pemuda UMNO, Zahid tidak diberi apa-apa jawatan kerajaan langsung. Walaupun Fauzi Rahman selalu dikenali sebagai penyokong Anwar, tetapi dalam

⁴⁸⁶ Akta baru ini diluluskan di Parlimen pada 31 Julai 1997 dan digazet pada 25 September 1997. Ia mula berkuatkuasa pada 8 Januari 1998. Akta tersebut menggantikan dua akta yang lama, iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegahan Rasuah.

⁴⁸⁷ *Utusan Malaysia*, 29 Mei 1997, m/s 1-2.
⁴⁸⁸ *New Sunday Times*, 17 Ogos 1997, m/s 1.

wawancaranya di *Asiaweek*, beliau menafikan beliau adalah orang Anwar. Dia berkata, "I am very much Mahathir's man."⁴⁸⁹

Surat Layang Terhadap Anwar

Dalam bulan Ogos 1997, surat layang mengenai Anwar terlibat dalam skandal seks mula disebarluaskan di kalangan orang ramai. Surat layang tersebut menuduh Anwar mempunyai hubungan sulit dengan isteri setiausaha sulitnya di samping menuduh beliau adalah seorang homoseksual. Pada 25 Ogos, Mahathir berkata siasatan polis menunjukkan bahawa surat layang yang bertujuan kepada Anwar itu tiada kes, dan surat berunsur fitnah tersebut bertujuan untuk merosakkan peluang Anwar sebagai penggantinya.⁴⁹⁰ Anwar juga mendedahkan bahawa beliau menerima lebih kurang lapan surat layang yang serupa isikandungannya. Surat layang tersebut kelihatan dirancang dengan sistematik untuk merosakkan kerjaya politiknya semasa beliau memegang jawatan Pemangku Perdana Menteri.⁴⁹¹

Pada masa yang sama, ura-ura mengenai Anwar akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan muncul semula. Menurut *Asiaweek*, terdapat khabar angin bahawa para menteri dinasihatkan membatalkan lawatan ke luar negeri kerana rombakan kabinet mungkin akan diadakan,⁴⁹² tetapi ia tidak berlaku.

Menurut setiausaha politik Anwar, Ezam Mohd. Nor, perlantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri adalah satu perangkap yang tidak disedari Anwar dan pembantu-pembantunya. Mahathir berbuat demikian untuk melihat dari jauh sejauh

⁴⁸⁹ *Asiaweek*, 29 August 1997, m/s 23.

⁴⁹⁰ *New Straits Times*, 25 Ogos 1997, m/s 1-2.

⁴⁹¹ *Nanyang Siang Pau*, 26 Ogos 1998, m/s 1-2.

⁴⁹² *Asiaweek*, ibid.

mana belang Anwar untuk bertindak menjelaskan kepemimpinan Mahathir. Pada tempoh ini, Anwar telah menunjukkan sikap yang serius untuk mencegah rasuah dan telah menyebabkan ramai pemimpin UMNO merasa bimbang dan tidak puas hati.⁴⁹³ Sebenarnya, dalam surat yang ditulis oleh Anwar selepas beliau dipenjarakan, beliau berkata semasa beliau menjadi pemangku Perdana Menteri, pengubalan Akta Pencegahan Rasuah pernah mendatangkan bantahan daripada anggota kabinet dan Peguam Negara, khususnya terhadap peruntukan yang membenarkan seseorang pegawai perkhidmatan awam didakwa selepas dia meletakkan jawatan. Selain itu, keputusannya yang menghendaki kerajaan untuk meneruskan siasatan terhadap skandal Perwaja yang menyebabkan kerajaan rugi lebih daripada RM5 bilion juga menjengkelkan sesetengah orang, termasuk Mahathir yang selalu memperlindungi Eric Chia. Anwar berkata bahawa Mahathir malah pernah memberi amaran kepada beliau tentang siasatan terhadap kes ini.⁴⁹⁴

6.6 Perhimpunan Agung September 1997

Perhimpunan Agung UMNO pada 4-7 September 1997 tidak begitu menarik berbanding dengan Perhimpunan Agung sebelumnya. Cadangan untuk mengadakan pemilihan parti 5 tahun sekali yang tidak dibangkitkan.⁴⁹⁵ Di persidangan Pemuda UMNO, Zahid Hamidi membidas golongan yang menyebarkan surat layang yang berunsur fitnah terhadap pemimpin negara,⁴⁹⁶ manakala Mahathir menggunakan Perhimpunan Agung untuk membidas sesetengah ulamak dan kumpulan Islam dan menegaskan perlunya adakan reformasi dari segi sikap terhadap Islam. Kritikan

⁴⁹³ Wawancara dengan rakan Ezam Mohd. Nor, pengarang buku *Di Sini Aku Berdiri*, Rozaid A. Rahman pada 9 September 2001.

⁴⁹⁴ Anwar Ibrahim, *From The Halls Of Power to the Labyrinths of Incarceration*, 3 November 1998, Penjara Sungai Buloh.

⁴⁹⁵ Ia diramat oleh Majalah *Asiaweek* terbitan 29 Ogos 1997, m/s 23.

hebatnya pun mendatangkan ketidakpuasan daripada para pemimpin pertubuhan Islam.

Pemilihan UMNO Peringkat Bahagian dan Cawangan Dalam 1998

Pemilihan cawangan dan bahagian UMNO dijadualkan daripada Februari sehingga Mac 1998. Majlis Tertinggi sekali lagi cuba mengurangkan suhu kempen pemilihan bahagian. Peraturan larang berkempen termasuk ahli-ahli ditegah untuk mengadakan jamuan berbuka puasa dan Hari Raya secara besar-besaran, dan hanya boleh mengadakan rumah terbuka Hari Raya dalam minggu pertama Hari Raya sahaja. Selain itu, ahli yang disaman kerana terlibat dalam dakwaan jenayah dan rasuah juga ditegah mengambil bahagian dalam pemilihan parti UMNO, termasuk mereka yang didakwa di luar negeri.⁴⁹⁷ Pada 18 Januari 1998, Majlis Tertinggi memutuskan Muhammad Taib tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pemilihan UMNO.⁴⁹⁸

Walau bagaimanapun, kempen pemilihan pada peringkat cawangan dan Bahagian tetap hangat dijalankan. Pada 18 Februari, Anwar mengeluarkan arahan menegah ahli UMNO mengeluarkan kenyataan yang berkenaan dengan masalah parti kepada media sebagai langkah untuk menurunkan suhu pertandingan kuasa.⁴⁹⁹ Pada 4 Mac, Majlis Tertinggi mengeluarkan arahan bahawa Ketua Bahagian yang dijawat oleh ahli Majlis Tertinggi tidak boleh dicabar dalam pemilihan bahagian, di samping itu, ahli Majlis Tertinggi juga tidak dibenarkan untuk mencabar mana-mana Ketua Bahagian.⁵⁰⁰

⁴⁹⁶ *Nanyang Siang Pau*, 5 September 1997, m/s A6.

⁴⁹⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 6 Januari 1998, m/s 4.

⁴⁹⁸ *Sin Chew Jit Poh*, 19 Januari 1998, m/s 4.

⁴⁹⁹ *New Straits Times*, 19 Februari 1998, m/s 1.

⁵⁰⁰ *Sin Chew Jit Poh*, 4 Mac 1998, m/s 4; *New Straits Times*, 3 Mac 1998, m/s 1.

Walaupun arahan baru ini membolehkan majoriti ahli Majlis Tertinggi mengekalkan jawatan Ketua Bahagian masing-masing, tetapi ia tidak bermanfaat kepada penyokong Mahathir, iaitu Sanusi Junid dan Daim Zainuddin, kerana kedua-dua mereka tidak boleh bertanding bagi jawatan Ketua Bahagian. Selain itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Mohd. Khalid Yunus yang ingin menandingi jawatan Ketua Bahagian Kawasan Jempol, juga tidak dapat berbuat demikian. Ahli Majlis Tertinggi yang bermanfaat daripada arahan baru tersebut termasuk: Naib Presiden Abdullah Badawi, Setiausaha Agung Sabaruddin Chik, Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Zaleha Ismail dan Exco Negeri Terengganu Yusof Nor.⁵⁰¹

Selain itu, Majlis Tertinggi memutuskan pemilihan di 27 bahagian UMNO yang berlaku masalah dan huru-hara diletak di bawah pengawasan oleh ahli Majlis Tertinggi yang ditetapkan, manakala Jawatankuasa Disiplin yang diketuai oleh Anwar mengambil tindakan disiplin terhadap beberapa ahli yang melanggar peraturan parti.

Walau bagaimanapun, Majlis Tertinggi membenarkan jawatan Ketua Bahagian Peringat dan Gua Musang di Negeri Kelantan mengadakan pertandingan pada 13 Februari, untuk membolehkan jawatan tersebut dipikul oleh Annuar Musa dan Tengku Razaleigh masing-masing, supaya mereka boleh membantu UMNO untuk merebut balik Negeri Kelantan daripada tangan PAS. Akhirnya, Razaleigh menang dipilih sebagai Ketua Bahagian Gua Musang.

⁵⁰¹ Komen yang disiarkan di *Sin Chew Jit Poh*, 4 Mac 1998, m/s 4.

Keputusan Pemilihan Bahagian

Campurtangan Majlis Tertinggi berjaya menurunkan suhu pertandingan yang hangat dalam parti. Di antara 165 bahagian UMNO, pertandingan terhadap jawatan Ketua Bahagian hanya berlaku di 58 bahagian manakala jawatan Ketua Bahagian di 107 Bahagian tidak dicabar. Di antara 58 bahagian yang ada pertandingan ini, 44 Ketua Bahagian yang menyandang jawatan berjaya mempertahankan jawatan mereka masing-masing, hanya 14 muka baru muncul dalam pemilihan jawatan Ketua Bahagian parti. Adalah dijangka bahawa penyokong Anwar memegang satu pertiga daripada jumlah Ketua Bahagian, bagi sesetengah bahagian yang ditegah daripada pertandingan, penyokongnya kebanyakannya memenangi jawatan Timbalan Ketua Bahagian dan jawatan lain yang penting dalam bahagian berkenaan.⁵⁰²

Seperti biasa, politik wang berlaku dalam pemilihan bahagian dan cawangan tersebut, kerana pemegang jawatan Ketua Bahagian dan Ahli Jawatankuasa Bahagian selalu boleh mendapat banyak naungan. Dengan itu, perebutan terhadap jawatan-jawatan tersebut pun mengakibatkan politik wang.

Pemilihan di Pagoh dan Kota Melaka

Dua pemilihan bahagian yang paling menarik perhatian umum adalah pemilihan di Bahagian Pagoh dan Kota Melaka.

⁵⁰² Wawancara dengan penulis politik MGG Pillai pada 8 Julai 1999.

Penyokong Anwar, Muhyiddin Yassin yang gagal mengekalkan jawatan Naib Presiden menghadapi cabaran daripada Hashim Osman di Bahagian Pagoh. Akhirnya, beliau berjaya mempertahankan jawatan Ketua Bahagian dengan 218 undi berbanding dengan pencabarnya yang mendapat 69 undi sahaja, menunjukkan Muhyiddin masih mempunyai pengaruhnya di Johor.⁵⁰³

Penyokong Mahathir, Rahim Tamby Chik membuat percubaan kali kedua untuk merebut jawatan Ketua Bahagian Kota Melaka sebagai batu loncatan beliau untuk kembali ke politik. Walaupun bekas Ketua Bahagian Kota Melaka, Nasir Manap tidak bertanding untuk memberi jalan kepada Rahim, tetapi Rahim masih kalah sebanyak 44 undi kepada pencabarnya Amid Nordin.⁵⁰⁴ Kekalahan Rahim menunjukkan kemenangan kem Abu Zahar di Melaka dan juga Puak Anwar secara keseluruhan. Ia sekali lagi menyusahkan usaha Rahim untuk kembali ke politik UMNO.⁵⁰⁵

Keadaan pemilihan bahagian dan cawangan UMNO menyebabkan beberapa pemimpin UMNO, termasuk Mahathir, Sabbaruddin Chik, Anwar Ibrahim dan Nazri Mohamed bercadang untuk meminda perlembagaan parti demi mengetatkan syarat pertandingan.⁵⁰⁶

⁵⁰³ *Sin Chew Jit Poh*, 23 Mac 1998, m/s 15.

⁵⁰⁴ Nasir Manap pernah menuduh Amid Nordin membawa masuk 872 ahli baru tanpa pengetahuan beliau. Rujuk: *New Straits Times*, 19 Februari 1998, m/s 1.

⁵⁰⁵ *Sin Chew Jit Poh*, 23 Mac 1998, m/s 15.

6.7 Krisis Ekonomi

Krisis kewangan dan ekonomi yang melandai Negeri Thai dalam Julai 1997 kemudian merebak ke Malaysia. Pada mulanya Mahathir menyalahkan spekulator kewangan Yahudi di Amerika Syarikat, George Soros atas kejatuhan nilai saham dan matawang di rantau Asia Tenggara dan Malaysia, kerana ASEAN tidak menghirau bantahan beliau dan menerima Myanmar sebagai anggota ASEAN,⁵⁰⁷ tetapi dakwaan ini dinafikan oleh Soros.⁵⁰⁸ Kritikan Mahathir terhadap George Soros mendatangkan keraguan di masyarakat Malaysia terhadap kenyataan beliau, ia juga gagal menyelamatkan kejatuhan nilai matawang Malaysia dan saham di BSCL.⁵⁰⁹

Kerajaan melakukan banyak kesilapan dalam usaha untuk menyelamatkan krisis kewangan tersebut. Ini termasuk pengumuman penghentian ‘short-selling’ 100 saham chip biru pada akhir bulan Ogos 1997⁵¹⁰ dan urus-niaga di antara Renong dan UEM dalam November 1997. Kesemua pengumuman tersebut menyebabkan penurunan keyakinan pelabur dan mengakibatkan kejatuhan Indeks Komposit BSCL (KLCI)

⁵⁰⁶ *The Sun*, 30 Mac 1998, m/s 2; *Sin Chew Jit Poh*, 28 Mac 1998, m/s 4.

⁵⁰⁷ *New Sunday Times*, 27 Julai 1997, m/s 1 & 4.

⁵⁰⁸ *New Straits Times*, 26 Julai 1997, m/s 1; 4 Ogos 1997, m/s 1.

⁵⁰⁹ Pada 18 Ogos, KLCI jatuh kepada 880.45 poin, iaitu tahap yang paling rendah dalam 30 bulan sebelum itu.

⁵¹⁰ Pada 27 Ogos, Mahathir mengumumkan dana tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad, Dana Pension dan Khazanah Nasional Berhad akan masuk ke pasaran saham secara besar-besaran untuk berhadapan dengan pemain matawang dan saham. Pada hari yang sama, BSCL menandakan 100 saham chip biru sebagai saham yang tidak boleh diadakan “short-selling”. Pengumuman ini menyebabkan KLCI jatuh pada tahap KLCI yang paling rendah dalam empat tahun yang lepas manakala nilai Ringgit Malaysia jatuh sebanyak 590 poin. KLCI jatuh sebanyak 35.73 poin dan sehingga tahap 812.18 sehari selepas pengumuman tersebut. Nilai Ringgit Malaysia jatuh sebanyak 590 poin ke kadar pertukaran sebanyak 2.8850 dengan 1 USD. Rujuk: *New Straits Times*, 29 Ogos 1997, m/s 1 & 30.

Pengumuman BSCL secara tiba-tiba ini membimbangkan ramai pemegang saham dan menyebabkan mereka menjual saham mereka. Kejatuhan pasaran saham menyebabkan BSCL membatalkan status penandaan 100 saham chip biru pada 5 September dan penundaan beberapa projek gergasi, termasuk projek Lapangan Terbang Antarabangsa di Kedah dan Kuala Lumpur Linear City. Rujuk: *New Straits Times*, 5 September 1997, m/s 1 & 5.

yang lebih serius, sehingga berpuluhan bilion Ringgit hilang daripada pasaran kewangan.⁵¹¹

Keceluparan Mahathir

Dalam tempoh permulaan krisis ekonomi ini, kenyataan Mahathir yang kritikal terhadap spekulator kewangan Barat menyumbang kepada kejatuhan nilai Ringgit dan harga saham dengan lebih lanjut. Ini termasuk ucapan Mahathir yang menyeru penghentian perdagangan matawang di Seminar Bank Dunia dan International Monetary Fund (IMF) di Hong Kong pada 20 September 1997,⁵¹² dan juga seruan ulangannya di persidangan Asia-Pacific Co-operation Council di Santiago pada 1 Oktober 1997.⁵¹³

Kenyataan Mahathir yang paling kontroversial adalah apabila beliau menyalahkan krisis matawang sebagai angkara Yahudi (Jewish Conspiracy) pada 10 Oktober 1997

⁵¹¹ Pada 17 November 1997, anak syarikat Kumpulan Renong, United Engineers (UEM) mengumumkan bahawa syarikat itu akan membeli 32.6 % saham Renong Berhad. Urusniaga UEM-Renong merupakan tanda jelas di mana UEM yang mempunyai wang tunai yang banyak digunakan untuk menyelamat Renong yang merupakan alat kewangan dan pelaburan UMNO yang berhutang banyak. Kelulusan BSKL terhadap ‘bail-out’ yang besar ini menggongangkan keyakinan pemegang saham terhadap kerajaan. Ini menyebabkan KLCI jatuh sehingga menyebabkan pasaran saham kehilangan RM70 billion. Kejatuhan KLCI daripada 667.29 sehingga 536.62 poin dalam 3 hari. Rujuk: Lim Kit Siang, *ibid*, m/s 6.

⁵¹² Mahathir bercadang supaya menghentikan perdagangan matawang kerana ia adalah tidak munasabah, tidak produktif dan tidak bermoral. Ucapan beliau pun menimbulkan keraguan pelabur dalam pasaran kewangan samada Malaysia akan menghentikan perdagangan matawang. Walaupun Anwar yang terbang ke Hong Kong selepas ucapan Dr. Mahathir memberi jaminan kepada para pelabur bahawa perdagangan pertukaran matawang asing tidak akan berubah di Malaysia, dan Malaysia akan membuka sektor perkhidmatan kewangan dengan lebih lanjut, tetapi keraguan para pelabur telahpun menyebabkan KLCI jatuh sebanyak 33.9 mata pada sesi pagi 22 September dan Ringgit Malaysia pula jatuh kepada tahap yang paling rendah, dengan kadar pertukaran RM3.0950 dengan 1 Dollar Amerika Syarikat. Rujukan kepada kenyataan akhbar Lim Kit Siang pada 22 September 1997. Mengikut laporan dalam mukasurat ‘Business’ dalam *New Straits Times*, 23 September 1997, m/s 35, kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding dengan USD adalah 3.0950/10 manakala ia adalah 3.0280/20 pada hari Jumaat.

⁵¹³ Selepas ucapan beliau di Chile, beliau meramalkan bahawa Ringgit Malaysia mungkin akan jatuh dengan lebih lanjut lagi. Ringgit Malaysia kemudian jatuh lebih daripada 4 peratus dalam dua jam, dan

di Terengganu. Beliau dilaporkan berkata, "mengesyaki Yahudi mempunyai agenda dan rencana tertentu untuk menjatuhkan umat Islam dengan mengatur pelbagai usaha jahat termasuk melemahkan ekonomi dan matawang negara-negara Islam."⁵¹⁴ Walaupun Mahathir berkata ucapannya disalah-petik oleh media, beliau kuat dibidas oleh masyarakat antarabangsa.⁵¹⁵ 34 ahli Kongres Amerika Syarikat ingin membentangkan usul untuk mengkritik Mahathir,⁵¹⁶ tetapi kritikan mereka dieksplorasi oleh beliau dan ditukar kepada kempen mencintai negara dan setia terhadap beliau. Selain daripada menganjurkan tunjuk perasaan dan beberapa perhimpunan yang memberi sokongan kepada Mahathir, Parlimen dan beberapa Dewan Undangan Negeri juga dikehendaki meluluskan usul yang menyatakan kesetiaan kepada Mahathir.⁵¹⁷ Selain itu, *Kempen Kibarkan Bendera Malaysia* juga dilancarkan menjelang Hari Merdeka pada 31 Ogos 1997. Walau bagaimanapun, kesemua kempen dan aktiviti setia tersebut tidak dapat menutupi kemarahan sektor perniagaan terhadap kesilapan Mahathir untuk menangani krisis ekonomi. Keadaan ini juga memperhebatkan lagi persaingan kuasa di antara Mahathir dan Anwar.

KLCI jatuh sebanyak 18.74 poin sehingga 795.83 pada hari yang sama. Rujuk: *New Straits Times*, 2 Oktober 1997, mukasurat Business, m/s 29, dan m/s 1-2; Rujuk Lim Kit Siang, *ibid*, m/s 100.

⁵¹⁴ *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 1997, m/s 1.

⁵¹⁵ Kenyataan Mahathir mendatangkan kritikan daripada pegawai kanan Amerika Syarikat, Stanley Roth dan Kongres Yahudi Sedunia (World Jewish Congress). Kongres Yahudi Sedunia membuat aduan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Human Rights Commission). Pengurus Kongres Yahudi Sedunia, Kalman Sultanik juga berkata akan meminta sokongan daripada Vatican Council and World Council of Churches untuk membantah kenyataan Mahathir. Rujuk: Ucapan Ketua Pembangkang Parlimen, Lim Kit Siang, yang dibentangkan pada 16 Oktober 1987 dan Lim Kit Siang, *Economic & Financial Crisis*, Democratic Action Party Economic Committee, Petaling Jaya, 1998, m/s 98-99.

⁵¹⁶ Mereka mengugut beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia sekiranya tidak meminta maaf. Walaupun usul tersebut hanya dihantar ke Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa dan bukan dibentangkan di Kongres Amerika Syarikat. Rujuk: Lim Kit Siang, *ibid*, m/s 116-129.

⁵¹⁷ Kesemua Ahli Parlimen parti pembangkang, PAS, DAP, PBS dan Star tidak hadir semasa pungutan undi dijalankan pada akhir perdebatan. Rujuk: *New Straits Times*, 20 November 1997, m/s 1&4.

Perbezaan Dasar Ekonomi di Antara Mahathir dan Anwar

Memandangkan Belanjawan 1998 dibentangkan di Parlimen pada 17 Oktober 1997 tidak berjaya memulihkan keyakinan sektor perniagaan dan pelabur terhadap ekonomi Malaysia, Mahathir pun menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ataupun National Economic Advisory Council (NEAC) yang diketuai oleh beliau pada 20 November 1997. Majlis ini mempunyai kuasa kecemasan untuk menangani krisis ekonomi. Lepas itu, suatu kenyataan yang sama seperti Belanjawan 1998 yang Kedua pun dibentangkan di Parlimen sebagai tindakan keras kerajaan untuk menangani krisis ekonomi negara, tetapi langkah ini juga tidak dapat menyelamatkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.⁵¹⁸ Pada 22 Disember, Mahathir melantik Daim sebagai Pengarah Eksekutif MTEN. Perlantikan ini dilihat sebagai langkah untuk mengambil-alih tugas Anwar sebagai Menteri Kewangan yang tidak sehaluan dengan pandangannya secara tidak langsung.

Mengikut surat Anwar dari Penjara Sungai Buloh, Anwar berkata beliau mengesyaki Mahathir ingin memecatnya dalam Disember 1997, tetapi Anwar hanya menyedarinya dalam bulan Februari tahun kemudian.⁵¹⁹

Sebenarnya, krisis ekonomi yang melandai rantau Asia Tenggara telah menyebabkan pertukaran pemimpin di Negeri Thai dan Indonesia. Pada 21 Mei 1998, Presiden Suharto yang berkuasa selama 32 tahun terpaksa menunduk kepada tuntutan rakyatnya dan meletakkan jawatan sebagai Presiden negara itu. Perletakan jawatan

⁵¹⁸ Pada 12 Disember, kadar pertukaran di antara Ringgit Malaysia dengan dolar Amerika Syarikat jatuh sehingga 1 USD = RM3.815, manakala KLCI jatuh kepada 574.92. Rujuk: *The Edge*, Carta "A year of Turmoil".

Suharto menguatkan semangat Puak Anwar untuk menentang Mahathir yang dituduh mempraktikkan kronisme dan nepotisme dalam krisis ekonomi.

Percanggahan pendirian di antara Mahathir dan Anwar menjadi lebih ketara selepas berlakunya perubahan dalam kepemimpinan politik di Indonesia. Anwar mula membuat kenyataan tajam yang bercanggah dengan pendirian Mahathir secara terbuka. Mengikut Anwar, Mahathir dihantui dengan perasaan amat takut sehingga mengarahkan kawalan ketat terhadap penentangnya di dalam parti pemerintah.⁵²⁰ Menurut setiausaha politik Anwar, Ezam Mohd. Nor, Anwar pernah memberitahunya bahawa Mahathir nampak selalu sugul dan mula hilang kepercayaan ke atasnya sejak kejatuhan Suharto, sehingga suatu ketika, Mahathir berkali-kali bertanya kepada Anwar, apakah benar khabar-khabar angin mengatakan bahawa Anwar akan menentangnya pada pemilihan yang akan berlangsung pada tahun 1999.⁵²¹ Beberapa babak wayang kulit yang memperlihatkan perselisihan di antara Mahathir dan Anwar pun diadakan sebelum Perhimpunan Agung UMNO dalam Jun 1998.

'Bail out'

Keadaan ekonomi negara terus merosot dalam tahun 1998,⁵²² banyak syarikat besar menghadapi masalah kewangan yang serius. Mahathir dan Anwar kemudian mengadakan percanggahan yang serius terhadap pemberhentian projek-projek besar dan juga 'bail out' terhadap syarikat-syarikat besar kepunyaan kroni Mahathir. Ini

⁵¹⁹ Anwar Ibrahim, *From The Halls Of Power To The Labyrinths Of Incarceration*, 3 November 1998, Penjara Sungai Buloh.

⁵²⁰ Utusan Malaysia, 9 September 1998, m/s 3.

⁵²¹ Rozaid A. Rahman, *Di Sini Aku Berdiri: Suara & Iktikad Perjuangan Ezam Mohd. Nor*, 1999, Uniclass Sdn. Bhd.

termasuk Konsortium Perkapalan Berhad (KPB), syarikat yang dippunyai oleh anak Mahathir, Mirzan Mahathir. Dalam Mac 1997, harga saham KPB adalah RM17.30, tetapi sehingga Februari 1998, harganya telah jatuh ke RM3.78. Demi menyelesaikan masalah kewangan KPB, Mahathir pun mengarahkan Petronas untuk menyelamatkan KPB.

Pada 6 Mac 1998, Petronas menambah peratusan sahamnya di Malaysian International Shipping Corporation (MISC) yang dikawal oleh kerajaan daripada 29.34% kepada 50%.⁵²³ Pegangan Petronas dalam MISC kemudian bertambah kepada 62% dalam Mei.⁵²⁴ MISC kemudian mengambil-alih seluruh Pacific Basin Bulk Shipping, anak syarikat KPB di Hong Kong dan 51% saham kawalan syarikat PNSL, anak syarikat KPB yang berhutang banyak.⁵²⁵ Cara ‘bail out’ terhadap syarikat Mirzan Mahathir dengan menggunakan wang Petronas menimbulkan ketidakpuasan daripada banyak pihak, termasuk pemimpin dalam kabinet. Pada 20 Mac, Anwar bercadang kedua-dua pihak terlibat untuk melantik suatu penilai perkапalan antarabangsa untuk menilai urusniaga tersebut, supaya menjelaskan salah faham terhadap campur tangan kerajaan dalam urusniaga tersebut boleh dijelaskan.⁵²⁶ Lepas itu, MISC pun mengumumkan harga pembelian anak syarikat KPB, iaitu wang tunai RM836 juta (US\$220 million) yang termasuk penghapusan hutang bersihnya RM1.18

⁵²² Pengeluaran Dalam Negeri Kasar jatuh ke -1.8 peratus dalam 3 bulan pertama tahun 1998 berbanding dengan 6.9 peratus dalam tahun 1997. Keadaan ekonomi Malaysia diburukkan pula dengan pergolakan politik dan kejatuhan matawang Rupiah di Indonesia.

⁵²³ Urusniaga ini dijalankan melalui MISC membeli Petronas Tankers Sdn. Bhd., suatu anak syarikat Petronas yang bertugas untuk mengangkut gas liquefied semulajadi. MISC membayar Petronas Tankers dengan mengeluarkan saham MISC baru kepada Petronas, dan ini pun akan menambah pegangan saham Petronas dalam MISC. Rujuk *Asian Wall Street Journal*, 9 Mac 1998.

⁵²⁴ *Asian Wall Street Journal*, 12 Mei 1998.

⁵²⁵ Urusniaga ini terlibat beberapa kepentingan pengangkutan liquefied-natural-gas yang dipegang oleh PNSL. Rujuk *Asiaweek*, 27 Mac 1998; *New Straits Times*, 7 Mac 1998, mukasurat Business m/s 17; *New Straits Times*, 21 Mac 1998, m/s 17; *Asian Wall Street Journal*, 9 Mac 1998.

⁵²⁶ Menurut sumber puak Anwar, pengumuman Anwar ini adalah demi menjustifikasi harga ‘bailout’ ini supaya ia kelihatan lebih boleh diterima oleh publik. Rujuk: *New Straits Times*, 21 Mac 1998, m/s 17.

bilion (US\$311 million). Ini menjadikan hutang syarikat Mirzan tertinggal hutang sebanyak RM264 juta (mengikut kadar pertukaran M3.80 dengan US1.00).⁵²⁷

Menurut sumber puak Anwar, ‘bail out’ ini merupakan titik-tolak di antara perhubungan Mahathir dan Anwar kerana Anwar amat tidak setuju dengan cara dan jumlah ‘bail out’ syarikat Mirzan dengan menggunakan dana Petronas. Mengikut artikel Anwar selepas beliau dipenjarakan, Petronas akhirnya membayar RM1.7 bilion kepada KPB, manakala Mahathir menghendaki Mirzan dibayar dengan RM2.2 bilion.⁵²⁸ Ini bermaksud Mirzan sebenarnya mendapat untung yang lebih daripada wang yang diperlukannya dalam ‘bail out’ tersebut.

Selain daripada ‘bail out’ konglomerat Renong sebanyak RM2.34 bilion yang dilakukan oleh UEM pada November 1997,⁵²⁹ kerajaan juga melaksanakan ‘bail out’ beberapa bank dan syarikat besar, termasuk Sime Bank dan Bank Bumiputra yang mengalami kerugian sebanyak US\$600 juta,⁵³⁰ kerana memberi pinjaman kepada usahawan yang rapat dengan pemimpin tertinggi BN dan khususnya UMNO. Kerajaan sekali lagi menyuntikkan RM750 juta kepada Bank Bumiputra yang pernah dua kali diselamatkan oleh kerajaan. Sime Bank diambil-alih oleh RHB Bank, Syarikat Holding RHB Bank menerima suntikan wang tunai daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.⁵³¹

⁵²⁷ *New Straits Times*, 5 Mei 1998, m/s 18; *Asian Wall Street Journal*, 12 Mei 1998.

⁵²⁸ Anwar Ibrahim, *From the Halls of Power to the Labyrinths of Incarceration*, Sungai Buloh Prison, 3 November 1998.

⁵²⁹ *Asian Wall Street Journal*, 12 Mei 1998.

⁵³⁰ Mengikut Bank Negara, hutang yang ditanggung oleh Sime Bank adalah sebanyak RM1.57 bilion (US414.2 million) dan memerlukan modal baru yang sebanyak RM1.2 bilion untuk menjalankan operasinya. Bank Bumiputra Berhad pula kelihatan memerlukan RM750 juta modal baru. Rujuk: *Asian Wall Street Journal*, 6 Mac 1998.

⁵³¹ Rujuk: *New Straits Times*, 6 Mac 1998, m/s 1. *Asiaweek*, 27 Mac 1998.

Selain itu, Sistem Penerbangan MAS (MAS) juga mengalami kerugian bersih sebanyak RM260 juta (US\$62 million) pada tahun berakhir dalam Mac 1998, yang dicetuskan oleh pelunasan hutang luar negeri yang sebanyak RM3.5 bilion.⁵³² Rancangan penstrukturkan semula MAS mendatangkan bantahan daripada pelbagai pihak, termasuk Anwar. Di bawah rancangan ini, Pengerusi Eksekutif MAS dan pemegang saham yang terbesar, Tajudin Ramli yang juga merupakan penyokong Daim, bercadang untuk menjual kapalterbang MAS kepada syarikat baru beliau, MAS Capital di Labuan. MAS Capital kemudian memajakkan kapalterbangnya kepada MAS. Cadangan urusniaga ini adalah MAS Capital akan membeli kapalterbang tersebut pada nilai asal yang termaktub dalam buku MAS pada Mac 1997, iaitu sebanyak RM9.5 bilion (US\$2.6 billion pada kadar pertukaran semasa), tetapi susut nilai matawang Malaysia akan menyebabkan nilai pasaran semasa kapalterbang menjadi lebih kurang RM14 bilion (US\$3.8 billion). Dengan itu, urusniaga ini pun akan mendatangkan ‘durian runtuh’ kepadanya. Keuntungan akan dibayar kepada Tajuddin dalam kombinasi wang tunai dan saham untuk saham dalam dua syarikat utamanya, iaitu Technology Resources Industries Bhd (TRI) dan Malaysian Helicopter Services Bhd. MAS Capital akan mendapat 17% daripada pegangan saham TRI dan 49% Malaysian Helicopter Services. Dengan itu, Tajudin pun mempunyai 27% pegangan di TRI dan 50% pegangan di Malaysian Helicopter, yang mana akan menyebabkan beliau memegang 32% saham MAS dan mengawal MAS. Wang yang diperolehinya akan mengurangkan hutang peribadinya yang berjumlah hampir RM800 juta dengan bank tempatan. Rancangan ‘bail out’ ini mempunyai objektif serampang dua mata, ia bukan sahaja dapat mengurangkan beban hutangnya, tetapi ia juga membenarkan Tajudin untuk terus mengadakan kawalannya di MAS. Dengan

⁵³² *Far Eastern Economic Review*, 23 Julai 1998, m/s 52-53.

itu, beliau pun akan menjadi pemegang saham tunggal yang terbesar di MAS Capital, yang mengawal MAS melalui pegangannya di TRI dan Malaysian Helicopter.⁵³³

Rancangan penstrukturkan semula MAS mendatangkan bantahan daripada pelbagai pihak, termasuk Anwar. Menurut sumber puak Anwar, Anwar berpendapat cara penyelesaian hutang Tajudin akan menjaskan akaun semasa negara. Selain itu, Anwar juga tidak puas hati dengan cara Tajudin memerah MAS. Misalnya, setiap kapalterbang MAS dikenakan insuran yang lebih daripada premium yang sepatutnya, yang hanya menguntungkan syarikat broker insuran kepunyaan Tajudin sahaja.⁵³⁴

Selain daripada kes-kes tersebut, Anwar juga tidak puas hati terhadap cara ‘bail out’ terhadap syarikat yang dippunyai oleh dua rakan rapat Mahathir, iaitu Ekran Berhad kepunyaan Ting Pek Khiing yang dipertugaskan untuk membina Empangan Bakun dan juga kilang keluli Perwaja yang diuruskan oleh Eric Chia. Menurut Anwar, Mahathir ingin memberi RM1.6 bilion kepada Ting, lebih kurang dua kali ganda daripada harga yang diluluskan oleh syarikat audit, Price Waterhouse, tetapi ini ditolak oleh Anwar. Selain itu, ketegasan Anwar mengadakan siasatan terhadap ketidaktetapan Perwaja dan juga kenyataan Anwar mengenai isu Perwaja di Parlimen, juga telah menjengkelkan Mahathir.⁵³⁵

Cara Mahathir dan Daim mengadakan ‘bail out’ terhadap segelintir tokoh korporat yang rapat dengan mereka dengan menggunakan dana agensi kewangan kerajaan bukan sahaja mendatangkan kritikan daripada pelbagai pihak di dalam dan di luar

⁵³³ *Asian Wall Street Journal*, 16 April 1998.

⁵³⁴ Menurut sumber puak Anwar, premium setiap kapalterbang Boeing 737 ialah lebih kurang RM2 juta setahun.

⁵³⁵ Anwar Ibrahim, *ibid*, 3 November 1998.

UMNO, ia juga telah mempersengitkan pergeseran di antara puak Mahathir dan puak Anwar. Mahathir kemudian mengadakan perjumpaan tutup-pintu dengan semua Ketua Bahagian UMNO pada 29 April 1998 mengenai langkah kerajaan untuk menangani krisis ekonomi.⁵³⁶ Menurut penyokong Anwar, perjumpaan tersebut diadakan beberapa kali sebelum pemecatan Anwar di mana Mahathir cuba mempertahankan langkah ‘bail out’ terhadap kroni dan anaknya dalam perjumpaan seperti ini.

Kadar Bunga Bank

Selain daripada isu ‘bail out’, Mahathir dan Anwar juga bercanggah atas isu kadar bunga bank. Anwar menghendaki bank dan syarikat kewangan tempatan untuk mengekalkan kadar bunga yang tinggi manakala Mahathir menghendaki kadar bunga direndahkan. Pada 30 Mei, Mahathir mengkritik Bank Negara mengekalkan dasar matawang ketat yang mencekik perniagaan, beliau berkata kerajaan sedang mencari jalan untuk merendahkan kadar bunga yang telah mencapai 15 – 16 peratus.⁵³⁷ Pada 1 Jun, Anwar mempertahankan pendirian Bank Negara untuk menetapkan kadar bunga yang tinggi. Anwar juga mengingatkan bank-bank agar tidak dibelenggu oleh pengaruh ahli perniagaan dan orang politik untuk meluluskan permohonan pinjaman mereka, tetapi peminjaman yang diberikan haruslah berdasarkan merit yang ditentukan oleh bank sendiri.⁵³⁸ Menurut bekas penolong Anwar, Anwar bukan berkeinginan untuk bercanggah dengan pandangan Mahathir, beliau hanya berpegang teguh kepada nasihat pakar-pakar kewangan Bank Negara supaya menganuti strategi yang diutarakan oleh IMF. Strategi ini termasuk menetapkan kadar bunga pada tahap yang tinggi supaya keciran ringgit dalam pasaran tidak terus menjadi alat peniaga

⁵³⁶ *New Straits Times*, 30 April 1998, m/s 1.

⁵³⁷ *Utusan Malaysia*, 1 Jun 1998, m/s 2.

matawang untuk menjatuhkan nilai ringgit. Cadangan ini juga pernah diluluskan oleh kabinet.

Perbezaan Pandangan Terhadap Kesan Krisis Ekonomi

Kenyataan yang dibuat oleh Mahathir dan Anwar dalam tempoh krisis ekonomi menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat ketara di antara Mahathir dan Anwar dari segi arah dan dasar ekonomi. Anwar kelihatan ingin menangani masalah dari segi pengurusan korporat dan ingin menggunakan sesetengah ‘ubat pahit’ IMF demi memulihkan ekonomi, tetapi Mahathir lebih berminat untuk menyelamatkan syarikat besar yang dipunyai oleh usahawan Melayu kepunyaan penyokongnya. Mahathir juga berkali-kali berkata bahawa penutupan syarikat besar tersebut akan menyebabkan beribu-ribu orang kehilangan kerja yang mana akan memburukkan lagi keadaan ekonomi.

Pada 1 Jun, Anwar memetik kata-kata ahli ekonomi, Joseph Schumpeter bahawa krisis ekonomi merupakan satu kemajuan dalam pasaran ekonomi, dan satu ‘permusnahan kreatif’ yang akan membersihkan masyarakat daripada kolusi, kronisme dan nepotisme. Anwar turut berkata bahawa kesan krisis ekonomi akan mewujudkan pasaran ekonomi yang lebih bertenaga berdasarkan keadilan dan daya saing pada tahap yang sama rata, di mana syarikat besar dan kecil serta semua rakyat mempunyai hak serupa dalam meraih modal dan sumber.⁵³⁹

⁵³⁸ *Utusan Malaysia*, 2 Jun 1998, m/s 1-2.

⁵³⁹ *Berita Harian*, 2 Jun 1998, m/s 2.

Dua hari selepas itu, Mahathir membuat ucapan yang langsung bercanggah dengan pandangan Anwar di Tokyo. Beliau membidas pengkritik Barat bersikap angkuh terhadap ekonomi Asia. Menurut Mahathir, kebanyakan asas ekonomi (fundamentals) yang disenaraikan sebagai penyebab utama krisis kewangan dan matawang, iaitu rasuah, monopoli, kapitalisme kroni, ketidakcukupan tenaga manusia, sistem bank dan lain telah lama wujud, tetapi ekonomi negara-negara ini tetap tumbuh cepat walaupun dengan kewujudan elemen tersebut.⁵⁴⁰

6.8 Perhimpunan Agung UMNO 1998 Yang Tegang

Perang Lidah Mengenai KKN

Lebih kurang 10 hari sebelum Perhimpunan Agung UMNO, Anwar kelihatan berpakat dengan penyokongnya, terutamanya Zahid Hamidi, untuk membangkitkan isu Korupsi, Kolusi dan Nepotisme (KKN) dan menekankan perlunya reformasi dalam sistem pentadbiran kerajaan.

Pada 7 Jun, Zahid mendakwa unsur-unsur nepotisme dari segi pengagihan projek-projek kerajaan kepada syarikat gergasi bumiputera berada pada tahap yang serius. Menurutnya, syarikat-syarikat gergasi bumiputera diberi peluang perniagaan tetapi apabila projek-projek turun ke bawah, ia hanya menjurus kepada satu atau dua syarikat yang mempunyai hubungan dengan syarikat induknya.⁵⁴¹ Kenyataan Zahid

⁵⁴⁰ Berita Harian, 3 Jun 1998, m/s 2

⁵⁴¹ Utusan Malaysia, 8 Jun 1998, m/s 1.

disokong oleh beberapa persatuan pelajar. Mereka menggesa kerajaan bersikap lebih tegas dalam usaha menangani gejala amalan KKN.⁵⁴²

Pada hari yang sama, Anwar merasmikan konvensyen yang bertemakan ‘Agenda Ekonomi Negara: Reformasi, Keadilan dan Keseimbangan’ anjuran UMNO Johor. Beliau berkata bahawa kelemahan dalam dasar dalaman telah menyumbang kepada timbulnya sesetengah masalah, kerajaan harus mengakui hakikat ini dan melakukan perubahan.⁵⁴³ Anwar juga menyeru ahli-ahli UMNO supaya mengikis unsur-unsur nepotisme, gejala rasuah dan kronisme untuk memenuhi prinsip asas kewujudan dan kekuatan parti.⁵⁴⁴ Selepas itu, Anwar berturut-turut mengulangi kata-kata tersebut di beberapa tempat. Beliau malah berkata sekiranya negara ini enggan menerima kenyataan ini seperti bekas pimpinan Indonesia, maka rakyat akan bangun menuntut perubahan secara kasar.

Penghapusan KKN yang dilaung-laungkan oleh rakyat Indonesia digunakan oleh Anwar dan penyokongnya mendapat banyak sokongan di dalam parti. Anwar semakin berjaya menonjolkan dirinya sebagai pemimpin alternatif kepada Mahathir.

Pada masa yang sama, akhbar Bahasa Malaysia yang dikawal oleh penyokong Anwar selalu menonjolkan kenyataan beliau dan sekutunya. Penyokong Anwar di dalam dan di luar parti kelihatan cuba menghantar isyarat dalam cara Melayu kepada Mahathir dengan harapan Mahathir dapat berundur secara bermaruah, tetapi beliau tidak menunjukkan keinginan untuk berundur. Dalam suatu wawancara television beliau di

⁵⁴² Pertubuhan pelajar tersebut termasuk Majlis Tertinggi Pelajar Malaysia di Britain, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Tindakan Siswa Bersatu Universiti Kebangsaan Malaysia. Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 13 Jun 1998, m/s 5.

⁵⁴³ Berita Harian, 9 Jun 1998, m/s 1-2.

Tokyo pada 3 Jun, Mahathir berkata bahawa pertukaran pimpinan kerajaan akan dijalankan secara lancar dan mungkin berlaku bila-bila masa, tetapi ia “harus berlaku selepas kami menyelesaikan krisis matawang.”⁵⁴⁵

Mahathir kemudian menghadiri perhimpunan raksasa di setiap negeri untuk mempertahankan langkah kerajaan menangani krisis ekonomi dan juga menekankan keperluan ‘bail out’ untuk usahawan Melayu, sebagai cara membala tujuhan KKN.

Mahathir Membalas Tuduhan KKN

Seminggu selepas Zahid melempar dakwaan KKN terhadap kerajaan, Mahathir pun mula membidasnya dengan mengatakan bahawa pendakwa sendiri adalah kroni orang lain.⁵⁴⁶

Mahathir kemudian menubuhkan suatu kumpulan penasihat yang merangkumi 200 bekas pemimpin tinggi UMNO untuk memberi cadangan, nasihat dan maklumat kepada Majlis Tertinggi untuk menghadapi cabaran yang semakin agresif dan terbuka daripada Anwar dan kuncu-kuncunya. Kumpulan tersebut diketuai oleh Ghafar Baba dan merangkumi dua bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu Ghafar Baba dan Musa Hitam; empat orang bekas Menteri Besar dan Ketua Menteri, iaitu Osman Saat (Johor), Mohammed Yaakob (Kelantan), Osman Aroff (Kedah) dan Rahim Tamby

⁵⁴⁴ *Sin Chew Jit Poh*, 8 Jun 1998, m/s 9.

⁵⁴⁵ *New Straits Times*, 4 Jun 1998, m/s 1-2.

⁵⁴⁶ Pengkritik Zahid termasuk Fauzi Abdul Rahman, Senator Zainuddin Maidin (kawan rapat Mahathir, bekas Ketua Pengarang *Utusan Malaysia* yang dilantik sebagai senator dalam Mei tahun tersebut), Ghafar Baba, Ketua Pengarang *New Straits Times* Kadir Jasin dan sebagainya. Rujuk: *New Straits Times*, 14 Jun 1998, m/s 1.

Chik (Melaka). Ia juga termasuk pemimpin lama seperti bekas Menteri Pendidikan, Khir Johari; bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Shahrir Abdul Samad dan lain-lain.

Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung daripada 19 – 21 Jun 1998 dibayangi oleh tuduhan nepotisme dan kronisme yang dibangkitkan oleh puak Anwar dan penyebaran buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* yang diusahakan oleh puak Mahathir.

Sehari sebelum Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO, Mahathir memberi amaran kepada perwakilan UMNO bahawa mereka yang membangkitkan isu nepotisme dan kronisme mestilah bertanggungjawab sekiranya mereka mengakibatkan perpecahan dalam parti dan mereka mesti mempunyai fakta.⁵⁴⁷ Pada hari yang sama, Anwar mendapat perintah Mahkamah Tinggi untuk menghalang pengeluar buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM* daripada menerbit dan mencetak semula buku tersebut. Buku yang ditulis oleh Khalid Jafri ini sebenarnya telah luas tersebar di kalangan masyarakat.⁵⁴⁸

Ucapan Zahid dan Anwar

Zahid mengendahkan kritikan Mahathir dan terus berucap berkisar topik reformasi dalam pengagihan ekonomi negara dalam ucapannya di Perhimpunan Pemuda UMNO. Beliau malah memetik kata-kata Mahathir berhubung soal reformasi, iaitu

⁵⁴⁷ *New Straits Times*, 18 Jun 1998, m/s 1.

⁵⁴⁸ Menurut seorang penyokong Anwar, Khalid Jafri menulis 5 dalil yang menuduh Anwar pada mulanya. Beliau kemudian membentangkan kepada kedua-dua penyokong Mahathir, Megat Junid dan Aziz Shamsuddin. Kedua-dua mereka berpendapat 5 dalil adalah tidak cukup untuk mencaci imej Anwar, jadi mereka pun mereka 45 dalil yang lain. Penerbit buku Media Pulau Lagenda adalah dipunyai oleh Khairuddin, seorang pengikut Rahim Tamby Chik.

“UMNO bukan semata-mata parti politik tetapi ia adalah satu gerakan reformasi, gerakan pembaharuan.”⁵⁴⁹

Dalam ucapan perasmian Anwar dalam Perhimpunan Pemuda dan Wanita UMNO, beliau juga menyebut tentang keperluan pembaharuan dan reformasi tetapi dengan nada yang lebih lembut. Beliau mendedahkan bahawa golongan bernafsu besar itu menggertak sesiapa sahaja termasuk institusi-institusi kerajaan agar menyelesaikan masalah mereka.⁵⁵⁰

Keesokan harinya, Mahathir pun berkata bahawa beliau akan memberi sokongan kepada Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri jika Anwar dicabar pada pemilihan parti dalam tahun yang akan datang dalam sidang akhbar yang dihadiri oleh Anwar. Anwar pula berkata bahawa beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan untuk mencabar Perdana Menteri, tetapi kesemua dakwaan tersebut merupakan ‘interpretasi sesetengah pihak terutamanya media asing.’

Kontroversi Terhadap Buku Yang Mencemarkan Nama Baik Anwar

Walaupun Anwar telah mendapat perintah Mahkamah untuk menghalang pengedaran buku *50 Dalil*, buku tersebut dimasukkan dalam beg perwakilan UMNO Wilayah Persekutuan. Perkara ini pun membangkitkan kemarahan penyokong Anwar. Dalam sessi perbahasan ucapan dasar Presiden pada hari pertama, Ketua Pemuda UMNO

⁵⁴⁹ Utusan Malaysia, 19 Jun 1998, m/s 1-2.

⁵⁵⁰ Anwar berkata, “Dasar fiskal perlu ditumpukan terhadap membantu golongan yang paling memerlukan bantuan. Tumpuan juga perlu diberikan kepada golongan peniaga kecil dan sederhana. Peruntukan pembasmiان kemiskinan ditambah. Tabung biasiswa untuk pelajar miskin digerakkan secepat mungkin.” “Kepentingan peribadi perlu diketepikan; dan sikap berkelompok atau berpuak harus dielakkan.” Rujuk: Utusan Malaysia, 19 Jun 1998, m/s 1-2.

Negeri Sembilan, Ruslan Kassim mendedahkan bahawa pejabat penerbit buku tersebut adalah kepunyaan seorang bekas Ketua Menteri dan seorang wanita. Beliau juga menyelar pegawai urusetia melibatkan diri dalam mengedarkan buku tersebut. Selepas itu, beberapa orang perwakilan juga membangkitkan perkara tersebut.⁵⁵¹ Desakan perwakilan tersebut menyebabkan Mahathir berkata bahawa urus setia UMNO akan menyiasat perkara tersebut. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tajol Rosli juga berkata bahawa kementeriannya akan menyiasat bagaimana buku tersebut diedarkan kepada para perwakilan.

Penafian Rahim Tamby Chik

Sehari selepas Perhimpunan Agung UMNO, Rahim Tamby Chik menafikan beliau terlibat dalam pengeluaran buku *50 Dalil*. Beliau membuat laporan polis terhadap Ruslan Kassim yang menuduh beliau adalah tuanpunya premis syarikat yang mengeluarkan buku tersebut. Rahim berkata bahawa saham yang dipegang oleh beliau dan isteri beliau atas premis tersebut telahpun dijual dan dipindah kepada orang lain sejak Julai 1996.⁵⁵²

Pemeran Senarai Projek Penswastaan Dan Kontrak Kerajaan

Mahathir mendedahkan senarai nama individu dan syarikat yang mendapat projek-projek penswastaan dan kontrak kerajaan pada hari kedua dalam Perhimpunan Agung UMNO dengan tujuan untuk membala kritikan Anwar dan penyokongnya mengenai

⁵⁵¹ Wakil Badan Perhubungan UMNO Perak, Fadhil Harun menyeru kerajaan menangkap penulis buku dan orang yang mendalangi buku tersebut. Beliau berkata bahawa orang tersebut tentu tidak berani kalau tidak ada orang besar di belakangnya. Seruan yang sama juga dibuat oleh wakil Pemuda UMNO, Mohd Supardi. Rujuk: *New Straits Times*, 21 Jun 1998, m/s 3.

isu KKN yang dilakukan oleh kerajaan. Beliau berkata bahawa senarai itu mengandungi nama semua orang termasuk ahli keluarga beliau sendiri dan golongan yang rapat dengan para pemimpin UMNO, termasuk Zahid Hamidi. Beliau juga berkata bahawa kerajaan tidak harus mendiskriminasi seseorang semata-mata kerana mereka ada perhubungan dengan pemimpin sedangkan ‘mereka mempunyai kebolehan seperti orang lain.’⁵⁵³

Keesokan harinya, satu senarai mengenai tokoh UMNO yang mendapat saham, permit AP untuk import kereta dan lesen pun didedahkan. 91 buah syarikat Bumiputera mendapat saham khas bumiputera daripada 57 syarikat yang disenaraikan di BSKL. Tokoh politik UMNO yang terlibat termasuk: bapa Anwar menerima 3.8 juta saham di syarikat Nissan Industrial Oxygen,⁵⁵⁴ bekas Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba dan Musa Hitam, Hishamuddin Hussein dan kedua-dua anak Mahathir, Mokhzani dan Mukris.⁵⁵⁵ Pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO, 5 lagi senarai diumumkan.⁵⁵⁶ Walau bagaimanapun, penyokong Anwar mendedahkan bahawa senarai tersebut tidak termasuk maklumat yang lengkap mengenai naungan yang diterima oleh ramai kroni Mahathir. Anwar kemudian juga berkata bahawa

⁵⁵² *New Straits Times*, 23 Jun 1998, m/s 2.

⁵⁵³ Senarai tersebut mengandungi nama-nama individu yang memperolehi 114 projek kerajaan yang mendapat kelulusan prinsip dan 171 lagi yang telah diberi kelulusan penuh. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 21 Jun 1998, m/s 1.

⁵⁵⁴ *Far Eastern Economic Review*, 2 Julai 1998, m/s 10-17.

⁵⁵⁵ *Sin Chew Jit Poh*, 22 Jun 1998, m/s 2.

⁵⁵⁶ 5 senarai termasuk:

i) Nama individu yang diperuntukkan saham syarikat di bawah Peruntukan Saham Khas Bumiputera; ii) Nama pemegang saham syarikat swasta; iii) Bilangan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat pengakutan awam dan nama lembaga pengarah mereka; iv) Permit yang dikeluarkan kepada syarikat pengakutan kontena dan nama ahli lembaga pengarah mereka; v) Nama ahli lembaga pengarah dan syarikat kontraktor Kelas A.

278 syarikat terlibat dalam senarai pertama tersebut, seorang individu memegang 100 million saham dalam sebuah syarikat, iaitu pemegang saham yang paling banyak manakala pemegang saham yang mendapat peruntukan yang terendah adalah 8,000 sahaja. Dalam senarai kedua pula, 488 syarikat termasuk dalam senarai ini, pemegang saham yang tertinggi adalah 30 unit yang dipunyai oleh seorang individu manakala pemegang saham yang terendah adalah 10,000 saham sahaja. Jumlah permit yang dikeluarkan kepada syarikat awam yang mengendalikan perniagaan bas ekspress, teksi dan lori kelas A.

senarai tersebut tidak menunjukkan perbezaan di antara projek yang bernilai beberapa juta dengan projek yang bernilai beberapa bilion, dan objektif utama pengumuman tersebut adalah untuk menunjukkan bahawa Anwar adalah tidak begitu ‘bersih’ seperti yang didakwa olehnya.⁵⁵⁷

Nama Zahid yang muncul dalam senarai projek penswastaan menyebabkan beliau terpaksa memberi banyak penjelasan tentang perkara tersebut.⁵⁵⁸ Walau bagaimanapun, alasan beliau tidak dapat mempertahankan serangan yang dilemparkan oleh Mahathir terhadapnya.

Serangan Puak Anwar Ditewaskan

Pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO, Ibrahim Ali dan Sanusi Junid yang tidak memegang jawatan penting dalam Majlis Tertinggi diberi peluang berucap semasa penggulungan ucapan para perwakilan. Sanusi Junid membuat ucapan yang kelihatan mendapat kelulusan daripada Mahathir. Beliau membayangkan terdapat komplot ‘setengah golongan’ untuk menumbangkan Mahathir.

Sanusi Junid memberitahu para perwakilan bahawa seorang pemimpin kaum India tempatan yang ingin menujuhkan sebuah kolej di kawasan Merbok, memberitahu beliau bahawa seorang pemimpin UMNO memberitahunya majoriti pemimpin bahagian UMNO tidak menyokong Presiden parti. Selain itu, 30 Ahli Parlimen akan

⁵⁵⁷ Anwar Ibrahim, *ibid*, 3 November 1998.

⁵⁵⁸ Dalam senarai projek penswastaan kerajaan, Zahid merupakan pemegang saham utama Pantai Dalam Sdn. Bhd yang dianugerahkan suatu projek secara prinsip untuk membangunkan Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur. Zahid menjelaskan bahawa beliau adalah seorang pemegang amanah Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan, suatu yayasan yang ditubuhkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO dalam 1983, dan yayasan tersebut mempunyai saham dalam sebuah syarikat usaha-sama yang

meminta Mahathir untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden parti, mereka juga menggunakan pelajar untuk menuntut Perdana Menteri meletakkan jawatan. Sanusi menafikan bahawa beliau membenci Anwar kerana mereka adalah sahabat sejak kecil, tetapi sekiranya Anwar ingin menumbangkan Mahathir, maka Anwar mestilah jumpa beliau terlebih dahulu. Sanusi menegaskan bahawa beliau tidak akan membenarkan sesiapa untuk memalukan Mahathir dan pengalihan kuasa haruslah diadakan dengan cara yang betul. Ucapan Sanusi mendapatkan tepukan gemuruh daripada para perwakilan.⁵⁵⁹

Dalam sessi penggulungan ucapan para perwakilan, Anwar sekali lagi mengulangi kesetiaannya kepada Mahathir. Beliau menyeru ahli-ahli UMNO supaya memberi sokongan penuh kepada Mahathir samada dalam keadaan ekonomi yang baik ataupun merosot.

Dalam sesi penggulungan ucapan, Mahathir mengkritik Zahid Hamidi secara terbuka kerana Zahid sebagai ahli Majlis Tertinggi tidak membangkitkan isu nepotisme dan kronisme di mesyuarat Majlis Tertinggi tetapi mnghebohannya di luar parti. Beliau juga menyifatkan golongan yang membuat kritikan di belakang adalah golongan yang merosakkan perpaduan parti.

6.9 Mahathir Menunjukkan Kuasanya Sekali Lagi

Selepas Perhimpunan Agung UMNO yang bersuji hangat tersebut, Mahathir pun mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap Anwar. Tiga hari selepas itu, Mahathir

dianugerahi projek penswastaan tersebut lama sebelum itu. Beliau menegaskan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa saham dalam syarikat tersebut. Rujuk: *New Straits Times*, 22 Jun 1998,m/s 2.

mengumumkan perlantikan Daim sebagai Menteri Tugas-tugas Khas dalam Jabatan Perdana Menteri.⁵⁶⁰ Mahathir berkata bahawa tumpuan Daim adalah mengenai masalah ekonomi secara menyeluruh dan perlantikannya adalah untuk membolehkan beliau menjelaskan keputusan yang diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kepada kabinet.⁵⁶¹ Mengikut laporan *Asiaweek*, sejak Daim menjadi pengarah MTEN selama setengah tahun, 30 laporan awal telah dibentangkan, tetapi hanya 2 di antara cadangan tersebut telah dilaksanakan.⁵⁶²

Perlantikan Daim menunjukkan Mahathir semakin kurang sabar terhadap dasar kewangan dan fiskal yang ketat yang dijalankan oleh Anwar. Selepas Daim dilantik sebagai ‘gantian’ Anwar dalam hal ehwal ekonomi, Mahathir pun terus melempar kritikan terhadap kenyataan dan perbuatan puak Anwar secara terus-terang.

Pada 26 Jun, Mahathir mendedahkan terdapat golongan yang membawa pemimpin pelajar Indonesia ke Malaysia demi menggalakkan pelajar tempatan menumbangkan kerajaan. Beliau juga berkata golongan ini cuba membandingkan keadaan Indonesia dengan keadaan Malaysia, supaya pelajar tempatan percaya bahawa kerajaan mempraktikkan nepotisme, kronisme dan korupsi. Beliau juga berkata bahawa isu nepotisme sengaja dipolitikkan oleh golongan tertentu yang bertujuan untuk menjatuhkan pemerintahan negara yang tidak tunduk dan akur kepada Barat. Selain itu, beliau juga menyeru pemimpin muda supaya bersabar menantikan peluang untuk memikul teraju kepemimpinan negara.⁵⁶³ Kenyataan tersebut jelas menunjukkan

⁵⁵⁹Rujuk: *New Straits Times*, 22 Jun 1998, m/s 3.

⁵⁶⁰Selain itu, Kasihah Gaddam juga dilantik sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Kooperasi, untuk menggantikan Osu Sukam yang telah memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah.

⁵⁶¹*New Straits Times*, 25 Jun 1998, m/s 1; *Berita Harian*, 25 Jun 1998, m/s 1-2.

⁵⁶²*Asiaweek*, 10 Julai 1998, m/s 23.

⁵⁶³*Sin Chew Jit Poh*, 27 Jun 1998, m/s 1 & 3; *Utusan Malaysia*, 27 Jun 1998, m/s 1-2.

konflik di antara beliau dengan Anwar yang mendapat sokongan banyak daripada generasi muda.

Puak Anwar Dibidas

Pada 9 Julai, Mahathir mengumumkan bahawa Pemuda UMNO telah menukar pendiriannya terhadap dakwaan nepotisme dan kroni-kapitalisme, dan penjelasan Zahid terhadap isu ini telahpun diterima oleh Majlis Tertinggi. Pemuda UMNO juga tidak lagi percaya perkara tersebut wujud di negara ini. Selepas itu, Zahid kelihatan terpaksa mengesahkan kata-kata Mahathir tersebut.⁵⁶⁴

Selepas itu, Ketua Pengarang yang dikenali sebagai penyokong Anwar dalam dua akhbar Bahasa Malaysia yang utama, iaitu Johan Jaaffar daripada *Utusan Malaysia* dan Nazri Abdullah daripada *Berita Harian*, meletakkan jawatan pada 15 dan 18 Julai masing-masing.⁵⁶⁵ Selain itu, Yunus Said dari TV3 juga dipaksa untuk meletakkan jawatan. Kedua-dua akhbar tersebut dan TV3 telah memberi banyak liputan kepada Anwar dan juga dakwaan nepotisme, kolusi dan kronisme yang dibuat oleh puak Anwar sebelum Perhimpunan Agung UMNO. Ahmad Nazri malah pernah membidas cara Mahathir mengendalikan krisis ekonomi dalam kolumn mingguan beliau.⁵⁶⁶ Rombakan ini menunjukkan Mahathir ingin menggantikan penyokong Anwar yang mengawal kedua-dua akhbar Bahasa Malaysia dan akhbar Bahasa

⁵⁶⁴ *New Straits Times*, 10 Julai 1998, m/s 2.

⁵⁶⁵ Johan Jaaffar dilantik menjadi Ketua Pengarang Utusan Malaysia pada 1 November 1992 menggantikan tempat Zainuddin Mydin. Zainuddin dilantik sebagai penasihat editorial kerana menulis artikel yang mengkritik Dr. Mahathir pada tahun tersebut. Johan Jaaffar meletakkan jawatan tanpa memberi sebarang alasan.

⁵⁶⁶ Artikel Nazri Abdullah bertajuk ‘Mengkritik diri lebih mulia daripada dikritik’. Ia disiarkan dalam kolumn Nazri, “Komentar” dalam *Berita Minggu*, 14 Disember 1997, m/s 10.

Inggeris (*The New Straits Times*) yang paling penting di Malaysia dengan orangnya.⁵⁶⁷

Semasa rombakan media tersebut dilakukan, Mahathir berkata bahawa laporan yang negatif akan mengganggu pembangunan negara dan menyebabkan rakyat Malaysia mempunyai fikiran yang inferior. Beliau juga menafikan perletakan jawatan Johan Jaafar adalah disebabkan oleh tekanan politik.⁵⁶⁸ Manakala Anwar yang tengah membuat lawatan di Washington menyeru media tempatan supaya tetap menyiarkan laporan yang objektif dan berdasarkan kebenaran.⁵⁶⁹

Dalam lawatan Anwar ke Amerika Syarikat dalam Julai 1998, beliau mula mengikut-ikut polisi ekonomi Mahathir dan mengkritik IMF kekurangan transparensi dan konsistensi dalam proses membuat keputusannya.⁵⁷⁰ Selain itu, beliau juga menukar pendirian dan menyokong dasar kadar bunga rendah.⁵⁷¹

Dua hari selepas kenyataan Anwar, Pengerusi MTEN selaku Menteri Tugas-tugas Khas, Daim Zainuddin melancarkan Perlaksanaan Pelan Pemulihan Ekonomi Nasional (PPEN) pada 23 Julai.⁵⁷² Pengumuman rancangan pemulihan ekonomi

⁵⁶⁷ Nazri yang yang memegang jawatan sebagai ahli lembaga pengarah Kumpulan *New Straits Times* sejak Januari 1993 'dinaikkan pangkat' menjadi Pengarah Eksekutif syarikat MRCB, iaitu syarikat induk Kumpulan *New Straits Times*. Pengarah Kumpulan *New Straits Times* selaku Ketua Pengarang *The New Straits Times*, A. Kadir Jasin dilantik menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Ketua Pengarang (Group Editor in Chief) Kumpulan *New Straits Times*. Jawatan Ketua Pengarang (Group Editor) *Berita Harian* dijawat oleh Rejal Arbee dan Ahmad Talib menjadi Ketua Pengarang *The New Straits Times*. Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 19 Julai 1998, m/s 3.

⁵⁶⁸ *Utusan Malaysia*, 19 Julai 1998, m/s 1-2.

⁵⁶⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 22 Julai 1998, m/s 3.

⁵⁷⁰ Beliau membuat ucapan tersebut sebelum beliau menemui Pengarah pengurus IMF Stanley Fischer dan President Bank Dunia James Wolfensohn di Amerika Syarikat. Rujuk: *New Straits Times*, 21 Julai 1998, m/s 1.

⁵⁷¹ *Sin Chew Jit Poh*, 22 Julai 1998, m/s 1, 3 dan 10.

⁵⁷² PPEN mempunyai enam objektif, iaitu: mentstabilkan Ringgit, mengekalkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan, mengukuhkan dasaran ekonomi, meneruskan agenda equiti dan sosio ekonomi dan memulihkan semua sektor yang terjejas teruk. Beliau berkata jika

tanpa kehadiran Menteri Kewangan pun menunjukkan kuasa Anwar telahpun digantikan oleh Daim.

Pada 31 Julai, Anwar berjaya mendapat perintah injunksi interim sehingga perbicaraan penuh dilupuskan terhadap penulis dan penerbit buku “*50 Dalil*”.⁵⁷³ Pada 12 Ogos, apabila penulis buku ini didakwa ke Mahkamah atas tuduhan menulis berita palsu di bawah Seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, anehnya beliau hanya dituduh atas 1 ‘dalil’ di antara 50 dalil yang mencaci nama Anwar, iaitu: ‘Anak Haram – Hasil dari hubungan seks dengan Shamsidar telah dikurniakan seorang cahaya mata bernama Afifa. Anak ini menjadi kebanggaan Shamsidar kerana ia anak pembesar negara’.⁵⁷⁴

Pada hari yang sama, sahabat Anwar, Pengarah Magnum Corporation Berhad, Nallakaruppan a/l Solaimalai dihadap ke Mahkamah Tinggi atas tuduhan memiliki 125 butir peluru hidup tanpa kebenaran, di bawah Seksyen 57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang boleh dihukum gantung sampai mati jika sabit kesalahan. Beliau ditangkap apabila polis menggeladah kediamannya demi menjalankan siasatan terhadap buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*.⁵⁷⁵

pelan tersebut dilaksanakan, ekonomi negara akan berada dalam perjalanan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara dijangka kembali ke paras antara lima hingga enam peratus selepas tahun 1999. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 24 Julai 1998, m/s 1.

⁵⁷³ *Utusan Malaysia*, 1 Ogos 1998, m/s 1-2.

⁵⁷⁴ Khalid Jafri, *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*, m/s 29.

⁵⁷⁵ *Utusan Malaysia*, 13 Ogos 1998, m/s 1-2.

Dalam tempoh itu, Rahim Tamby Chik pula menuduh *Times* dan Ruslan Kassim fitnah dengan meminta jumlah ganti rugi sebanyak 70 juta.⁵⁷⁶ Ruslan Kassim didakwa kerana menyampai ucapan yang berunsur fitnah terhadap beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 20 Jun.⁵⁷⁷

6.10 Pemecatan Anwar

Suasana politik dalam bulan Ogos 1998 adalah agak tegang. PPEN yang dibentangkan oleh Daim dalam bulan Julai tidak mendatangkan pemuliharan ekonomi negara menjelang bulan Ogos, nilai Ringgit Malaysia terus jatuh.⁵⁷⁸ Pelbagai khabar angin politik disebarluaskan, termasuk kata-kata mengenai rusuhan pekerja Indonesia di Kuala Lumpur.⁵⁷⁹ Pada 7 Ogos, Anwar menyangkal khabar angin mengenai beliau dipaksa meletakkan jawatan dan menegaskan beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Mahathir dan Daim. Pada 11 Ogos, Anwar mengisyiharkan bahawa semua Bahagian UMNO di Pulau Pinang akan mencalonkan Mahathir sebagai Presiden UMNO dan beliau sebagai Timbalan Presiden dalam pemilihan parti yang akan datang. Ucapannya dibuat di majlis perasmian Menara UMNO Pulau Pinang di hadapan Mahathir dan kira-kira 3,000 ahli UMNO Pulau Pinang.⁵⁸⁰ Walau bagaimanapun,

⁵⁷⁶ Majalah *Times* edisi Asia mencetak suatu artikel yang bertajuk *How Malaysia Throttles Dissent* dalam edisi 15 Jun 1998, mendakwa Rahim Tamby Chik mempunyai hubungan sulit dengan gadis bawah umur.

⁵⁷⁷ *New Straits Times*, 2 Ogos 1998, m/s 2.

⁵⁷⁸ Nilai Ringgit Malaysia terus jatuh berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat sehingga bergoyah di sekitar RM4.20. Pelan kerajaan tersebut gagal memulihkan keyakinan pelabur di dalam dan di luar negeri dan menyebabkan usaha kerajaan untuk menjual bon bagi membaiayai Dana Harta Modal Nasional Berhad (Dana Harta) dan Dana Modal Nasional Berhad (Dana Modal) melalui pasaran antarabangsa digagalkan oleh setengah pihak melalui firma penarafan antarabangsa Standard & Poor's serta Moody's. Rujuk: *Mingguan Malaysia*, 9 Ogos 1998, m/s 1-2.

⁵⁷⁹ Khabar angin adalah bahawa pekerja asing dari Indonesia membeli parang demi membunuh kaum Cina. Ia telah mencetuskan panik dan kecemasan di seluruh negara. Pada 11 Ogos, polis menahan dua orang yang dipercayai menjadi penyebab khabar angin keroncongnya berlaku rusuhan di Chow Kit dan sekitar Kuala Lumpur. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 12 Ogos 1998, m/s 1-2.

⁵⁸⁰ *Utusan Malaysia*, 12 Ogos 1998, m/s 1-2.

seruan terbuka Anwar nampaknya tidak dapat membaiki keretakan di antara beliau dengan Mahathir.

Pada 24 Ogos, pesaing utama Anwar di Pulau Pinang, Abdullah Badawi menyeru ahli-ahli UMNO mengekalkan perpaduan dengan berpegang teguh kepada prinsip sebuah parti yang hanya mempunyai ‘seorang jeneral’, iaitu memberi sokongan padu kepada Mahathir demi memulihkan ekonomi negara.⁵⁸¹ Seruannya disahut oleh kenyataan sokongan UMNO Selangor terhadap kepemimpinan Mahathir.⁵⁸²

Dalam tempoh itu, Mahathir menghadiri perhimpunan raksasa di setiap negeri, sehingga ramai pihak menyangka tindakannya adalah tanda kerajaan mengadakan Pilihan raya umum, tetapi ramai tidak menyangka bahawa Mahathir sebenarnya mempunyai udang di sebalik batu, iaitu rancangan yang membuka jalan baginya untuk mengambil tindakan terhadap Anwar.

Dasar Kawalan Modal

Dalam rapat umum di Kota Kinabalu pada 15 Ogos, Mahathir memberi amaran bahawa kerajaan akan memperkenalkan tindakan yang drastik untuk memulihkan ekonomi negara.

Pada 27 Ogos, Kementerian Kewangan mengeluarkan kenyataan mengumumkan Gabenor Bank Negara Malaysia, Ahmad Mohamed Don dan timbalannya Fong Weng Phak meletakkan jawatan mulai 1 September. Penolong Gabenor, Zeti Akhtar Aziz

⁵⁸¹ *Utusan Malaysia*, 25 Ogos 1998,m/s 1.

⁵⁸² *Utusan Malaysia*, 26 Ogos 1998,m/s 2.

dilantik sebagai Pemangku Gabenor Bank Negara. Pengumuman tersebut membuktikan desas-desus mengenai perletakan jawatan mereka pada tiga bulan yang lepas, iaitu selepas Bank Negara menjadi sasaran kritikan atas dasar kewangan ketatnya. Mahathir berkata bahawa mereka seharusnya meletakkan jawatan dari dulunya lagi, kerana kerajaan tidak setuju dengan semua dasar-dasar yang dikemukakan oleh mereka.⁵⁸³ Pada 31 Ogos, Anwar menafikan pada kali ketiga tentang khabar angin mengenai beliau telah mengemukakan surat perletakan jawatannya pada 28 Ogos (Hari Jumaat).⁵⁸⁴

Pada akhir bulan Ogos, Mahathir membatalkan rancangan menghadiri Persidangan Pergerakan negara-Negara Berkecuali (NAM) di Afrika Selatan dan mengumumkan tindakan drastik ekonomi yang disebut-sebutkan oleh beliau dan ahli kabinet yang lain pada 1 September, iaitu Dasar Kawalan Modal (Capital Control) melalui siaran langsung program *Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)* di Angkasapuri yang dipengerusikan oleh Kadir Jasin, Ketua Pengarang *NST*.⁵⁸⁵

⁵⁸³ Mereka tidak setuju dengan keputusan kerajaan untuk menurunkan kadar faedah. Mereka percaya kepada polisi kewangan yang menekankan kadar faedah yang tinggi dan kawalan ketat pinjaman, iaitu ubat dan nasihat yang ditawarkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada negara-negara di Asia. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 29 Ogos 1998, m/s 1-2; *Utusan Malaysia*, 30 Ogos 1998, m/s 1-2.

⁵⁸⁴ *Utusan Malaysia*, 1 September 1998, m/s 1-2.

⁵⁸⁵ Dasar tersebut menetapkan kadar nilai pertukaran Ringgit Malaysia dengan matawang asing supaya ia tidak lagi ditentukan oleh kuasa pasaran. Mengikut dasar ini, Ringgit Malaysia yang berada di luar negara mestilah dibawa balik ke Malaysia sebelum 1 Oktober 1998. Selain itu, seorang pemastautin dihalang membawa keluar Ringgit melebihi RM10,000 dari Malaysia manakala seorang bukan pemastautin pula dihadkan membawa hanya RM1,000 sahaja ketika masuk-keluar negara. Sehubungan dengan dasar ini, urusniaga melalui penama (nominees) di BSKL akan dihentikan dengan serta-merta untuk memastikan hanya pelabur tulen sahaja yang berurusniaga di BSKL. Di samping itu, penjualan saham BSKL hanya dibenarkan selepas setahun untuk mengelakkan aktiviti spekulasi. Mahathir menjangka sebanyak RM20 bilion sehingga RM25 bilion matawang yang berada di luar negara dapat dibawa balik dalam tempoh sebulan itu. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 2 September 1998, m/s 1-2.

Anwar Dipecat Daripada Kabinet dan UMNO

Walaupun Mahathir menyifatkan perhubungan di antara beliau dengan Anwar mesra dalam wawancara siaran langsung Mahathir di *RTM* pada 1 September, tetapi Anwar dipecat daripada kabinet pada petang 2 September.⁵⁸⁶

Sehari selepas itu, Anwar dipecat lagi oleh Majlis Tertinggi sebagai ahli UMNO dalam mesyuarat tergempar pada 3 September kerana enggan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO. Jawatan Menteri Kewangan yang dipegang oleh Anwar diambil-alih oleh Mahathir kemudian.⁵⁸⁷

Pada masa yang sama, Anwar dikatakan melakukan salah laku seks dalam affidavit yang dikemukakan oleh Musa Hassan daripada Bahagian Penyiasatan Jenayah (CID) kepada hakim yang mendengar kes Nallakaruppan, Hakim Abdul Wahab Patail.⁵⁸⁸

Sidang Akhbar Penjelasan Anwar Pertama

Dalam sidang akhbar Anwar selepas pemecatannya, beliau berkata beliau adalah mangsa konspirasi politik pada tahap atasan yang dirancang sejak tahun sebelumnya. Konspirasi tersebut terlibat sesetengah ahli Majlis Tertinggi dan usahawan yang berpengaruh. Beliau berkata Mahathir pernah memberi suatu ultimatum kepadanya, samada meletakkan jawatan ataupun dipecat dengan kemungkinan didakwa di

⁵⁸⁶ *Utusan Malaysia*, 3 September 1998, m/s 1-2.

⁵⁸⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 4 September 1998, m/s 1.

⁵⁸⁸ Mengikutnya, Nallakaruppan sebagai sahabat karib kepada Anwar memainkan peranan sebagai orang tengah mencari wanita untuk Anwar dan juga sebagai orang tengah kepada agen subversif di luar negeri yang boleh mengancam keselamatan negara. Rujuk: *New Straits Times*, 4 September 1998, m/s 1 & 4.

Mahkamah, beliau memberitahu Mahathir bahawa beliau tidak akan menunduk kepada rancangan yang keji tersebut. Beliau pernah mencabar Mahathir supaya menggunakan cara demokratik untuk menyingkirkan daripada jawatannya. Anwar juga menafikan tuduhan-tuduhan yang dirangkakan terhadap beliau dalam kes Nallakaruppan.⁵⁸⁹

Pemimpin BN Menyokong Pemecatan Anwar

Selepas Anwar dipecat, para Menteri daripada UMNO dan parti komponen BN, termasuk bekas tokoh *Team Wawasan* dan kesemua 52 Ahli Parlimen UMNO yang tidak memegang jawatan dalam kerajaan, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dari setiap negeri,⁵⁹⁰ Jawatankuasa Negeri termasuk asas Anwar di Pulau Pinang, UMNO Pulau Pinang, dan malah Majlis Pemuda BN yang diketuai oleh Zahid Hamidi, masing-masing memberi sokongan terhadap pemecatan Anwar.

Pada 8 September, 63 daripada 65 Senator Dewan Negara memberi sokongan kepada keputusan Perdana Menteri untuk memecat Anwar. 2 Senator yang tidak membuang undi adalah daripada PAS, Kelantan.⁵⁹¹ Ini diikuti oleh Pengurus Kelab Penyokong Penyokong Kerajaan (Back Benchers' Club), Ruhanie Ahmad, yang pernah menziarahi Anwar di kediaman baru beliau.⁵⁹²

⁵⁸⁹ Anwar berkata selepas polis menjalankan siasatan selama dua minggu, beliau mendapat bahawa fokus siasatan polis bukan tertumpu pada isikandungan buku tersebut, tetapi sebaliknya terhadap pelbagai cerita yang dikumpulkan daripada kilang khabar angin. Menurutnya, polis kelihatan hilang akal dan memaksa saksi mengeluarkan kata-kata yang memalukan beliau. Anwar juga berkata bahawa beliau pernah menghantar dua surat yang bertarikh 25 dan 28 haribulan Ogos kepada Perdana Menteri mengenai perkara tersebut. Rujuk: *New Straits Times*, 4 September 1998, m/s 1-2 & *Sin Chew Jit Poh*, 4 September 1998, m/s 9.

⁵⁹⁰ *Utusan Malaysia*, 5 September 1998, m/s 2.

⁵⁹¹ *New Straits Times*, 9 September 1998, m/s 2.

Pelbagai pihak mendesak Zahid Hamidi yang memberi sokongan kepada Anwar dalam mesyuarat Majlis Tertinggi untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO. Pada 6 September, hampir setengah daripada jumlah jawatankuasa negeri Pemuda UMNO memberi sokongan terhadap pemecatan Anwar. Mereka mendesak Zahid supaya berundur secara hormat daripada jawatan Ketua Pemuda. Walau bagaimanapun, Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Abdul Rahim Ghouse menyatakan Pemuda UMNO Pulau Pinang berdiri teguh di belakang Zahid dan meminta beliau supaya jangan menunduk kepada desakan untuk meletakkan jawatan.⁵⁹³

Pada 8 September, 21 daripada 25 Exco Pemuda UMNO yang diketuai oleh Naib Ketua Pemuda, Hishamuddin Hussein Onn memberi sokongan penuh kepada Mahathir dan menolak gerakan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar. 4 Exco yang tidak hadir dan tidak menyatakan sokongan adalah: Zahid Hamidi, Ruslan Kassim, Saifuddin Nasution dan Abdul Rahim Mohd. Ghouse.⁵⁹⁴ Mengikut perlumbagaan dan peraturan Pemuda UMNO, Pemuda UMNO tidak diberi kuasa untuk memecat mana-mana Exco, jadi Pemuda UMNO tidak boleh mengambil tindakan terhadap penyokong Anwar seperti Zahid dan lain.⁵⁹⁵ Bagi Bahagian Wanita UMNO pula, penyokong Anwar Siti Zaharah menukar pendiriannya dan membidas Anwar sejak hari pertama beliau dipecat.⁵⁹⁶

⁵⁹² *Utusan Malaysia*, 15 September 1998, m/s 3.

⁵⁹³ *Utusan Malaysia*, 7 September 1998, m/s 1-2, 4.

⁵⁹⁴ *Utusan Malaysia*, 9 September 1998, m/s 4.

⁵⁹⁵ *Utusan Malaysia*, 11 September 1998, m/s 1-2.

Prestasi BSKL Yang Cemerlang

Indeks Komposit BSKL merupakan jangkasuhu yang sangat sensitif terhadap pergolakan politik dan malah kenyataan pemimpin politik di Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan anehnya, pergolakan politik di UMNO dan tindakan drastik dalam ekonomi langsung tidak mempengaruhi prestasi BSKL pada masa itu, tetapi sebaliknya nilai Ringgit Malaysia dan Indeks Komposit BSKL naik selama beberapa minggu selepas itu.⁵⁹⁷ Kestabilan pasaran BSKL ini menunjukkan kerajaan telah membuat persediaan yang teliti sebelum ini. Dana tempatan nampaknya telah dirancang untuk memasuki pasaran saham dan menyokong pasaran tersebut, selain itu Bank Negara Malaysia juga mengumumkan bahawa kadar campurtangannya telah dipotong sebanyak 1.50 peratus pada 3 September.⁵⁹⁸

Rombakan Dalam Kementerian Kewangan Dan Bank Negara

Selepas Anwar dipecat daripada jawatannya, kerajaan pun menghentikan kesemua kakitangan kontrak yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Pada 8 September 1998,

⁵⁹⁶ *Sin Chew Jit Poh*, 10 September 1998, m/s 2.

⁵⁹⁷ Pada hari tersebut, Ringgit tutup pada paras RM3.90 berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, iaitu kenaikan sebanyak 5 peratus berbanding dengan RM4.19 yang ditutup pada minggu yang lepas (Jumaat). Bagaimanapun, pasaran saham kelihatan kurang baik dikawal sehingga Indeks Komposit BSKL jatuh 40 mata dan tutup pada 262 mata pada hari tersebut. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 2 September 1998, m/s 2.

Pada 4 September, Indeks Komposit BSKL naik sebanyak 50.37 mata, iaitu kenaikan sebanyak 16.09% di atas permintaan belian institusi yang besar. Peningkatan tersebut merupakan yang ketiga terbesar dan merupakan kenaikan tiga hari berturut-turut sejak pemecatan Awnar (Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 5 September 1998, m/s 1; *Utusan Malaysia*, 5 September 1998, m/s 1-2). Pada 7 September setelah perlantikan dua Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara yang baru, Indeks Komposit malah naik sebanyak 82 mata dengan tahap maksima sehingga 110 mata ataupun kenaikan sebanyak 30.28% pada hari tersebut. Selain itu, urusniaga pada hari tersebut juga mencatat jumlah dagangan yang terbesar, iaitu sebanyak 1.258 bilion unit saham yang bernilai RM1.577 bilion.

Para penganalisis yang diwawancara oleh *Utusan Malaysia* menyumbangkan keadaan tersebut kepada dasar kerajaan yang berusaha melonggarkan dan meningkatkan kecairan dalam sistem perbankan, iaitu langkah Bank Negara menurunkan keperluan Rizab Berkanun (SRR) daripada 6 peratus kepada 4 peratus di samping kemasukan berterusan institusi pelabur tempatan secara besar-besaran. Insititusi tersebut membeli saham dan meningkatkan Indeks Komposit BSKL (*Sin Chew Jit Poh*, 8 September 1998, m/s 1, *Utusan Malaysia*, 8 September 1998, m/s 1-2).

Jabatan Perdana Menteri mengumumkan perlantikan Mahathir sebagai Menteri Kewangan Pertama dan Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua dengan berkuatkuasa pada hari tersebut.⁵⁹⁹ Ini merupakan kali pertama dalam sejarah Malaysia di mana terdapat dua menteri dalam suatu kementerian. Ali Abul Hassan Sulaiman, iaitu Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia yang baru, manakala pemangku Gabenor, Zeti dilantik sebagai Timbalan Gabenor.⁶⁰⁰

Selepas itu, kerajaan pun menjalankan dasar pemulihan ekonomi yang bertentangan dengan dasar kewangan ketat yang menjerut kredit yang diamalkan oleh Anwar.⁶⁰¹ Dua hari selepas itu, Syarikat perunding antarabangsa, Solomon Smith Barney dilantik sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan, untuk membentuk dan melaksanakan program kewangan bagi memenuhi keperluan Malaysia dalam tempoh dua tahun.⁶⁰²

Anwar Mengcam Mahathir Secara Terbuka

Enam hari selepas Anwar dipecat, dalam mesyuarat dengan para pemimpin UMNO peringkat akar umbi, Mahathir berkata Anwar dipecat kerana perbuatan salah laku

⁵⁹⁸ *Utusan Malaysia*, 5 September 1998, m/s 1-2.

⁵⁹⁹ Ini bermaksud Mustapa menjalankan dua tugas, iaitu tugas Menteri Kewangan Kedua selaku Menteri di Kementerian Pembangunan Usahawan.

⁶⁰⁰ *Utusan Malaysia*, 8 September 1998, m/s 1-2.

⁶⁰¹ Pada 9 September, Gabenor Bank Negara yang baru, Ali Abul Hassan Sulaiman berkata bahawa kerajaan akan menyuntik RM8 bilion kepada Danamodal Nasional Berhad untuk menambahkan modal bank dalam 2 hingga 6 minggu. Bank Negara juga mengarahkan institusi-institusi perbankan supaya memberi lebih banyak pinjaman untuk membayai pemulihan ekonomi, iaitu mestilah mencapai kadar minimum pertumbuhan pinjaman tahunan sebanyak 8.0 peratus menjelang akhir 1998 bagi memastikan dana yang mencukupi untuk membayai pemulihan. Untuk membayai Danamodal, Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang telah diturunkan secara progresif sehingga 4 peratus daripada 13.5 peratus, akan diturunkan lagi sebanyak 2 peratus pada masa yang sesuai. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 10 September 1998, m/s 1-2.

⁶⁰² *Utusan Malaysia*, 11 September 1998, m/s 2.

seks dan menggunakan Nallakaruppan untuk membocorkan maklumat sulit negara.⁶⁰³

Mahathir berkata beliau pernah merancang untuk bersara dan menyerahkan teraju kepemimpinan kepada Anwar dalam tahun 1998, tetapi rancangan beliau terpaksa ditangguhkan kerana krisis ekonomi.⁶⁰⁴ Penjelasan Mahathir menyebabkan Anwar membidasnya dengan kuat.

Dalam wawancara Anwar oleh media Australia, *The Age*, Anwar mengecam Mahathir sebagai orang yang terlalu taksub kepada kuasa dan berazam untuk melindungi kepentingan keluarga serta rakan-rakan rapat dengan apa cara sekali pun. Beliau juga berkata selepas Presiden Suharto tumbang pada Mei lepas, Mahathir dihantui dengan perasaan amat takut sehingga mengarahkan kawalan ketat terhadap penentangnya di dalam parti pemerintah, terutama terhadap cubaan golongan muda dalam parti yang ingin mendedahkan rasuah dan kronisme.⁶⁰⁵

Pengaruh Anwar di dalam dan di luar parti boleh ditunjukkan dari segi jumlah orang yang berkumpul di rumah kediamannya di Kuala Lumpur selepas pemecatannya. Anwar diziarahi oleh ahli UMNO dari merata-rata tempat dan juga oleh para pemimpin pertubuhan bukan kerajaan dan parti pembangkang. Ceramah politik diadakan di halaman kediamannya tiap-tiap hari.⁶⁰⁶ Beberapa pertubuhan agama Islam yang memberi sokongan terhadap gerakan reformasinya merancang untuk menjelajah

⁶⁰³ *Utusan Malaysia*, 9 September 1998, m/s 1-2

⁶⁰⁴ *New Straits Times*, 9 September 1998, m/s 2.

⁶⁰⁵ Dalam wawancara tersebut, Anwar berkata, "Pesanan jelas yang ingin disampaikan oleh Dr. Mahathir ialah, sekiranya awak cuba untuk mencabarnya, awak merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara, awak adalah ejen luar negara, awak adalah rasuah, awak adalah homoseksual, awak adalah kaki perempuan. Tetapi sekiranya awak memilih untuk setia kepadanya, awak bukan seperti itu." Rujuk: *Utusan Malaysia*, 9 September 1998, m/s 3.

⁶⁰⁶ *New Straits Times*, 5 September 1998, m/s 1 & 4.

ke seluruh negeri.⁶⁰⁷ Rancangan tersebut dilewatkan kerana penyokongnya dinafikan permit polis untuk mengadakan perhimpunan dan kerajaan juga menegahkan masjid digunakan untuk tujuan tersebut. Penjelajahan beliau pertama pada malam 11 September di kediaman pendakwah bebas, Hadi Harun Din di Darul Syifa' di Bangi terpaksa dibatalkan atas nasihat polis.⁶⁰⁸

Perisyiharan Permatang Pauh

Anwar mengumumkan *Perisyiharan Permatang Pauh*, iaitu nama yang mengingati kawasan Parlimennya di kampung halamannya di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam dalam penjelajahan siri ceramah reformasinya ke utara Semenanjung.⁶⁰⁹ Perisyiharan tersebut kemudian dicabar oleh Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Ibrahim Ali dengan *Perisyiharan Pasir Mas 23 Jamadilawal 1419*.

Pada 15 September, polis menahan penulis ucapan Anwar, Munawar Anees dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohamad Ahmad.⁶¹⁰ Pada 16 September, setiausaha sulit Anwar, Azmin Ali, yang isterinya Shamsidar Tahrin dituduh mempunyai perhubungan sulit dengan Anwar, ditahan reman oleh polis sebanyak 7 hari. Adik angkat Anwar, Sukma Dermawan juga ditahan oleh polis.

⁶⁰⁷ Pertubuhan Islam yang menyokong Anwar termasuk: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Jemaah Islam Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi). Rujuk: *Utusan Malaysia*, 7 September 1998, m/s 7.

⁶⁰⁸ *Nanyang Siang Pau*, 13 September 1998, m/s A4; *Utusan Malaysia*, 12 September 1998, m/s 5.

⁶⁰⁹ Terdapat tujuh penekanan dalam perisyiharan tersebut, iaitu perjuangan hati nurani dari kesedaran bahawa manusia itu mulia dan merdeka; menegakkan keadilan untuk semua; mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses demokrasi; memperjuangkan jayadiri budaya yang dinamis; setia kepada warisan bangsa yang murni; membawa bangsa Malaysia ke zaman maklumat dan dunia tanpa sempitan untuk menjalin persahabatan sejagat berdasarkan kebenaran dan keadilan. Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 13 September 1998, m/s 4.

Memandangkan beberapa rakan rapat Anwar telah ditahan dan Ketua Polis Negara Rahim Noor berkali-kali berkata bahawa polis akan mendakwa Anwar dengan secepat mungkin, Anwar pun mengumumkan isterinya, Wan Azizah sebagai pewarisnya yang meneruskan perjuangan reformasi sekiranya beliau ditangkap.⁶¹¹ Selepas pengumuman tersebut, Anwar bersama isterinya berucap di tempat mogok lapar yang membantah perpenjaraan 36 bulan terhadap Ahli Parlimen DAP, Lim Guan Eng di Kajang.⁶¹² Ucapan beliau di pentas DAP, iaitu parti pembangkang yang dianggap sebagai musuh UMNO pun diheboh-hebohkan oleh media kawalan BN dan dibidas oleh pemimpin UMNO, tetapi ini tidak mempengaruhi sokongan orang ramai terhadap beliau. Ceramah beliau di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV di Kota Bahru dua hari kemudian mendapat sambutan yang hangat dan dihadiri oleh 50,000 hingga 70,000 orang.

Anwar Ditahan di Bawah ISA

Pada 19 September, Sukma Darmawan dan Munawar dijatuhan hukuman penjara enam bulan setiap seorang oleh Mahkamah Sesyen atas dakwaan membenarkan diri mereka diliwat oleh Anwar. Hukuman ini dijadikan laporan pada muka pertama di hampir semua akhbar tempatan.⁶¹³ Walau bagaimanapun, hukuman Mahkamah yang dijatuhan dengan motif politik itu tidak mengalihkan sokongan orang ramai terhadap Anwar dalam perhimpunan di Dataran Merdeka pada 20 September, pada waktu

⁶¹⁰ *Utusan Malaysia*, 16 September 1998, m/s 1.

⁶¹¹ *Utusan Malaysia*, 18 September 1998, m/s 9.

⁶¹² Lim Guan Eng dihukum oleh mahkamah dipenjarakan selama 18 bulan pada 25 Ogos 1998 kerana membantu gadis sekolah 15 tahun yang didakwa mempunyai perhubungan seks dengan bekas Ketua Menteri, Rahim Tamby Chik.

⁶¹³ Sukma diwakili oleh peguam yang tidak dikenali oleh keluarganya, manakala peguam yang dilantik oleh keluarga Sukma ditegah oleh hakim untuk mewakili Sukma di Mahkamah. Selain itu, keluarga Sukma dan Munawar juga tidak dibenarkan untuk menghampiri mereka di Mahkamah. Rujuk: *Nanyang Siang Pau*, 20 September 1998, m/s A1-A3.

petang bila Ratu Elizabeth II England, menziarahi Gereja St. Mary yang terletak di sebelah kawasan tersebut. Perhimpunan itu menarik 50 hingga 70 ribu orang. Dalam ucapan Anwar di Masjid Negara yang berdekatan dengan Dataran Merdeka, beliau bersumpah dengan Quran menafikan tuduhan meliwat Sukma dan Munawar.⁶¹⁴

Selepas ucapan Anwar, penyokongnya kemudian berarak ke Ibupejabat UMNO dan Sri Perdana, kediaman Mahathir, untuk mendesak beliau meletakkan jawatan, sama seperti keadaan tunjuk perasaan di Indonesia di mana beribu-ribu rakyat berhimpun untuk mendesak Presiden Suharto meletakkan jawatan. Pada malam itu, Anwar dan Ruslan Kassim ditangkap oleh polis di kediaman Anwar. Keesokan harinya, polis tidak mendakwa mereka ke Mahkamah tetapi mengumumkan kedua-dua mereka ditahan di bawah ISA. Pihak polis kemudian melancarkan penahanan beramai-ramai terhadap penyokong Anwar kemudian. Sehari selepas penahanannya, Zahid Hamidi, empat pemimpin ABIM⁶¹⁵ dan lima orang rakan Anwar ditahan di bawah ISA.⁶¹⁶ Pada hari yang sama, sahabat Anwar Nallakaruppan digugurkan sebagai Pengarah Eksekutif (Perhubungan Awam) Magnum Corporation Bhd di samping hilang kedudukan sebagai pengarah Kamunting Berhad dalam mesyuarat agung tahunan syarikat berkenaan.⁶¹⁷

⁶¹⁴ *Utusan Malaysia*, 21 September 1998, m/s 2.

⁶¹⁵ Mereka adalah Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman; Timbalan Presiden, Mukhtar Redhuan; Setiausaha Agung, Shaharuddin Badaruddin dan Naib Presiden, Abdul Halim Ismail. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 22 September 1998, m/s 1-2.

⁶¹⁶ 5 orang rakan Anwar tersebut adalah: Pengerusi Institut Kajian Dasar (IKD), Kamaruddin Jaafar; ADUN Kawasan Semarak, Kamaruddin Mohd. Nor; Rektor Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Antarabangsa, Prof. Dr. Sidiq Baba; Ketua UMNO Bahagian Cheras, Tamunif Mohktar dan Presiden Pertubuhan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam, Amidi Datuk Abdul Rahman. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 22 September 1998, m/s 4.

⁶¹⁷ Rujuk: *Utusan Malaysia*, 22 September 1998, m/s 6.

Penahanan penyokong Anwar di bawah ISA terus dijalankan selepas itu.⁶¹⁸ Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Abdul Rahim Ghouse, yang lantang mengkritik kerajaan dan UMNO serta institusi kehakiman dilaporkan hilang. Beliau juga dilaporkan meletakkan jawatan sebagai pengarah eksekutif Abrar Group International Sdn. Bhd.⁶¹⁹

Pada 23 September, bekas Ketua Polis Negara Haniff Omar mendedahkan bahawa Anwar adalah seorang homoseksual dan beliau pernah menasihatkan Anwar supaya menghentikan perbuatannya. Haniff berkata beliau pernah memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai kegiatan Anwar itu pada 9 Oktober 1993.⁶²⁰

Pelbagai khabar angin disebar selepas Anwar ditahan di bawah ISA, termasuk polis mungkin menyuntik virus HIV ke badan Anwar bagi membuktikan tuduhan terhadap salah laku seks. Wan Azizah disoal-siasat oleh pihak polis selepas mendedahkan khabar angin tersebut kepada media,⁶²¹ dan ia dinafikan oleh pihak berkenaan.

Pelancaran Dua Barisan Pembangkang

Pada 27 September, dua barisan yang merangkumi kesemua parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pun dilancarkan, mereka adalah *Gagasan Demokrasi Rakyat* (*Gagasan*) yang dipimpin oleh NGO dan *Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia* (*Gerak*) di bawah pimpinan PAS. Pembentukan kedua-dua barisan ini mencatatkan rekod sejarah di mana semua parti pembangkang, terutamanya dua

⁶¹⁸ Mereka yang ditahan pada 23 September termasuk: Pengarah Eksekutif Pusat Kajian Kepimpinan dan Pembangunan (Celdes) selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Lumut, Dr. Zamberi Abd. Kadir serta ADUN kawasan Pantai, Johor, Asmaon Ismail di bawah ISA, menjadikan jumlah yang ditahan di bawah ISA meningkat ke 14. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 24 September 1998, m/s 1.

⁶¹⁹ *Utusan Malaysia*, 23 September 1998, m/s 1-3; *New Straits Times*, 26 September 1998, m/s 3.

⁶²⁰ *Utusan Malaysia*, 24 September 1998, m/s 1-2.

⁶²¹ *Utusan Malaysia*, 24 September 1998, m/s 2.

parti politik yang tidak sehaluan, iaitu DAP dan PAS dapat duduk bersama dalam barisan.⁶²²

Anwar kemudian dihadapkan ke Mahkamah pada 29 September selepas dikuarung selama sembilan hari. Beliau didakwa atas lima tuduhan rasuah di bawah Seksyen 2(1) Ordinance 22 (Kuasa-kuasa Penuh) Dharurat 1970 dan empat tuduhan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan. Beliau diwakili oleh tujuh orang peguam yang ternama di Malaysia, termasuk dua bekas Presiden Majlis Peguam, Raja Aziz Addruse dan Zainur Zakaria.

Apa yang mengejutkan adalah Anwar muncul di Mahkamah dengan mata lebam dan badan yang tercedera. Beliau tetap ditahan di bawah ISA selepas didakwa ke Mahkamah,⁶²³ keputusan tersebut kelihatan adalah untuk menghalang beliau menjalankan aktiviti politik. Selepas itu, pihak polis membebaskan beberapa penyokong Anwar yang ditahan di bawah ISA, seperti Zahid Hamidi, Kamaruddin Jaafar, Ahmad Azam dan lain-lain, manakala Presiden JIM, Saari Sungip ditahan di bawah ISA pada 12 Oktober.⁶²⁴

Munawar dan Sukma membuat rayuan kepada Mahkamah tentang hukuman terhadap mereka pada 29 September.⁶²⁵ Pada 30 September, Anwar dihadap ke Mahkamah dan

⁶²² Majlis pelancaran *Gagasan* yang sepatutnya diadakan di Hotel Federal terpaksa dibatalkan atas arahan pihak polis, manakala pelancaran *Gerak* dalam bentuk ceramah dapat dilancarkan di Ibu Pejabat PAS di Gombak pada malam tersebut. Pertama kalinya kesemua pemimpin parti pembangkang dan NGO, termasuk Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang berucap di pentas Ibu Pejabat PAS. Ceramah tersebut dihadiri oleh lebih daripada 10 ribu orang dari merata-rata tempat.

⁶²³ *Utusan Malaysia*, 30 September 1998, m/s 1-3

⁶²⁴ *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 1998, m/s 1.

⁶²⁵ *New Straits Times*, 30 September 1998, m/s 4. Rayuan Dr. Munawar kemudian mendatangkan bantahan daripada peguam asal yang mewakili beliau dalam perbicaraan sebelum itu, Mohd. Yaacob

didakwa dengan tuduhan meliwat Mior Abdul Razak Yahya, seorang pereka fesyen dan tuanpunya butik.⁶²⁶

Mata lebam dan kecederaan Anwar dalam tahanan ISA pun menyebabkan kerajaan dikritik oleh masyarakat di dalam dan di luar negeri, sehingga Mahathir terpaksa menubuhkan suatu pasukan khas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai polis yang bukan daripada Cawangan Khas untuk menyiasatnya. Selepas itu, kata-kata Mahathir bahawa Anwar berkemungkinan mencederakan dirinya sendiri bagi meraih simpati dan mendapat ‘mileage’ lebih memarahkan orang ramai sehingga lebih tunjuk perasaan diadakan.⁶²⁷

Pada 5 Oktober, apabila 10 tuduhan terhadap Anwar disebut di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tinggi menolak permohonan Anwar untuk dibebaskan dengan ikat jamin sehingga tarikh perbicaraan tetapi meluluskan permohonan peguam Anwar untuk menegah mana-mana pihak daripada membuat kenyataan berhubung dengan 10 tuduhan terhadap Anwar.⁶²⁸ Larangan tersebut pun menyebabkan pemimpin UMNO tidak berpeluang untuk memburukkan imej Anwar dengan lebih lanjut, manakala parti pembangkang terus mengeksplorasi isu ketidakadilan terhadap Anwar ini dengan sepenuhnya.

Karim. Yaacob mendakwa dua peguam bela yang mewakili Dr. Munawar, Manjeet Singh Dhillon dan Balwant Singh Sidhu telah melanggar etika profesi guaman kerana memfailkan notis rayuan bagi pihak anak guamnya; manakala dua peguam yang lain berkata bahawa mereka mempunyai surat lantikan yang ditandatangani oleh Dr. Munawar dan mereka adalah peguam bela Dr. Munawar yang sebenar. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 2 Oktober 1998, m/s 2.

⁶²⁶ *New Straits Times*, 1 Oktober 1998, m/s 1, 4.

Reaksi Di Dalam dan Di Luar UMNO

Tiga hari selepas Zahid dibebaskan, beliau pun meletakkan jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO dengan alasan demi menjaga kepentingan Pemuda keseluruhannya.⁶²⁹

Rahim Ghous dan rakannya dilaporkan menjalankan kempen untuk menjelaskan isu pemecatan Anwar di Manila dan di Indonesia tanpa menghiraukan amaran daripada Setiausaha Agung UMNO, Sabaruddin Chik.⁶³⁰ Saifuddin Nasution pula berkempen di Negeri Thai. Usaha beliau menyebabkan tiga pertubuhan Islam di Thailand menghantar memorandum kepada Mahathir.⁶³¹ Aktiviti mereka menyebabkan Majlis Tertinggi memecat ketiga-tiga Exco Pemuda UMNO, iaitu Saifuddin Nasution, Abdul Rahim Ghous dan Ruslan Kassim.⁶³² Selain itu, surat tunjuk sebab juga diberikan kepada sekumpulan penyokong Anwar di peringkat bahagian.⁶³³ Selepas itu, Majlis Tertinggi memutuskan bahawa sistem undi bonus bagi pencalonan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dimansuhkan.⁶³⁴

⁶²⁷ *Utusan Malaysia*, 1 Oktober 1998, m/s 1-2.

⁶²⁸ *Utusan Malaysia*, 6 Oktober 1998, m/s 2.

⁶²⁹ *Utusan Malaysia*, 3 Oktober 1998, m/s 1-2.

⁶³⁰ *Utusan Malaysia*, 9 Oktober 1998, m/s 1-2.

⁶³¹ 3 pertubuhan Islam adalah Pergerakan Belia Islam Thailand, Pertubuhan Perlindungan Pengguna Islam dan Persatuan Undang-Undang Islam. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 9 Oktober 1998, m/s 3.

⁶³² *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 1998, m/s 1-3.

⁶³³ Mereka didakwa terbabit dalam aktiviti penentangan parti. Mereka adalah: Ahmad Saad (pemangku Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh), Kassim Haniffa, Ishak Md. Noor, Siti Rohani Hussein, Che Pora Ahmad dan Fatimah Siraj. Kesemua mereka datang daripada UMNO Bahagian Bagan, Pulau Pinang. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998, m/s 3.

⁶³⁴ Untuk menjustifikasi pindaan perlombongan tersebut, pindaan dibuat bersama dengan 17 pindaan yang lain, termasuk cadangan merendahkan umur keahlian UMNO daripada 18 ke 16 tahun. Rujuk: *New Straits Times*, 8 Oktober 1998, m/s 1 & 4. Cadangan merendahkan had umur ini mencetuskan perbincangan yang hangat dan akhirnya had umur minimum ahli UMNO dikenalkan pada 18 tahun. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 12 November 1998, m/s 1-2.

Rombakan Jawatankuasa Exco Pemuda UMNO kemudian dilakukan. Hishamuddin yang telah dilantik menjadi Pemangku Ketua Pemuda BN⁶³⁵ dilantik menjadi Pemangku Ketua Pemuda. Zulkifli Mohamed Alwi dilantik sebagai Penolong Setiausaha menggantikan Saifuddin Nasution, Ketua Pemuda Bahagian Sik, Hamlan Din dilantik sebagai anggota Exco yang baru menggantikan Abdul Rahim Ghouse.⁶³⁶ Pada 6 November 1998, Mahathir melantik bekas pesaing Anwar, Abdullah Badawi untuk memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.⁶³⁷

Sokongan Terhadap Anwar di Luar UMNO

Setelah Anwar dipecat, tunjuk perasaan diadakan hampir setiap petang Jumaat dan Sabtu di Kuala Lumpur, dan kadang-kala di ibu kota negeri yang lain. Banyak perhimpunan secara aman ini dihadiri oleh pegawai kerajaan dan pelajar kolej dan universiti, dan juga kaum wanita dan kanak-kanak. Penglibatan kakitangan kerajaan dalam gerakan Reformasi ini memang memerlukan kerajaan. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tajol Rosli mendedahkan bahawa ada orang malah menggunakan faks kementeriannya untuk menyebarkan risalah mengenai aktiviti tunjuk perasaan.⁶³⁸ Pihak polis selalu menggunakan kekerasan untuk menyuraikan peserta Reformasi. Selain itu, pihak polis juga sentiasa dituduh sengaja menggunakan ‘agen provocateur’ untuk mencetuskan kakau-bilau dan mencemarkan imej aktiviti Reformasi.⁶³⁹

⁶³⁵ *Sin Chew Jit Poh*, 25 September 1998, m/s 6.

⁶³⁶ *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 1998, m/s 1-3.

⁶³⁷ *Utusan Malaysia*, 7 November 1998, m/s 2.

⁶³⁸ *Sin Chew Jit Poh*, 29 Oktober 1998, m/s 1.

⁶³⁹ Keganasan yang dilakukan oleh polis juga menyebabkan Majlis Peguam mengadakan suatu perhimpunan khas untuk membincangkan pencabulan undang-undang dan penyalahgunaan kuasa polis berkaitan dengan isu Anwar pada 10 Oktober. Salah satu sebab perhimpunan khas ini adalah kerana pejabat peguam Anwar Zulkifli Nordin dipecat masuk oleh polis. 4 resolusi diluluskan dalam perhimpunan tersebut, termasuk isu di mana peguam tidak harus diganggu semasa menjalankan tugas, mendesak Peguam Negara menjalankan tugas secara adil, mengambil perhatian terhadap aduan mengenai keganasan polis terhadap tahanan polis dan peserta tunjuk perasaan di samping mendesak kerajaan menghapuskan akta yang memberi kuasa kepada polis untuk menahan orang tanpa

Laporan media tempatan yang sengaja memburuk-burukkan aktiviti perhimpunan Reformasi menyebabkan ramai kaum Melayu tidak percaya laporan media. Penyokong Anwar menggunakan media elektronik seperti internet, pita video dan kaset untuk menyebarkan maklumat. Penerbitan parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan melambung naik, khususnya akhbar terbitan PAS, *Harakah*. Kononnya, jualan *Utusan Malaysia* turun kepada 200,000 setiap keluaran manakala jualan *Harakah* naik kepada 300,000 setiap terbitan. Pada akhir Oktober 1998, PAS melancarkan kempen boikot *Utusan Malaysia*⁶⁴⁰ dan ia mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Melayu.

Gerak yang dipimpini oleh PAS mengeksplorasi isu Anwar dengan sepenuhnya dalam siri ceramahnya di seluruh negara. Akhirnya kerajaan terpaksa membebaskan Anwar daripada penahanan di bawah ISA dan memindahkannya dari Bukit Aman ke Penjara Sungai Buloh sementara menunggu perbicaraan Mahkamah.⁶⁴¹

perbicaraan. Selain itu, perhimpunan tersebut juga membangkitkan isu perselisihan di antara dua peguam Munawar. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 1998, m/s 1-2. Perhimpunan khas Majlis Peguam selalu gagal diadakan kerana tidak dapat memenuhi kuota hadirin yang ditetapkan dalam perlumbaan pertubuhan tersebut; tetapi perhimpunan tersebut dihadiri oleh 2,480 peguam, jauh melebihi daripada 1,570, iaitu bilangan yang ditetapkan dalam undang-undang. Ini menunjukkan kekerasan polis dan pencabulan undang-undang dalam kes Anwar dan isu yang terlibat telah membangkitkan keprihatinan dan kemarahan para peguam sehingga mereka berani berdiri untuk menuntut semula keadilan dan hak mereka.

Kedua-dua Sukma dan Munawar yang dikenakan hukuman oleh Mahkamah kerana memberikan mereka diliwat oleh Anwar menghadapi masalah di antara peguam yang diantar oleh pihak polis dan juga peguam yang dilantik oleh keluarga mereka. Peguam yang dilantik oleh pihak polis pun mengadakan perselisihan dengan peguam yang dilantik oleh keluarga mereka dalam Mahkamah kemudian. Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 11 Oktober 1998, m/s 1-4.

⁶⁴⁰ Salah satu sebab boikot ini adalah kerana akhbar tersebut melaporkan suatu perhimpunan wanita yang menuntut keadilan yang terdiri daripada 300-500 orang di luar Istana Negara adalah pelacur yang diupah dari Seremban, Melaka dan Ipoh. Laporan tersebut membangkitkan kemarahan masyarakat Melayu dan ia menjatuhkan kredibiliti *Utusan Malaysia* dengan lebih lanjut lagi.

⁶⁴¹ *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 1998, m/s 1-2.

Isu pemecatan Anwar menarik perhatian daripada masyarakat antarabangsa. Ramai pemimpin luar negeri mengingkari protokol diplomasi dan membidas tindakan kerajaan Malaysia secara terbuka, termasuk Perdana Menteri Australia, John Howard dan Kerajaan Amerika Syarikat.⁶⁴² Media massa dan tokoh masyarakat yang ternama di Indonesia seperti bekas Ketua Umum Muhammadiyah dan Ketua Parti Amanat Nasional (PAN), Amien Rais juga membela Anwar. Beliau melempar kritikan yang tajam terhadap kerajaan dan menyamakan Mahathir dengan bekas Presiden Suharto di Indonesia.⁶⁴³ Kritikan tersebut menyebabkan bekas Timbalan Perdana Menteri Ghafar Baba mewakili Mahathir untuk menziarahi beberapa pemimpin politik Indonesia pada akhir September. Walau bagaimanapun, misinya di Indonesia yang baru mengalami revolusi itu gagal menyakinkan pihak-pihak berkenaan termasuk media.⁶⁴⁴

Kecederaan Anwar dalam penahanannya mendatangkan reaksi yang kuat daripada masyarakat antarabangsa, termasuk pemimpin ASEAN. Presiden Estrada dari Filipina dan Presiden Indonesia, B. J. Habibie merupakan dua tokoh ASEAN yang memberi kritikan yang kuat terhadap layanan buruk terhadap Anwar. Terdapat khabar angin yang menyatakan bahawa kedua-dua mereka mungkin akan boikot Persidangan APEC di Kuala Lumpur di November, tetapi ia tidak berlaku kemudian. Di samping itu, anak perempuan bongsu Anwar, Nurul Izzah juga mengunjungi Presiden Estrada dan Presiden Habibie.⁶⁴⁵ Keprihatinan Presiden Estrada terhadap Anwar kemudian dibalas dengan tunjuk perasaan oleh penyokong BN di luar kedutaan Filipina di Kuala

⁶⁴² *Utusan Malaysia*, 26 September 1998, m/s 3.

⁶⁴³ *Utusan Malaysia*, 26 September 1998, m/s 6.

⁶⁴⁴ *Utusan Malaysia*, 28 September 1998, m/s 2; *Sin Chew Jit Poh*, 1 & 3.

⁶⁴⁵ *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1998, m/s 1-2.

Lumpur manakala akhbar *Utusan Malaysia* pula menyiarangkan laporan besar berkenaan kehidupan peribadi Presiden Estrada yang runtuh akhlak.⁶⁴⁶

Sebelum kes Anwar didengar, Hakim Augustine Paul membuat laporan polis bahawa seorang lelaki yang mengenal diri sebagai Senator Amerika Syarikat mengugut beliau melalui telefon.⁶⁴⁷ Walaupun kedutaan Amerika Syarikat tidak ingin terbabit dengan perkara ini, tetapi Duta Amerika Syarikat di Malaysia, John R. Malott secara peribadi mengunjungi isteri Anwar,⁶⁴⁸ sebagai tanda pendirian Amerika Syarikat terhadap isu pemecatan Anwar. Selepas itu, dua ahli Kongres Amerika Syarikat mendesak supaya sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dipindah ke negara lain.⁶⁴⁹

Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-10 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 17 - 18 November telah dibayangi oleh isu Anwar. Ia dijadikan gelanggang politik bagi pemimpin luar negeri untuk memberi sokongan kepada Anwar. Mereka sengaja mengabaikan protokol tidak bercampurtangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia dan menziarahi isteri Anwar, ini termasuk Setiausaha Negera Amerika Syarikat, Madeline Albright; Menteri Luar Kanada, Lloyd Axworthy, bekas Menteri Luar Negeri Australia, Gareth Evans dan Presiden Estrada. Selain itu, beberapa orang pemimpin luar negeri, termasuk Perdana Menteri Australia,

⁶⁴⁶ *Mingguan Malaysia*, 18 Oktober 1998, m/s 7.

⁶⁴⁷ *Utusan Malaysia*, 14 Oktober 1998, m/s 3.

⁶⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 15 Oktober 1998, m/s 3.

⁶⁴⁹ *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998, m/s 1-2.

John Howard juga menyampaikan keprihatinan mereka terhadap layanan terhadap Anwar dalam pertemuan mereka dengan Mahathir.

Selain itu, Mahathir mengubah keputusan awalnya dan menegah Presiden Estrada untuk menziarahi Anwar di Penjara Sungai Buloh dalam tempoh sidang APEC, dengan alasan untuk mengelakkan tekanan terhadap Mahkamah.⁶⁵⁰

Dalam mesyuarat peringkat menteri APEC, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright bertikam lidah dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Rafidah Aziz mengenai penahanan Anwar. Selain itu, Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton menggunakan alasan kemungkinannya berlaku perang di Iraq untuk mengelakkan diri daripada sidang APEC, beliau menghantar Timbalan Presidennya, Al Gore untuk mewakilinya. Ketidakhadiran Presiden Amerika Syarikat pun secara tidak langsung menurunkan darjat APEC kerana Amerika Syarikat merupakan negara yang paling penting dalam perbincangan tentang globalisasi dan ekonomi antarabangsa.⁶⁵¹

Penyokong Anwar pula mengambil kesempatan ketibaan pemimpin luar negeri untuk mengadakan tunjuk perasaan di ibukota sehari sebelum permulaan APEC sehingga tercetusnya konfrontasi di antara mereka dengan pihak polis.⁶⁵²

⁶⁵⁰ *Sin Chew Jit Poh*, 1 November 1998, m/s 1.

⁶⁵¹ *Utusan Malaysia*, 16 November 1998, m/s 1-2.

⁶⁵² *Utusan Malaysia*, 16 November 1998, m/s 5. Seminggu sebelum APEC dijalankan, sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan di Malaysia juga menganjurkan persidangan yang membincangkan globalisasi dan pelbagai isu yang lain, *The Peoples' Assembly*, di mana Dr. Wan Azizah dijemput untuk memberi ucapan pada hari pembukaan sidang tersebut.

Pada masa yang sama, MBF Finance Bhd melancarkan kempen ‘Kibarkan Bendera Kita’ (Raise our flags) dengan mengedarkan bendera Malaysia secara percuma kepada orang ramai sebelum sidang kemuncak APEC, sehingga bendera Malaysia terpasang di banyak kereta di ibukota.⁶⁵³

Dalam jamuan malam sambutan tetamu khas APEC sebelum sidang kemuncak rasmi APEC, Al Gore menyampaikan satu ucapan yang memalukan kerajaan Malaysia. Beliau menekankan kepentingan untuk mengadakan reformasi dan demokrasi dalam sesebuah negara. Beliau malah menyebut para penunjuk perasaan untuk Anwar sebagai ‘orang yang berani’.⁶⁵⁴ Ucapannya sekali lagi digunakan oleh kerajaan BN untuk meraihkan sokongan terhadap kerajaan. Pemuda BN mengadakan tunjuk perasaan di luar kedutaan Amerika Syarikat. Kedutaan Amerika Syarikat dan Pejabat Pemuda UMNO membuka talian telefon sepanjang masa bagi orang ramai untuk meluahkan perasaan benci mereka terhadap Amerika Syarikat.⁶⁵⁵ Media kawalan BN juga membidas ucapannya dengan seboleh-bolehnya.⁶⁵⁶ Sebenarnya, ucapan Al Gore

⁶⁵³ *New Straits Times*, 15 November 1998, m/s 3; *Utusan Malaysia*, 5 Januari 1999, m/s 1. Ia mengedarkan 400,000 *Jalur Gemilang* dan dua juta pelekat kereta bumper ‘Raise Our Flag’ kepada orang awam. Ia merupakan kempen PR yang dijalankan oleh syarikat kewangan tersebut yang tengah mengalami krisis kewangan semasa itu dengan tujuan untuk mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan. Seperti yang diramalkan, syarikat ini dan syarikat kewangan yang satu lagi, Kewangan Bersatu Bhd (KBB) kemudian diletakkan di bawah pengurusan dan kawalan Bank Negara pada 4 Januari 1999, dan diambil oleh Danamodal dalam Mac 1999.

⁶⁵⁴ Perenggan yang membidas kerajaan Malaysia dalam teks Al Gore adalah berikut: “People will accept sacrifice in a democracy, not only because they have had a role in choosing it, but because they rightly believe they are likely to benefit from it. The message this year from Indonesia is unmistakable: People are willing to take responsibility for their future -- if they have the power to determine that future. From Thailand to South Korea, Eastern Europe to Mexico, democracies have done better in coping with economic crises than nations where freedom is suppressed. Democracy confers a stamp of legitimacy that reforms must have in order to be effective. And so, among nations suffering economic crises, we continue to hear calls for democracy, calls for ‘reformasi.’ We hear them today -- right here, right now -- among the brave people of Malaysia.” Lihat: *Sin Chew Jit Poh*, 17 November 1998, m/s 2.

⁶⁵⁵ *Utusan Malaysia*, 20 November 1998, m/s 4. Mengikut laporan *Utusan Malaysia* pada hari keduanya, Pemuda UMNO menerima lebih daripada 25,000 telefon daripada orang ramai yang membidas sikap Al Gore.

⁶⁵⁶ *New Straits Times*, 19 November 1998, m/s 6. Noordin Sopiee, Pengurus Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan ‘tink-tank’ bagi Dr. Mahathir malah menyiarkan satu iklan semula penuh yang membidas Al Gore di *New Straits Times*.

meletakkan penyokong Anwar dalam keadaan yang serba-salah, sehingga beberapa pemimpin parti pembangkang terpaksa mengkritik ucapan Al Gore secara terbuka. Mereka terpaksa berkata bahawa Gerakan Reformasi harus diusahakan oleh rakyat Malaysia sendiri dan tidak perlu campur tangan asing.

Anwar juga mengambil kesempatan sidang APEC untuk meluahkan pandangan beliau terhadap APEC. Artikelnya *The Real Business For APEC* disiarkan oleh *Asian Wall Street Journal* pada 18 November 1998.

Perbicaraan Kes Anwar Ibrahim

Perbicaraan kes Anwar merupakan salah satu perbicaraan yang memakan masa paling panjang dalam sejarah Malaysia. Penolakan Mahkamah terhadap permohonan ikat-jamin dan *habeas corpus* sementara beliau menunggu perbicaraan membayangkan campur tangan pihak berkenaan yang ingin menyekat beliau menjalankan aktiviti politik di luar penjara.

Sebelum perbicaraan dijalankan, Hakim Augustine Paul kelihatan mengambil sikap terbuka dengan membenarkan prosiding Mahkamah dijalankan dalam Bahasa Inggeris, supaya media asing boleh melaporkan prosiding dan demi menjamin keadilan ditunjuk dan ditunaikan, tetapi cadangan beliau dibantah oleh beberapa pertubuhan, termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pemuda UMNO. Akhirnya, Ketua Hakim Negara, Eusoff Chin tunduk kepada tekanan dan mengarahkan

prosiding kes Anwar dijalankan dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya.⁶⁵⁷ Perubahan ini menunjukkan pengaruh politik dalam perbicaraan ini.

Pendakwara mendakwa Anwar mengikut Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang telah dimansuhkan oleh Dewan Rakyat pada 22 Ogos 1998. Walau bagaimanapun, hakim enggan membuang tuduhan tersebut selepas dipohon oleh peguam Anwar atas alasan ia belum diluluskan oleh Dewan Negara.⁶⁵⁸

Tuduhan Terhadap Anwar

Pertuduhan terhadap Anwar dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah empat tuduhan rasuah terhadap Anwar kerana menyalahgunakan kuasanya untuk menafikan perbuatan salah laku seks dan liwat, manakala bahagian kedua adalah lima tuduhan salah laku seks. Anwar diwakili oleh sembilan peguam yang ternama di Malaysia yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse.⁶⁵⁹

Keempat-empat pertuduhan rasuah terhadap Anwar tidak melibatkan apa-apa bentuk skandal kewangan, tetapi mereka adalah mengenai beliau mengarahkan polis mengambil tindakan terhadap kedua-dua saksi penting dalam kes ini, iaitu Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar (bekas pemandu Anwar), supaya memaksa mereka

⁶⁵⁷ Utusan Malaysia, 30 Oktober 1998, m/s 1-2.

⁶⁵⁸ Sin Chew Jit Poh, 3 November 1998, m/s 1-2.

⁶⁵⁹ Para peguam yang mewakili Anwar ialah Sulaiman Abdullah, Christopher Fernando, Zainur Zakaria yang juga bekas Presiden Majlis Peguam, Gurbachan Singh, Kamar Ainiah Kamaruzaman, S.N. Nair dan Pawancheek Merican dan Zulkifli Nordin. Pihak pendakwa diwakili oleh Timbalan-Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, Azahar Mohamad, Mohd. Yusof Zainal Abiden dan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Clement Augustin, Nordin Hassan dan Shamsul Sulaiman. Rujuk kepada Utusan Malaysia, 2 November 1998, m/s 2.

menarik balik surat pengakuan sumpah yang menceritakan perilaku seksnya kepada Mahathir.⁶⁶⁰

Persoalan Berkanaan Perbicaraan Anwar

Sesetengah peguam mendakwa bahawa hakim yang mendengar perbicaraan Anwar telah dirancang malah sebelum Anwar didakwa ke Mahkamah. Mereka berpendapat Hakim Augustine Paul hanya dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi dalam bulan Mei 1998 dan baru dipindah dari Melaka ke Bahagian Kuasa Khas di Mahkamah Tinggi, adalah terlalu awal bagi beliau untuk mendengar perbicaraan yang penting seperti kes Anwar.⁶⁶¹

⁶⁶⁰ Mengikut tohmann dalam buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri*, Shamsidar Mohd.Tahrin (isteri Azmin Ali) dibawa oleh Nallakaruppan ke Apartmen Tivoli Villa untuk mengadakan hubungan seks dengan Anwar. Anwar didakwa menyalahgunakan kuasanya dan memaksa Ummi Hafilda dan Azizan menarik balik dakwaan mereka dalam bentuk surat bersumpah terhadapnya.

Empat pertuduhan rasuah terhadap Anwar adalah:

- 1) Dari 12 Ogos hingga 18 Ogos 1997, Anwar mengarahkan Mohd Said Awang, Pengarah Cawangan Khas dan Amir Junus, Timbalan Cawangan Khas II, Polis Diraja Malaysia memperoleh pengakuan bertulis daripada Azizan Abu Bakar bagi menafikan salah laku seks dan liwat yang dilakukan oleh beliau. Akibatnya, Azizan Abu Bakar memberi pengakuan bertulis bertarikh 18 Ogos 1997 kepada Perdana Menteri sepertimana yang diarahkan;
- 2) Pada 27 Ogos 1997, Anwar mengarahkan Mohd Said Awang dan Amir Jurus daripada Polis Diraja Malaysia untuk menggesa Azizan Abu Bakar supaya memberi kenyataan umum bertulis bagi menafikan salah laku seks dan liwat yang dilakukan oleh beliau, akibatnya Azizan Abu Bakar memberi kenyataan bertulis sepertimana yang diarahkan;
- 3) Pada 12 Ogos hingga 18 Ogos 1997, Anwar mengarahkan Mohd. Said Awang dan Amir Junus daripada Polis Diraja Malaysia untuk memperoleh pengakuan bertulis daripada Ummi Hafilda Ali (adik perempuan kepada bekas setiausaha Anwar, Azmin Mohd. Ali) bagi menafikan salah laku seks dan liwat yang dilakukan oleh beliau. Akibatnya Ummi Hafilda pun memberi pengakuan secara bertulis kepada Perdana Menteri sepertimana yang diarahkan;
- 4) Pada 27 Ogos 1997, Anwar mengarahkan Mohd Said Awang dan Amir Junus untuk menggesa Ummi Hafilda Ali supaya memberi kenyataan umum bertulis bagi menafikan salah laku seks dan liwat yang dilakukan oleh beliau, akibatnya Ummi Hafilda Ali pun memberikan kenyataan umum bertulis bertarikh 29 Ogos 1997 sepertimana yang diarahkan. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 5 November 1998, m/s 3.

⁶⁶¹ Hakim yang merupakan Ketua Bahagian Sivil di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan seharusnya dinaik pangkat ke Mahkamah Rayuan berdasarkan pengalaman dan tempoh perkhidmatannya dipindah ke Mahkamah Tinggi di Shah Alam, kerana beliau memberi perintah Mahkamah kepada Anwar untuk menegah pengedaran buku *50 Sebab Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM* sebelum Perhimpunan Agung UMNO 1998.

Selain itu, terdapat dua hakim di Bahagian Penjenayah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, K.C. Vohrah dan Wahab Patail. Hakim Wahab Patail tidak berkelayakan untuk mendengar kes Anwar kerana beliau mendengar kes Nallakaruppan. Walau bagaimanapun, Hakim K. C. Vohrah yang

Sebelum kes Anwar dibicarakan di Mahkamah, beliau telahpun dibicarakan dan diputuskan oleh pemimpin BN melalui media. Perdana Menteri dan ramai pemimpin UMNO telah banyak menuduh Anwar tidak bermoral dan tidak layak untuk memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, begitu juga dengan bekas Ketua Polis Negara, Haniff Omar.

Kawan karib Anwar, Nallakaruppan yang ditahan polis sepatutnya didakwa di bawah Akta Senjata, tetapi ia kemudian ditukar kepada ISA yang mengandungi peruntukan hukuman mati dan tanpa ikat-jamin. Dalam affidavit yang dibuat oleh beliau pada 24 Ogos 1998, beliau berkata beliau diseksa secara mental dan fizikal dan dipaksa untuk menandatangan kenyataan palsu berkenaan Anwar.

Begitu juga dengan Munawar, Sukma dan Mior Abdul Razak. Kesemua mereka membuat affidavit yang menyatakan mereka membuat pengakuan yang menuduh Anwar di bawah paksaan dalam penahanan polis. Mior malah berkata beliau diseksa selama empat bulan dalam penahanan polis.⁶⁶² Selepas affidavit ketiga-tiga saksi ini didedahkan kepada media, mereka pun didakwa oleh polis atas memberi pengakuan palsu.

merupakan hakim Penjenayah yang paling berpengalaman dan dikenali sebagai hakim yang independen, tidak diberi peluang untuk mendengar kes Anwar. Beliau ditukar kepada Bahagian Sivil sebelum Anwar didakwa.

⁶⁶² *Utusan Malaysia*, 27 Februari 1999, m/s 4; *Sin Chew Jit Poh*, 27 Februari 1999, m/s 2..

Rumusan Prosiding Mahkamah

Perbicaraan Anwar merupakan siri drama yang menarik. Ia mendedahkan penglibatan pihak polis dalam ‘konspirasi politik’ pihak atasan UMNO terhadap Anwar yang bermula beberapa tahun sebelum itu. Selain itu, selepas pengakuan ketiga-tiga saksi pendakwaraya, iaitu ahli kimia forensik Lim Kong Boon; Azizan Abu Bakar dan pakar forensik Hospital Kuala Lumpur, Dr. Zahari Noor dicabar oleh peguam Anwar, pendakwaraya pun terpaksa meminda dakwaan mereka terhadap Anwar di samping menggugurkan hujah mereka.⁶⁶³ Pindaan pendakwaan ini pun menunjukkan keraguan terhadap pendakwaan terhadap Anwar.

Perbicaraan kes Anwar adalah sangat dramatik. Dalam tempoh ini, peguam Anwar Zainur Zakaria, dijatuhan hukuman penjara 3 bulan oleh Hakim Augustine Paul atas dakwaan menghina Mahkamah.⁶⁶⁴ Anwar pula menggunakan forum di Mahkamah untuk menghuraikan secara terperinci mengenai salahguna kuasa, rasuah dan konspirasi politik pihak atasan terhadap beliau, tetapi kesemua hujah mengenai konspirasi politik ditegah daripada menjadi bukti oleh hakim. Pada 10 Februari 1999, Hakim malah mengeluarkan perintah melarang media massa meyiarkan kandungan perbualan di antara Anwar dengan Mahathir dan bekas Ketua Polis Negara, Rahim Noor dalam dua pertemuan dalam September 1998 dengan alasan kandungan

⁶⁶³ *New Straits Times*, 14 Januari 1999, m/s 4. Pindaan termasuk: memasukkan perkataan “dakwaan” (allegation) dalam tuduhan mengenai salah laku seks, selain itu, dalam tuduhan terhadap Anwar mengarahkan polis supaya tuduhan tersebut ditarik balik pula, ia dimasukkan perkataan “untuk menyelamatkan beliau daripada keaiban” (save himself from embarrassment) untuk menggantikan perkataan “tindakan jenayah ataupun prosiding” (criminal action or proceedings). Rujuk: *Utusan Malaysia*, 15 Januari 1999, m/s 4; *Sin Chew Jit Poh*, 15 Januari 1999, m/s 1-6.

⁶⁶⁴ Zainur enggan memohon maaf kepada Peguam Negara dan Timbalan Kanan Pendakwaraya atas usulnya yang meminta Mahkamah untuk menggugurkan dua Timbalan Kanan Pendakwaraya Abdul Gani Patail dan Azahar Mohamed daripada terus memikul tugas pendakwaan bagi kes itu. Mahkamah Rayuan kemudian menangguhkan perlaksanaan hukuman penjara 3 bulan terhadap Zainur Zakaria dan mengekalkan ikat jamin RM10,000 terhadapnya. *Utusan Malaysia*, 5 Disember 1998, m/s 4.

perbualan itu masih belum diterima sebagai bukti. Larangan tersebut juga meliputi dakwaan Anwar terhadap Rafidah Aziz.⁶⁶⁵

Sikap Hakim Augustine Paul yang berat sebelah sepanjang perbicaraan tersebut menyebabkan Anwar memfailkan notis usul untuk melucutkannya.⁶⁶⁶ Walau bagaimanapun, permintaan tersebut ditolak dan beliau terus mendengar perbicaraan Anwar.

Suruhanjaya Diraja Siasatan Kecederaan Anwar mengadakan pendengaran atas kecederaan Anwar pada permulaan Mac 1999 selepas banyak tekanan dikenakan pada kerajaan.⁶⁶⁷ Rahim kemudian dijatuhkan hukuman penjara dua bulan dan denda maksimum RM2,000 atau penjara dua bulan.⁶⁶⁸ Norian Mai dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baru.⁶⁶⁹

Perkembangan Politik Semasa Perbicaraan Anwar

Selepas Anwar dipecat, pemimpin kerajaan dan media kawalannya pun cuba sedaya upaya untuk menunjukkan bahawa Anwar juga mempraktikkan kronisme dengan mendedahkan manfaat yang diterima oleh rakan rapatnya.

⁶⁶⁵ *Utusan Malaysia*, 11 Februari 1999, m/s 4.

⁶⁶⁶ *Utusan Malaysia*, 17 Mac 1999, m/s 4. Menurut afidavitnya, antara alasan Anwar adalah:

- * Augustine telah dengan jelas membuat suatu prapenghakiman mengenai isu-isu;
- * Mengecualikan peguamnya daripada mengemukakan kes dengan sepenuhnya;
- * Memusuahkan keterangan yang menyebelahinya;
- * Menggunakan standard berlainan kepada pihak pendakwa dan pembela mengenai penerimaan keterangan.

⁶⁶⁷ *Utusan Malaysia*, 3 Mac 1999, m/s 4.

⁶⁶⁸ *Utusan Malaysia*, 16 Mac 2000, m/s 1 & 4.

⁶⁶⁹ *Utusan Malaysia*, 16 April 1999, m/s 1-5.

daripada beberapa pemimpin UMNO, termasuk Ibrahim Ali, Hishammuddin Hussein Onn dan lain.⁶⁷³ Zahid kemudian terpaksa menjelaskan bahawa kedudukannya dalam beberapa syarikat bukan atas kapasiti sebagai Ketua Pemuda UMNO, tetapi beliau telahpun memiliki pegangan tersebut sebelum menyandang jawatan berkenaan.⁶⁷⁴

Tiga hari selepas itu, *New Sunday Times* menyiaran laporan bahawa rekod Pendaftar Syarikat menunjukkan bekas Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang, Rahim Ghouse yang mlarikan diri ke luar negeri merupakan pengarah dan/ataupun pemegang saham dalam 44 buah syarikat dalam bidang telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, pembinaan dan pemborongan.⁶⁷⁵

Pada 16 Disember 1998, bekas Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Ruslan Kasim mengakui beliau menjadi pengarah kepada 21 syarikat dan pemegang saham 18 syarikat seperti yang dilaporkan sebelum ini, tetapi beliau menyangkal dakwaan yang mengatakan kesemua syarikat itu mempunyai kaitan atau kepentingan dengan projek penswastaan dalam era Anwar Ibrahim.⁶⁷⁶

Selain itu, terdapat laporan akhbar, termasuk majalah *Business Week* keluaran 9 November 1998 mendakwa MRCB dikuasai oleh rakan-rakan rapat Anwar, tetapi ini dinafikan oleh Anwar dan beliau mendakwa 80 peratus daripada saham MRCB dipegang oleh Mahathir.⁶⁷⁷

⁶⁷² Wawancara dengan bekas penolong Anwar Ibrahim di Kementerian Kewangan.

⁶⁷³ *New Straits Times*, 3 Disember 1998, m/s 3; *Utusan Malaysia*, 4 Disember 1998, m/s 3.

⁶⁷⁴ *Utusan Malaysia*, 13 Disember 1998, m/s 4.

⁶⁷⁵ *New Sunday Times*, 6 Disember 1998, m/s 4.

⁶⁷⁶ *Utusan Malaysia*, 17 Disember 1998, m/s 2.

⁶⁷⁷ Anwar mengeluarkan kenyataan pada 10 November 1998 bahawa kepentingan Real Mild dalam MRCB adalah melalui pegangan saham 20 peratus oleh Kadir Jasin, A. Nazri Abdullah, Khalid Ahmad dan Mohd. Noor Mutalib; sementara 80 peratus saham dipegang oleh Mahathir sebagai pemegang amanah selaku Presiden UMNO. Anwar membela tuduhan terhadapnya dengan mempersoalkan

Penerusan ‘Bail out’ Terhadap Syarikat Kroni UMNO

Selepas Anwar dipecat, kerajaan pun meneruskan ‘bail-out’ terhadap syarikat-syarikat dan institusi-institusi kewangan yang rapat dengan kerajaan melalui Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), termasuk hutang tidak berbayar (NPL) Sime Bank Berhad yang bernilai kira-kira RM6 bilion,⁶⁷⁸ hutang lapuk (NPL) Oriental Bank Berhad (OBB),⁶⁷⁹ hutang lapuk Sabah Development Bank (SDB) dan Sime Merchant Bankers (SMB) yang berjumlah RM630 juta.⁶⁸⁰ Selain itu, kerajaan juga menyuntikan RM1.6 bilion daripada Danamodal untuk menyelamat MBf Finance Berhad.⁶⁸¹

Penyusunan Semula Renong Berhad

Bagi Renong pula, selepas Anwar dipecat, skim penyusunan semula hutangnya yang melibatkan terbitan bon bernilai lebih RM10.5 bilion oleh Kementerian Kewangan pun diperbadankan melalui anak syarikatnya, Perbadanan Pembangunan Infrastruktur pada Oktober 1998.⁶⁸² Rancangan itu kemudian dibatalkan oleh kerajaan.

kehilangan ‘ribuan juta ringgit sebelumnya yang dikumpul lesap entah di mana dan tidak dapat dipertahankan dengan apa rekod juga.’ Beliau juga menanya tentang kedudukan dan kepentingan UMNO dalam MRCB. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 11 November 1998, m/s 4.

⁶⁷⁸ NPL itu melibatkan 500 pinjaman bank tersebut dalam sektor pembinaan (28 peratus), pembelian saham (25 peratus) dan pembuatan (10-15 peratus). ‘Bail-out’ tersebut merupakan 95 peratus daripada keseluruhan NPL Sime Bank. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 17 Oktober 1998, m/s 1-2.

⁶⁷⁹ *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1998, m/s 16.

⁶⁸⁰ *Utusan Malaysia*, 3 Disember 1998, m/s 16.

⁶⁸¹ Perjanjian itu menyaksikan Danamodal membeli 70 peratus saham sedia ada MBf Finance dengan harga nominal RM1.00 dan melanggar 724 juta saham terbitan baru syarikat itu dan 2.47 bilion saham ketuarmaan boleh tukar tidak kumulatif yang masing-masing bernilai 50 sen. Kesemuanya bernilai RM1.6 bilion. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 13 Mac 1999, m/s 1-2.

⁶⁸² Pada 9 Oktober, kerajaan mengumumkan bahawa ia akan menerbitkan bon berjumlah RM10.5 bilion bagi membolehkan konglomerat terkemuka tempatan, Renong Bhd dan United Engineers (M) Bhd (UEM) untuk menyusun semula sebuah besar hutang komersial kedua-dua syarikat. Bonjaminan akan diterbitkan melalui anak syarikat penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF), iaitu Perbadanan Pembangunan Infrastruktur (IDC).

Penyelesaian masalah hutang akhirnya tercapai pada 8 Mac 1999 melalui terbitan bon berjumlah RM8.41 bilion.⁶⁸³ PLUS sekali lagi dijadikan alat mendapatkan tunai ataupun ‘cash cow’ untuk menyelamat syarikat induknya. Dengan itu, hutang Renong pun ditanggung oleh pembayar tol di Lebuhraya Utara-Selatan secara tidak langsung.⁶⁸⁴

6.11 UMNO Selepas Pemecatan Anwar

Pindaan Perlembagaan UMNO

Pada 13 Disember 1998, UMNO mengadakan satu perhimpunan khas untuk meluluskan pindaan terhadap Perlembagaan UMNO yang memberi lebih kuasa kepada Majlis Tertinggi di samping mengurangkan cabaran terhadap dua jawatan tertinggi. Pindaan tersebut memperketatkan syarat bertanding jawatan parti, iaitu seseorang yang hendak bertanding sebarang jawatan hendaklah menjadi ahli parti

Pada masa yang sama, IDC juga menerbitkan bon kepada pembiutang Renong dan UEM, tetapi juga pembiutang projek-projek infrastruktur penting negara – Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (PUTRA), Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR), Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) dan Linkedu (M) Bhd (Linkedu). Melalui skim tersebut, IDC menerbitkan bon kepada Renong/UEM akan dibayar melalui pendapatan yang diperolehi daripada Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. (PLUS) dan cukai masa depan yang dikutip daripadanya. Tempoh bon dijangka sekurang-kurangnya 15 tahun kerana PLUS haruslah membayar pinjaman yang sedia ada sekarang sehingga 2004 dan ia hanya akan mula membayar cukai daripada tahun 2007. IDC akan memegang kesemua saham PLUS sebagai kolateral sehingga semua bod diselesaikan.

⁶⁸³ Di bawah rancangan tersebut, Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. (PLUS) akan menerbitkan bon dan memberikan perolehannya kepada Renong dan syarikat sekutunya, United Engineers (M) Bhd (UEM), untuk membayar semua hutang tertunggak kedua-dua syarikat.

Bon terbitan PLUS (anak syarikat penuh UEM) merupakan bon baru berkupon sifar berjumlah RM8.41bilion yang akan matang dalam tempoh tujuh tahun dengan hasil pulangan 10 peratus setahun. Di bawah skim penyusunan semula Renong ini, 5.4 bilion bon digunakan untuk membayar balik hutang Renong manakala 3 bilion digunakan untuk membayar hutang UEM. Skim penyusunan semula Kumpulan Renong tersebut bergantung semata-mata pada aset kumpulan tersebut tanpa sebarang bantuan kewangan kerajaan. Rujuk: *Sin Chew Jit Poh*, 9 Mac 1999, m/s 1; *Utusan Malaysia*, 9 Mac 1999, m/s 1-2.

⁶⁸⁴ Itulah sebabnya Kerajaan BN meluluskan kenaikan tol walaupun ia telah membangkitkan kemarahan dan bantahan yang meluas daripada masyarakat umum. Akhirnya, demi meredakan kemarahan daripada rakyat jelata, Kerajaan BN membentangkan satu formula dalam Februari 1999,

selama dua tahun secara terus menerus bagi jawatan di peringkat cawangan dan 3 tahun bagi peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi (MT). Selain itu, semua calon yang bertanding dalam pilihan raya umum perlu menjadi ahli UMNO secara terus menerus selama 5 tahun.

Peraturan baru UMNO yang terperinci adalah berikut:

- * Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan MT hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya: a) Presiden - 30 peratus daripada jumlah bahagian; b) Timbalan Presiden - 20 peratus; c) Naib Presiden - 10 peratus; d) Ahli-ahli MT - 5 peratus
- * Seseorang ahli yang bertanding sebagai calon bebas atau mewakili parti lawan dalam Pilihan raya akan dipecat daripada parti dan tidak boleh diterima balik sebagai ahli untuk selama-lamanya.
- * Seseorang ahli yang keahliannya digantung boleh membuat rayuan selepas dua tahun dari tarikh dia dihukum, manakala bagi ahli yang dipecat, rayuan boleh dibuat selepas tiga tahun.
- * Memansuhkan Fasal 30 Perlembagaan berhubung jawatankuasa penaja UMNO.
- * Tempoh memanggil mesyuarat jawatankuasa cawangan disingkatkan daripada 14 hari kepada tujuh hari.
- * Jarak mesyuarat perwakilan bahagian dengan Perhimpunan Agung UMNO hendaklah diadakan tidak kurang daripada 60 hari dari tarikh perhimpunan agung. Sebelum ini, mesyuarat itu perlu diadakan sekali setahun pada tarikh yang ditetapkan oleh MT.

iaitu kutipan tol oleh PLUS dilanjutkan 12 tahun lebih, iaitu daripada 2018 sehingga 2030 dan harga tol dinaikan dengan kadar yang rendah secara peringkat.

- * Pegawai-pegawai bahagian yang terdiri daripada Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita secara automatik menjadi wakil bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO.
- * Permohonan menjadi ahli hendaklah dikemukakan melalui Jawatankuasa Cawangan dan Jawatankuasa Bahagian untuk diluluskan oleh MT atau wakilnya.
- * Ahli-ahli yang sedang dalam cadangan untuk digantung atau dipecat tidak hilang hak keahlian.
- * Ahli-ahli yang tidak menjadi wakil ke Mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Perhimpunan Agung boleh dicalonkan dan bertanding di peringkat berkenaan sekiranya memenuhi syarat di bawah Fasal 9.5 dan 15.4 Perlembagaan UMNO.
- * Ahli-ahli yang tidak hadir di persidangan cawangan boleh dicalonkan dan bertanding sebarang jawatan atau menjadi wakil ke perwakilan bahagian dengan syarat mengemukakan persetujuannya secara bertulis.
- * Jika semua ahli MT berhenti serentak maka Pengurus Tetap atau timbalannya hendaklah dalam tempoh tidak lebih daripada 60 hari mengadakan perhimpunan agung khas bagi menubuhkan semula MT dan perhimpunan agung itu hendaklah menetapkan tempoh perkhidmatan MT yang baru ditubuhkan.
- * MT berhak menangguhkan pemilihan di peringkat MT, bahagian dan cawangan. Penangguhan ini tidak boleh lebih daripada 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan.
- * Pertubuhan atau individu yang memohon menjadi Ahli Bergabung UMNO perlu mengemukakan surat permohonannya kepada Setiausaha Agung.

* Borang permohonan menjadi ahli UMNO perlu ditandatangani oleh pemohon, pencadang dan penyokong dengan disertakan bayaran wang pendaftaran dan yuran tahunan.⁶⁸⁵

Muhammad Taib Kembali ke UMNO

Dalam perbicaraan Muhammad Taib dalam pertengahan Disember 1998, beliau dan isterinya diarah untuk membela diri pada 17 dan 18 Disember kerana pihak pendakwaraya berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadapnya,⁶⁸⁶ tetapi dengan luar jangkaannya, kedua-duanya dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi pada 29 Disember. Lepas itu, Mahathir berkata bahawa Muhammad boleh aktif semula dalam politik kerana beliau hanya diminta mengambil cuti sebelum itu.⁶⁸⁷ Keputusan Mahkamah ini menunjukkan Mahathir ingin menggunakan tokoh yang mempunyai sokongan akar-umbi yang kuat untuk meraih sokongan kepadanya.

Abdullah Badawi Dilantik Menjadi Timbalan Perdana Menteri

Soal Timbalan Perdana Menteri selalunya ditanya-tanyakan oleh orang ramai selepas pemecatan Anwar. Daim dan Rafidah Aziz masing-masing berkata mereka tidak berhasrat untuk memegang jawatan tersebut,⁶⁸⁸ manakala Naib Presiden UMNO, Najib dan Abdullah Badawi, dan juga Razaleigh disebut-sebutkan akan bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan yang akan datang. Pada 3 Oktober 1998, Abdullah Badawi berkata bahawa beliau bertimbang untuk menandingi

⁶⁸⁵ Rujuk: *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1998, m/s 1-2.

⁶⁸⁶ Muhammad Taib dan isterinya dituduh kerana sengaja tidak mengisyiharkan empat bidang tanah milikan beliau dan isterinya di Batang Kali, Damansara dan Kuala Lumpur. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 30 Disember 1998, m/s 1-2.

⁶⁸⁷ *Utusan Malaysia*, 1 Januari 1999, m/s 1-2.

jawatan Timbalan Presiden dalam wawancara *CNBC*.⁶⁸⁹ Najib kemudian membuat kenyataan yang sama pada 9 November 1998.⁶⁹⁰ Pada 5 Januari 1999, Mahathir berbuka puasa bersama Razaleigh di kediaman Razaleigh. Ini membangkitkan dugaan tentang kemungkinan Razaleigh dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.⁶⁹¹

Walau bagaimanapun, dalam rombakan kabinet pada 8 Januari 1999, Abdullah Badawi dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri; Daim Zainuddin dilantik sebagai Menteri Kewangan Pertama; Menteri Pertahanan, Syed Hamid Albar dialih ke Kementerian Luar dan jawatannya diganti oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abang Abu Bakar Mustapha. Selain itu, 7 orang Timbalan Menteri juga dilantikkan, iaitu Wira Mohd Ali Rustam sebagai Timbalan Menteri Kesihatan, Ibrahim Saad sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan, Nazri Aziz sebagai Timbalan Menteri Kewangan, Kadir Sheikh Fadzir sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Affifuddin Omar sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia, Siti Zaharah Sulaiman dan Ibrahim Ali masing-masing sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Rombakan kabinet memperlihatkan ‘kenaikan pangkat’ bekas penyokong Anwar seperti Siti Zaharah, Ibrahim Saad, Nazri Aziz. Ini dilihat sebagai percubaan Mahathir untuk menarik sokongan puak Anwar terhadapnya. Walau bagaimanapun, penyokong Anwar, Affifudin pula ‘diturun pangkat’ daripada jawatan Timbalan Menteri Kewangan kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia. Peralihan jawatan Affifudin kelihatan dilakukan demi menyenangkan Daim dari segi perlaksanaan dasar ekonomi.

⁶⁸⁸ *Sin Chew Jit Poh*, 5 Oktober 1998, m/s 1; *New Straits Times*, 4 Oktober 1998, m/s 2.

⁶⁸⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 4 Oktober 1998, m/s 1.

⁶⁹⁰ *Utusan Malaysia*, 9 November 1998, m/s 1.

Sebab Mahathir melepaskan portfolio Menteri Dalam Negeri mungkin demi meredakan kemarahan publik terhadap kecederaan Anwar dalam penahanan ISA.

Mahathir juga mengumumkan bahawa UMNO tidak mengadakan pemilihan pucuk pimpinan yang sepatutnya diadakan pada Jun 1999, supaya parti itu boleh memberi tumpuan kepada pilihan raya umum yang akan datang.⁶⁹² Ini menunjukkan bahawa salah satu sebab pindaan Perlembagaan UMNO adalah demi menangguhan pemilihan parti supaya Mahathir mempunyai lebih masa untuk memulihkan dominasi beliau di dalam UMNO dan negara. Selain itu, beliau juga ingin mengelakkan perpecahan parti diperhebatkan sebelum pilihan raya umum diadakan.

Selepas rombakan kabinet diadakan, Mahathir melantik Abdullah Badawi sebagai Timbalan Presiden UMNO,⁶⁹³ beliau juga dilantik secara rasmi menjadi Timbalan Pengerusi MTEN.⁶⁹⁴ Dalam wawancara Mahathir yang disiarkan di akhbar Jepun, *Mainichi*, beliau berkata bahawa Abdullah Badawi akan menggantinya sebagai Perdana Menteri apabila kemelesetan ekonomi Malaysia pulih, beliau berkata sebab Najib tidak dilantik adalah kerana beliau masih muda.⁶⁹⁵

Adalah jelas bahawa episod perselisihan di antara Mahathir dan Anwar di dalam UMNO menjadi konfrontasi terbuka sehingga Anwar dipecat daripada parti dan kerajaan adalah didorong oleh krisis ekonomi yang melandai Malaysia. Keadaan ini adalah sama seperti perebutan kuasa di antara Mahathir dan Razaleigh pada tahun

⁶⁹¹ Mengikut pembantu Razaleigh, makan malam tersebut telahpun dirancang sejak lama, ia bukan diadakan dengan tujuan untuk mendapat sokongan Mahathir.

⁶⁹² Penangguhan tersebut berdasarkan Perlembagaan parti UMNO yang dipinda dalam Disember 1998 yang membenarkan Pemilihan UMNO ditangguh sehingga 18 bulan daripada tarikh Perhimpunan Agung parti. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 9 Januari 1999, m/s 1-2.

⁶⁹³ Mingguan Malaysia, 10 Januari 1999, m/s 1.

1987, yang juga berlaku dalam tempoh kemelesetan ekonomi. Ini adalah kerana kemelesetan ekonomi negara menyebabkan pengagihan naungan kerajaan menjadi tidak serata dan secara langsungnya mempersengitkan pergaduhan di antara puak-puak dalam parti tersebut. Ini boleh dibuktikan dengan dakwaan KKN oleh Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agung Pemuda dalam tahun 1998, pendedahan naungan yang diberi oleh kerajaan kepada semua pihak oleh Mahathir dalam UMNO dalam Perhimpunan Agung 1998, dakwaan yang dilempar oleh puak Mahathir terhadap pengamalan kronisme oleh puak Anwar selepas beliau dipecat dan sebagainya.

Perbicaraan Mahkamah berikutan dengan pemecatan Anwar menunjukkan campurtangan politik dalam seluruh perbicaraan tersebut. Penggunaan saluran Mahkamah dan juga laporan media yang berat-sebelah pun menyebabkan ramai kaum Melayu hilang keyakinan terhadap kedua-dua jentera kerajaan tersebut, sehingga mereka berani menyertai tunjuk perasaan secara besar-besaran di pusat Kuala Lumpur dan berbangkit untuk menentang Mahathir dan mendesak adakan reformasi di pentadbiran kerajaan. Boleh dikatakan tindakan pemecatan Anwar ini akhirnya menyebabkan UMNO dan Mahathir mengalami krisis yang paling serius selepas parti itu dibubarkan oleh Mahkamah pada tahun 1987, dan parti itu menghadapi kekalahan yang paling serius dalam pilihan raya umum 1999 kemudian.

⁶⁹⁴ *New Straits Times*, 14 Januari 1999, m/s 19.

⁶⁹⁵ *Sin Chew Jit Poh*, 14 Januari 1999, m/s 1.